

Jilid I
Bil. 96



Hari Khamis
26hb November, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 15785]

RANG UNDANG-LNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.45 [Ruangan 15838]

Maksud B.35 hingga B.43 [Ruangan 15844]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988

Jawatankuasa—

Maksud P.45 [Ruangan 15838]

Maksud P.35 hingga P.37 dan P.39 hingga P.42 [Ruangan 15844]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO" MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOH/MAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL. S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAPIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P..P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

.. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

.. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar). S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT. S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAPPA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., p.i.s., B.s.i. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ TJmbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. YIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Daiaim Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDULTAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ D« V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjung Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI Au, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO" RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- .. DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- .. DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- .. PUAN ~~SITI~~ ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

Yang Berhormat DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T,

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suho bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 26hb November, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANPERUNTUKAN PEMBANGUNAN
BAGI SEKOLAH-SEKOLAH

1. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah benar ada pilih kasih dalam pengagihan Peruntukan Pembangunan bagi Sekolah-sekolah. Bagaimanakah cara pengagihan itu dibuat.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak pernah berlaku sebarang pilih kasih di dalam pengagihan peruntukan pembangunan ke sekolah-sekolah. Pengagihan adalah dibuat berdasarkan kepada keperluan-keperluan di sekolah-sekolah berkenaan. Memandangkan peruntukan adalah terhad, Kementerian ini terpaksa mengagihkan peruntukan yang telah diluluskan hanya untuk projek-projek yang penting dan mendesak sahaja.

Dalam melaksanakan projek-projek pembangunan sekolah, pemilihan projek-projek adalah dibuat berasaskan kepada beberapa kriteria tertentu yang mana di antaranya ialah

keutamaan diberikan kepada daerah-daerah di mana berdasarkan perangkaan-perangkaan yang telah disediakan oleh Bahagian Perancangan dan Pendidikan Pelajaran, pembinaan sekolah-sekolah baru bagi menggantikan sekolah-sekolah yang daif, pembinaan sekolah-sekolah baru di daerah di mana sekolah yang sedia ada di kawasan tersebut mempunyai bilangan murid yang terlalu ramai sehingga melebihi had optimum yang sepatutnya ditampung oleh sekolah yang berkenaan.

Keutamaan juga adakah diberi kepada pembinaan sekolah-sekolah baru di kawasan-kawasan penempatan baru seperti FELDA, KESEDAR, KEJORA dan juga di kawasan-kawasan bandar baru atau kawasan perumahan dan perindustrian yang baru dan juga pembinaan bilik-bilik darjah tambahan di mana sekolah-sekolah itu menghadapi masalah kelas-kelas terapung. Bagi kawasan-kawasan yang telah mempunyai bilangan sekolah yang mencukupi, tumpuan projek adalah diberi untuk penyediaan-penyediaan kemudahan pembelajaran yang lain selain daripada penyediaan bilik-bilik darjah seperti Makmal Sains, bilik pengajaran khas dan bilik atau tempat pusat sumber di sekolah khususnya di sekolah-sekolah di luar bandar dengan tujuan untuk meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran untuk menseimbangkan dengan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan di kawasan-kawasan yang lebih maju.

Tuan Yang di-Pertua, pengagihan peruntukan pembangunan dan pemilihan projek-projek di samping berasaskan keutamaan-keutamaan yang tersebut di atas juga mengambil kira adanya tapak-tapak yang sesuai bagi membolehkan projek-projek berkenaan dilaksanakan segera. Penentuan bilangan projek yang akan diagihkan kepada negeri-negeri juga adalah berasaskan tentang keupayaan agensi-agensi pelaksana umpamanya Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan-jabatan Kerjaraya bagi melaksanakan projek-projek mengikut tempoh yang ditetapkan itu.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan peruntukan pada sekolah-sekolah, saya ingin merujuk kepada satu Surat Pekeliling daripada pihak Kementerian Pendidikan bahawa projek-projek yang diluluskan untuk sekolah-sekolah dalam Rancangan Malaysia Keempat tetapi tidak dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat itu dan tidak pula disenaraikan semua dalam Rancangan Malaysia Kelima, maka projek-projek itu luput dengan sendirinya dan saya dapati banyak PIBG sekolah rasa kecewa tentang keputusan itu. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang hal ini.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan yang telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima, kita mengkaji semula tiap-tiap projek pada masa kita mengkaji, dengan izin, Mid-term Review dan dalam masa itu pun kita menimbangkan perkara-perkara atau keperluan-keperluan yang lebih mendesak lagi kerana Rancangan ini memanglah dirancangan untuk pembangunan tetapi kita pun dalam menjalankan pembangunan kita memberi pertimbangan. Tetapi kalau ada perkara-perkara atau, dengan izin, specific cases yang Ahli Yang

Berhormat ingin mengemukakan dipersilakan mengemukakan kepada Kementerian supaya kalau ianya memang diperlukan dan wajar kita akan memberi pertimbangan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jelaslah daripada apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa tidak ada pilih kasih dalam penagihan peruntukan pembangunan bagi sekolah-sekolah, yang diberi ialah mengikut penting dan tidak penting bagi satu-satu sekolah itu. Dalam hal penting dan tidak penting ini kadangkadangkang juga manusia telah tersilap, yang penting jadi tidak penting, yang tidak penting itu jadi penting, ianya terletak kepada laporan. Kerana saya lihat Sekolah Khir Johari di Sungai Petani mempunyai banyak kelas terapung dan memerlukan kepada tambahan tetapi tidak dapat. Bolehkah Yang Berhormat menyusun satu cara dengan mengenakan point-point iaitu apabila sekolah-sekolah itu mempunyai kelemahan 1, 2, 3, 4, 5 sampai 10 diberi point-point tertentu supaya dapat adil lagi pemberian kepada penagihan peruntukan-peruntukan itu.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat itu. Untuk makluman selanjut Ahti Yang Berhormat bahawa apa-apa rancangan pembangunan dan juga ciri-ciri atau garis panduan yang telah saya sebutkan tadi adalah digunakan dalam pelaksanaan pembangunan sekolah-sekolah dan ini adalah di bawah jawatankuasa yang tertentu dan yang sedia wujud untuk menimbang dan juga bergantung kepada siasatan yang dibuat, bukan dari laporan sahaja, dari pihak bahagian-bahagian sekolah di mana tiap-tiap jangka masa 3 hingga 5 tahun. Bahagian ini juga menjalankan siasatan, dan juga mengambil kira keperluan-keperluan

dari segi fizikal dan juga kemudahan pembelajaran di sekolah-sekolah.

PEGAWAI MENERIMA SOGOKAN

2. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Pengangkutan memberitahu setakat manakah Kementerian tersebut berjaya membanteras pegawai-pegawainya yang menerima sogokan dan apakah langkah-langkah yang diambil ke atas mereka sekiranya mereka didapati bersalah sama ada berpangkat tinggi atau rendah.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Yang Berhormat itu adalah tersangat umum dan ditujukan kepada pegawai-pegawai Kementerian Pengangkutan secara keseluruhan. Seperti Yang Berhormat maklum, langkah utama pencegahan perbuatan rasuah adalah diliputi di dalam Akta Badan Pencegah Rasuah 1982, yang dikuatkuasakan oleh Badan Pencegah Rasuah. Mereka yang didapati bersalah di bawah Akta tersebut akan didakwa di mahkamah. Akta tersebut tidak membuat perbezaan terhadap pegawai berpangkat tinggi atau rendah. Selain daripada peruntukan di bawah Akta Badan Pencegah Rasuah, tindakan tatatertib boieh juga diambil terhadap mana-mana pegawai Kementerian oleh Lembaga-lembaga Tatatertib yang berkenaan berdasarkan peruntukan di bawah Perintah Am Pegawai-pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab "D" 1980.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya banyak persoalan yang ditimbulkan tentang pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dengan rasuah. Saya juga ingin mengemukakan apakah kredit yang akan diberi oleh Kementerian dan Kerajaan kepada pegawai-pegawai yang selalu menolak usaha merasuahkan mereka ini?

Yang kedua, apakah pula penghormatan yang boleh diberi oleh Kerajaan kepada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh rasa dedikasi dan bertanggungjawab?

Datin Paduka Hajjah Zateha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan masing-masing mempunyai caranya tersendiri. Ada di antaranya dikurniakan, dianugerahkan bintang-bintang dan pingat-pingat. Ada di antaranya diberikan sijil kelakuan terbaik dan mungkin boleh difikirkan berbagai-bagai cara lagi dan saya sedia menerima cadangan daripada Yang Berhormat itu.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai apa yang dipercakapkan tetapi maaflah saya tidak sempat dan tidak ada authority untuk menyiasat, mengenai penguji-penguji pemandu di mana difahamkan oleh beberapa orang yang tertentu bahawa mereka terpaksa menyogok ataupun memberi bayaran lebih melalui pengusaha-pengusaha sekolah memandu untuk memastikan mereka mendapat kelulusan di dalam ujian. Soalnya, apakah perkara ini benar dan kalau tidak benar bagaimana cara untuk kita memperjelaskan bahawa perkara ini tidak dipercakapkan?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, apabila ada aduan-aduan mengenai perkara-perkara ini atau laporan-laporan, tindakan-tindakan diambil iaitu kes-kes seperti ini disiasat. Selain daripada itu Kementerian khususnya Jabatan Pengangkutan Jalan ada mempunyai beberapa cara yang tertentu bagi perkara-perkara misalnya pelesenan dan pendaftaran kenderaan, pemeriksaan kenderaan dan penguatkuasaan. Dalam tiga-tiga bidang ini ada cara-cara yang

ditentukan oleh Jabatan untuk mengelakkan daripada mana-mana pegawai atau kakitangan supaya tidak boleh melakukan rasuah.

"MALAYSIA FUND INCORPORATED"

3. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah kemajuan yang telah dicapai oleh Tabung Pelaburan Malaysia (Malaysian Investment Fund) semenjak ia dilancarkan di Bursa Saham New York; dan
- (b) berapa banyakkah syarikat Amerika Syarikat telah melabur dalam Tabung tersebut dan namakan syarikat-syarikat tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, nama tabung sepertimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu Tabung Pelaburan Malaysia (Malaysian Investment Fund) adalah tidak wujud. Walau bagaimanapun, saya bagi pihak Kementerian Kewangan beranggapan bahawa tabung yang dimaksudkan itu ialah the Malaysia Fund Incorporated yang telah disenaraikan di Bursa Saham New York pada 8hb Mei, 1987. Tabung itu telah menerbitkan sebanyak 7.25 juta saham dengan harga tawaran US\$12 sesaham. Hasil daripada penjualan saham-saham tersebut adalah berjumlah US\$87 juta atau M\$217.5 juta. Sejak ianya disenaraikan di pasaran saham harga sahamnya adalah melebihi harga terbitan iaitu US\$12 sesaham. Walau bagaimanapun, kejatuhan saham di pasaran saham Amerika Syarikat baru-baru ini telah menyebabkan harganya turut jatuh dan kini harganya berada di sekitar US\$5 hingga US\$5.80 sesaham iaitu sepertimana kedudukan pada 9hb November, 1987.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir September, 1987, terdapat 274 pemegang-pemegang saham dalam, dengan izin, the Malaysia Fund Incorporated, iaitu terdiri daripada 141 akaun persendirian, 86 akaun bersama dan 47 terdiri daripada syarikat-syarikat, pemegang amanah, badan-badan simpanan dan nomini-nomini bank. Bilangan pemegang-pemegang saham oleh syarikat milik Amerika Syarikat dan syarikat-syarikat lain tidak dapat dinyatakan kerana ketiadaan data-data yang kemaskini dalam simpanan Kementerian Kewangan.

Tuan Chew Kam Hoy: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kemajuan yang menggalakkan yang telah dicapai oleh tabung pelaburan Malaysia di Bursa Saham New York, saya ingin hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, bolehkah beritahu kepada Dewan yang mulia ini sedikit sebanyak tentang cara operasi Malaysia Fund Incorporated ini?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, the Malaysia Fund Incorporated (MFI) adalah beroperasi sebagaimana berikut:

MFI ditubuhkan di Amerika Syarikat dan ianya diuruskan oleh Morgan Stanly Asset Management dan Arab Malaysia Consultant Sendirian Berhad cuma bertindak sebagai penasihat di Malaysia. Dan juga, Tuan Yang di-Pertua, MFI biasanya membuat pelaburan di Malaysia dengan membeli saham-saham yang didaftarkan di Bursa Saham Kuala Lumpur, terutamanya dalam syarikat-syahkat yang telah established, walau bagaimanapun pelaburan mungkin juga dibuat dalam syarikat-syarikat yang baru ditubuhkan. Tabung ini hanya boleh melabur dalam saham syarikat-syarikat yang established di Malaysia. Tabung ini juga dibenarkan menyimpan hasilnya sama ada dalam

Ringgit Malaysia atau matawang-matawang lain, bagaimanapun pada masa ini sebahagian besarnya dilabur dalam saham syarikat-syarikat di negara ini.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Tadi Yang Berhormat ada kata satu saham US\$12, sekarang oleh sebab ada stok diturunkan, sebab "market crash" jatuh sampai US\$5. Saya minta apa sebabnya, adakah sebab ini ialah "assets management" tidak baik atau "fund management" tidak baik?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan ini adalah jelas bahawa saham Malaysian Fund Incorporated ini adalah bergantung kepada pasaran saham di datam dunia. Apabila harga pasaran saham turun, maka saham Malaysian Incorporated Fund ini tidak akan jadi kuat pula di dalam pasaran. Di sini saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa harga sekarang ini adalah di sekitar US\$5.80. Saya juga ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa apabila pasaran saham adalah dalam masa yang baik, harga saham incorporated Malaysia ini mencapai tahap US\$17 sesaham yang kita anggap tinggi sekali.

PENGANGGURAN

4. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengangguran merupakan salah satu masalah negara yang agak menonjol. Jika ya:

- (a) apakah pula rancangan Kementerian dalam usaha memberikan latihan vokasional, perniagaan atau teknik kepada penganggur-penganggur untuk menyediakan pekerja-pekerja mahir mahupun separuh mahir;
- (b) adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk

mendedahkan penganggur-penganggur kepada peluang-peluang perniagaan dan perusahaan dengan tujuan mendorong dan menggalakkan mereka berusaha sendiri dan berdikari; dan

- (c) apakah usaha-usaha Kementerian dalam mendedahkan murid-murid sekolah menengah terhadap peluang-peluang pekerjaan khususnya perniagaan supaya murid-murid yang bakal menjadi tenaga buruh tidak semata-mata bergantung harap kepada pekerjaan makan gaji.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed); Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sedar tentang masalah pengangguran di negara ini sekarang. Kementerian Buruh, melalui institusi latihannya, iaitu Institut-institut Latihan Perindustrian yang terdapat di seluruh negara telah meningkatkan latihan-latihan teknikal dan vokasional dengan tujuan melengkapkan pekerja-pekerja dengan kemahiran yang sesuai supaya mereka dapat memperolehi pekerjaan dengan lebih mudah.
- (b) Sewaktu mengikuti latihan kemahiran di Institut Latihan Perindustrian ini, para pelatih adalah didedahkan kepada suasana pekerjaan yang sebenar, iaitu melalui program latihan dalam loji atau latihan-sambil-bekerja. Program ini melibatkan penempatan pelatih-pelatih di kilang-kilang untuk membolehkan mereka itu mendapat pengalaman amali supaya sebilangan di antaranya nanti boleh terdorong untuk memulakan pekerjaan sendiri apabila meninggalkan institusi latihan.

(c) Pihak Kementerian ada membuat lawatan kepada sekolah-sekolah menengah untuk memberi penerangan berkaitan peluang-peluang pekerjaan yang boleh mereka ceburi apabila meninggalkan bangku sekolah nanti. Pada tahun 1986, sebanyak 387 lawatan seumpama ini telah diadakan. Di samping itu, risalah-risalah berhubung dengan peluang-peluang pekerjaan ada juga diedarkan kepada sekolah-sekolah dan tain-lain pertubuhan belia dari masa ke semasa. Dalam hubungan ini, Kementerian Buruh akan menggalakkan bakal pekerja-pekerja supaya lebih berdikari dan tidak bergantung kepada pekerjaan "makan gaji".

Tuan Haji Basri bin Bajuri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan setakat ini berapakah jumlah Institut Latihan Perindustrian yang sedia ada. Apakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan institut-institut tambahan di masa akan datang? Adakah pihak Kementerian juga bercadang untuk menambahkan lagi lawatan pegawai-pegawai daripada Jabatan Buruh ini ke sekolah-sekolah bagi tujuan yang sama.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita mempunyai 5 buah Institut Latihan Perindustrian, iaitu di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan, Prai (Pulau Pinang), Pasir Gudang (Johor Bahru) dan Gong Badak (Kuala Terengganu). Memang Kementerian ini bercadang untuk menambahkan lagi institut ini, iaitu dalam peringkat pembinaan sebanyak 5 buah lagi. Institut ini sedang dibina di Alor Setar (Kedah), Ipoh (Perak), Melaka, Kuantan (Pahang) dan Kota Bharu.

Berkenaan dengan lawatan ke sekolah-sekolah menengah, ini memang kita akan tambah dari semasa ke semasa.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pejabat pekerjaan yang ditugaskan untuk mendaftar para penganggur dan membantu mencari pekerjaan untuk mereka. Saya ingin mengetahui sejauh mana pejabat-pejabat pekerjaan dapat menunaikan tugas ini.

Yang kedua, memandangkan bahawa kadar pengangguran dijangka meningkat 10%, saya ingin juga mendapat tahu sama ada Kementerian yang berkenaan mempunyai apa-apa rancangan "contingency" untuk menghadapi masalah ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa pejabat-pejabat pekerjaan kita itu adalah merupakan apa yang dipanggil "pasar buruh", iaitu kita mendaftar pekerja-pekerja yang hendak mencari pekerjaan, kemudian kita menempatkan mereka ini kepada jawatan-jawatan di mana majikan-majikan memberitahu kita ada kekosongan. Walau bagaimanapun, tidak ada satu peraturan pun menetapkan majikan ini perlu memberitahu kekosongan. Jadi, masalah yang dihadapi oleh Jabatan ini ialah:

- (i) ketiadaan calon-calon yang sesuai, umpamanya majikan memerlukan calon ini, begini cara syaratnya dan kita tak dapat memenuhinya walaupun ada yang daftar dengan kita begitu banyak;
- (ii) tiada kekosongan bagi bidang-bidang yang tertentu untuk disesuaikan dengan kelulusan dan kelayakan yang mendaftar itu;

- (iii) sikap pendattar sendiri yang tidak mengambil berat memberitahu kita pertukaran alamat, pertukaran nombor hubungannya. Bila ada kerja kosong, bila kita cari dia, dia pun sudah tidak dapat dihubungi lagi;
- (iv) calon-calon tidak bersedia menerima tawaran temuduga. Ada di antaranya telah dipanggil temuduga dan tidak datang langsung; dan
- (v) majikan mengambil jangka masa yang lama dalam pemilihan calon-calon terhadap kekosongan yang berlaku.

Itu di antara masalah kita.

Perangkaan bagaimana kita menempat dan juga mendaftar ini adalah terlalu panjang, tidak mungkin saya dapat jawab di sini tetapi ada di dalam buku-buku Belanjawan kita dan juga Program dan Prestasi.

Yang ketiga tadi, saya tak ingat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia lupa!

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa kaclar pengangguran dijangka meningkat kepada 10%, memandangkan bahawa masalah ini adalah satu masalah yang begitu serius, maka apakah rancangan "contingency" yang Kementerian adakan untuk menghadapi masalah ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab secara ringkas sahaja sungguhpun jawapan ini memerlukan suatu jawapan yang sangat panjang. Walau bagaimanapun, soal pengangguran bergantung kepada tiga faktor iaitu pertumbuhan ekonomi, kemahiran dan pelajaran. Jadi, kalau

keadaan ekonomi kita berkembang, maka dengan sendirinya bertambah peluang-peluang pekerjaan. Itu secara umumnya.

Namun demikian, sejak akhir-akhir ini diperhatikan peluang-peluang pekerjaan telah bertambah, terutama sekali dalam sektor letronik, yang mana di Johor Bharu pada masa ini tidak dapat dipenuhi, kerja kosong terlalu banyak dalam bidang letronik sedangkan yang hendak bekerja tidak ada. Penduduk di Johor sendiri bekerja di Singapura. Di Pulau Pinang pun begitu, banyak kilang-kilang baru telah dibuka dan kilang-kilang lama pun memulakan semula pengeluaran mereka dan memerlukan pekerja.

Mengenai perniagaan, aktiviti perusahaan telah bertambah dengan pesatnya dengan adanya galakan daripada Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan sama ada dari dalam ataupun dari luar negeri. Maka peluang-peluang pekerjaan bertambah. Jadi, tidaklah perlu pada masa ini pada pandangan saya untuk mengadakan skim yang tersebut itu.

IMPORT BAHAN MAKANAN— MENGURANGKAN

5. Tuan Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Pertanian menjelaskan sejak usaha Kerajaan melalui Kementerian Pertanian menyedar dan menghasilkan pengeluaran bahan-bahan makanan untuk rakyat, berapa peratuskah bahan makanan yang diimport dapat dikurangkan dengan menjelaskan satu persatu jenis makanan diimport itu telah dikurangkan berapa banyakkah barang-barang makanan berikut yang diperlukan oleh Negara kita hari ini:

- (a) beras;
- (b) gula;
- (c) buah-buahan; dan
- (d) sayuran.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, semenjak Kerajaan melancarkan kempen menambahkan pengeluaran barangan makanan di dalam negeri iaitu bagi mengurangkan import, maka nilai import sebahagian besar barangan berkenaan telah dapat dikurangkan. Import beras bagi 1986 berkurang 54% iaitu \$118.1 juta berbanding dengan \$257.1 juta bagi tahun 1985. Nilai import tepung jatuh 40% kepada \$16.9 juta dari \$28.1 juta pada tahun 1985.

Import daging juga berkurang 6% iaitu dari \$181.6 juta dalam tahun 1985 kepada \$170.6 juta dalam tahun 1986. Manakala nilai import buah-buahan menurun sebanyak 10% daripada \$257.2 juta pada tahun 1985 kepada \$231.6 juta sahaja pada tahun 1986.

Jumlah eksport barangan makanan dan minuman bertambah 19% pada tahun 1986 iaitu \$2,003.1 juta berbanding dengan import dalam tahun 1985 yang bernilai \$1,685.5 juta. Manakala pada tahun 1987 ianya meningkat lagi kepada 26%. Sementara bagi import pula ianya berkurang sebanyak 33% pada tahun 1986 iaitu \$996.1 juta berbanding dengan tahun 1985 yang bernilai \$1,488.4 juta. Jumlah import ini terus menurun kepada 50% pada tahun 1987.

Jumlah keperluan negara bagi beras, gula, buah-buahan dan sayur-sayuran ketika ini adalah seperti berikut:

Jenis makanan	Jumlah Permintaan Negeri Semasa (metrik tan—setahun)
(a) Beras	1 534 juta
(b) Gula,-	143.000
(c) Buah-buahan	180.000
(d) Sayuran	639.000

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau

ada angka perbandingan di antara jumlah permintaan dan pengeluaran bagi beras, gula, buah-buahan dan juga sayur-sayuran bagi tahun 1987 dan daripada perbandingan tersebut kita akan mendapati kekurangan, jadi saya ingin bertanya bilakah kita akan dapat menyelesaikan kekurangan ini di mana negara akan sampai ke peringkat self-sufficient, dengan izin, seperti yang pernah dicapai oleh Indonesia, India dan lain-lain negara lagi.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada satu dasar yang kita hendak mendapatkan, dengan izin, self-sufficiency di dalam semua barangan makanan, oleh sebab kos pengeluaran tempatan adalah tinggi dan kita boleh mendapat barangan dengan kos yang lebih rendah daripada negara-negara yang lain. Seperti beras, contohnya, kita boleh import daripada Thailand pada kadar 60 sen sekilogram tetapi kos pengeluaran tempatan ialah \$1.30 sekilo. Oleh yang demikian dasar kita ialah kita hendak menseimbangkan atau mendapat satu balance dalam perniagaan barangan makanan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan. Selain daripada beras yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya ingin bertanya dari negara manakah barang-barangan itu yang kita import umpamanya sayur-sayuran, buah-buah dan yang lain-lain lagi?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, kita import beras dari Thailand dengan banyaknya, gula dari Australia, buah-buahan dari negara-negara temperate climate, dengan izin, dan sayur-sayuran dari Indonesia, Taiwan dan juga negara-negara yang ada temperate climate itu.

**JABATAN PENERBANGAN
AWAM—BANTUAN
PENERBANGAN DOMESTIK**

6. Tuan Haji Mohamed Sam bin Sailan minta Menteri Pengangkutan menerangkan sama ada Jabatan Penerbangan awam terpaksa memberikan subsidi untuk membantu kos operasi bagi penerbangan dalam negeri. Oleh hal yang demikian, adakah JPA bercadang untuk:

- (a) JPA menswastakan penerbangan dalam negeri kepada syarikat penerbangan dalam negeri yang sedia ada; dan
- (b) JPA menumpukan sahaja operasinya bagi penerbangan luar negeri.

Timbalan Menteri Pengangkutan Awam (Datin Paduk Hajjah Zaleha binti Ismail) Tuan Yang di-Pertua. Jabatan Penerbangan Awam bukanlah pihak yang bertanggungjawab memberi apa-apa bentuk bagi membantu kos operasi penerbangan dalam negeri.

Ahli Yang Berhormat lebih maklum, penerbangan dalam negeri adalah dikendalikan oleh MAS. Bagi operasi penerbangan dalam negeri, Kerajaan tidak ada memberi sebarang subsidi terus kepada MAS.

Walau bagaimanapun, Kerajaan mempunyai sistem bantuan bagi perkhidmatan-perkhidmatan udara luar bandar yang diuruskan oleh MAS di Sabah dan Sarawak. Bantuan subsidi ini tidaklah diberi secara automatik kepada MAS. ianya diberi berdasarkan satu formula di mana MAS akan hanya diberi bantuan untuk menampung kerugian yang dialami di dalam perkhidmatan luar bandar tersebut kiranya MAS tidak mencapai paras pendapatan tertentu bagi keseluruhan perkhidmatannya iaitu perkhidmatan dalam dan luar negeri.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita melihat MAS dari segi keseluruhannya lebih mirip kepada pelancongan. Adakah Kementerian Pengangkutan berhasrat untuk memasukkan MAS ini di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Saya minta diutangkan sekali lagi, Yang Berhormat, sebab ada kekacauan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila ulangkan soalan itu.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya memandangkan bahawa kalau kita melihat MAS dari segi total, keseluruhannya memainkan peranan lebih kepada pelancongan, kalau kita lihat kapalterbang itu menguruskan pengangkutan, tetapi adakah pihak Kementerian Pengangkutan ini berhasrat untuk menyerahkan MAS ini kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, pada mata kasarnya nampaklah dikatakan menguruskan pelancongan sahaja, tetapi ada sebahagian besar daripada perkhidmatan MAS itu adalah membawa kargo-kargo. Ini bukanlah dari segi pelancongan. Jadi, rasa saya Kementerian setakat ini belum lagi berhasrat untuk menyerahkan MAS kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Pengangkutan sama ada Kementerian mempunyai dasar udara terbuka open sky policy, dengan izin, di negara ini supaya dapat merendahkan tambang kapalterbang khususnya di Sarawak dan Sabah oleh

kerana sekarang ini di Sabah dan Sarawak kita mengalami penumpang-penumpang yang terpaksa membayar tambang dua kali ganda tinggi daripada apa yang dikenakan dalam penerbangan domestik di Semenanjung oleh kerana dengan adanya dasar udara terbuka maka mungkin dapat merendahkan tambang di sebelah Sarawak dan Sabah.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya telah beberapa kali juga iaitu dalam menggulung perbahasan dan juga menjawab soalan-soalan mengatakan bahawa memang kita mempunyai dasar udara terbuka iaitu "open sky policy" yang membolehkan mana-mana juga syarikat penerbangan membawa terutamanya tour groups iaitu sebagai package group untuk pelancongan masuk ke negara kita sama ada melalui Sabah ataupun melalui Sarawak. Dan di samping itu saya telah juga beberapa kali menjawab soalan mengenai masalah tambang ke Sabah dan Sarawak ini yang dikatakan mahal. Sebenarnya pihak MAS sendiri telah mengadakan berbagai-bagai jenis tambang iaitu lebih murah daripada tambang biasa. Misalnya dari segi apa yang dipanggil excursion fare di mana satu-satu kumpulan ataupun seseorang itu boleh mendapat tambang yang lebih murah melalui excursion fare itu.

TEMBOK SEMPADAN MALAYSIA-THAILAND

7. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah jadinya dengan projek pembinaan tembok Sempadan Malaysia-Thailand. Adakah ianya dalam pembinaan dan bilakah dijangka siap, berapa panjangkah tembok yang tersebut dan berapa jutakah peruntukannya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tembok sempadan Malaysia-Thailand di negeri Perak masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 1988. Panjang tembok tersebut ialah 24 kilometer iaitu dari Lembang Nening hingga ke Bukit Berapit di Pengkalan Hulu, negeri Perak dan kos keseluruhan projek pembinaan tembok konkrit ini ialah \$43.3 juta.

Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan pembinaan tembok sempadan Malaysia-Thailand adalah untuk mencegah penyeludupan serta untuk membantu kita dari segi keselamatan negara. Dan saya ingin tahu selepas pembinaan tembok ini apakah kesan-kesan yang baik dari segi mengurangkan penyeludupan kepada negara kita dan juga dari segi keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua, saya difahamkan juga dalam usaha-usaha kita untuk membina tembok ini, ada kesilapan berlaku dari pihak kita iaitu kita telah pun membina tembok sempadan ini termasuk ke dalam kawasan Thailand. Saya ingin tahu apakah sebab-sebab yang boleh berlaku begini, adakah tindakan untuk membina tembok ini tidak diselaraskan dengan pihak-pihak berkuasa Thailand supaya perkara-perkara yang begini tidak berlaku di masa-masa yang akan datang dan adakah perkara ini telah pun diselesaikan dengan negara Thailand?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, memanglah tujuan tembok ini didirikan walaupun di sempadan Kedah-Thailand, Perak-Thailand ataupun Kelantan-Thailand adalah untuk menjaga keselamatan dan juga untuk mengelakkan penyeludupan. Oleh kerana

keseluruhan pembinaan ini baru meningkat 43% jadi belum dapat kita memastikan benar-benar bahawa tembok yang telah kita dirikan ini dapat benar-benar menyekat penyeludupan. Daripada perangkaan yang ada pada kita, menunjukkan bahawa dengan adanya tembok ini didirikan tangkapan-tangkapan bertambah daripada tahun 1985 dengan 1986. Ini menunjukkan bahawa penyeludup-penyeludup adalah sukar untuk melarikan diri setelah tembok ini diwujudkan.

Bagi soalan yang kedua, memang benar sebahagian daripada tembok yang dibina itu telah masuk ke kawasan Thailand secara tidak sengaja. Dan pihak Kerajaan sedang mengkaji punca kesilapan ini. Walau bagaimanapun, tembok berkenaan telah pun diruntuhkan. Untuk makluman Yang Berhormat juga kos tambahan bagi membina semula tembok ini akan dipertanggungjawabkan oleh syarikat yang telah pun kita benarkan untuk mendirikan tembok asalnya.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan dengan adanya tembok-tembok ini akan mengurangkan ataupun telah mengurangkan penyeludupan-penyeludupan. Adakah Yang Berhormat merasa benar-benar yakin, kerana penyeludupan hari ini berkurangan kerana pekerja-pekerja membina tembok itu masih ada. Jadi tidak dapat mereka hendak menyeludup kerana orang ada bekerja. Nanti apabila tembok itu sudah siap orang pun sudah tidak ada, takut dia pakai campak ke atas (*Ketawa*) manakala yang sebelah sini sambut. Jadi apakah pengawasan-pengawasan pula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud): Campak apa Yang Berhormat?

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Campak dadah, campak beras misalannya. Jadi apabila pengawasan ataupun penjagaan pun kita barangkali sudah jadi kurang sedikit kemungkinan dengan cara ini boleh jadi penyeludupan-penyeludupan lagi banyak kerana kita sudah rasa sedap hati tembok sudah ada, jadi menjadi kemudahan pula bagi mereka untuk saya katakan tadi campak. Maksudnya dia hulur dari situ orang sini sambut. Jadi tidak ada penjaga. Adakah di tembok itu pula kita akan pakai karan pula satu masa. (*Ketawa*)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan tembok ini bukannya semudah mana yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus yang boleh kita campakkan sahaja barang-barang. Oleh kerana tembok ini mempunyai dua lapis yang jaraknya sukar untuk kalau hendak baling buah durian pun tidak sampai, apatah lagi guni beras. Dan sungguhpun pada hari ini banyak pekerja ada di situ jadi penyeludupan tidak ada atau tidak berapa banyak tetapi setelah pekerja-pekerja ini menyiapkan kerja-kerja mereka, maka kita akan menempatkan tentera kita di mana jagaan dan rondaan diadakan di antara dua pagar itu sentiasa. Dan ini tentu sekali akan menakutkan pihak-pihak penyeludup.

PELARIAN FILIPINA DISABAH

8. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (i) apakah langkah-langkah telah dirancang oleh pihak Kerajaan Negeri Filipina untuk tujuan mengrepatriatkan pelarian-pelarian Filipina di Sabah kepada negeri asal mereka;
- (ii) sejauh manakah telah rancangan repatriatan itu dilaksanakan;

- (iii) berapakah orang pelarian-pelarian Filipina telah didaftarkan secara rasmi di Sabah; dan
- (iv) apakah langkah-langkah concrete akan diambil oleh pihak Kerajaan Malaysia untuk membantu negara jiran untuk mengrepatriatkan semua pelarian-pelarian serta pendatang haram di negeri Sabah supaya memastikan kestabilan, kedamaian, keamanan sosial di negara kita.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pilipina telah memaklumkan kepada Malaysia bahawa ianya telah mengatur satu bentuk program ke arah mengrepatriatkan pelarian-pelarian Pilipina di Sabah. Tetapi, buat masa ini, Kerajaan Filipina belum mempunyai satu mekanisme tertentu untuk melaksanakan program tersebut dan telah meminta persefahaman Malaysia atas perkara ini.

Malaysia sedia memberikan kerjasama kepada Kerajaan Pilipina sekiranya Pilipina telah bersedia untuk mengimplementasikan program tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat lebih kurang 69,000 pelarian Pilipina yang telah didaftarkan secara rasmi di Sabah.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa terdapat 60,000 orang pelarian di Sabah. Maka saya ingin mendapat satu tafsiran atau definisi untuk petarian. Adakah pelarian mereka itu sudah diiktiraf oleh United Nations High Commissioner for Refugees ataupun angka-angka tersebut mengambil kira mereka yang memasuki wilayah Sabah secara tidak sah ataupun illegal immigrant. Itu satu definisi. Dan kalau pendatang haram pun diambil kira dari Pilipina, adakah

angka sebenarnya akan lebih banyak daripada 60,000 yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri itu.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Ahli Yang Berhormat menyoal soalan ini patut tahu apa yang dimaksudkannya dari segi tatsiran pelarian itu. Jadi, apa yang telah saya berikan sebentar tadi, iaitu 69,000 orang pelarian yang sebenarnya mereka yang telah didaftarkan secara rasmi dan tidak ada lagi angka-angka yang ada pada Kerajaan pada masa ini.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara 69,000 pelarian Pilipina yang didaftarkan, adakah sebilangan daripada mereka yang memohon untuk menetap di Sabah dan adakah di antara mereka diberi latihan-latihan kemahiran oleh Pejabat UNHCR umpamanya untuk menentukan sekiranya mereka menetap, mereka mempunyai peluang-peluang untuk mencari kerja?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mereka yang telah didaftarkan pada masa ini adalah dibenarkan tinggal di Filipina sehingga pada satu masa mereka akan direpatriate ke Pilipina di atas permintaan Kerajaan Pilipina. Jadi, buat sementara waktu, apa jua jenis latihan yang boleh diberikan, terutama sekali oleh UNHCR diberikan buat sementara waktu tetapi tidak bermakna untuk mereka tinggal buat selama-lamanya. Mereka yang memohon untuk menetap di sini adalah di bawah timbangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, tetapi pada masa ini belum ada lagi kita benarkan mereka tinggal.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di negara kita pada hari ini bukan sahaja masalah yang timbulnya masalah pelarian Filipina, bahkan juga ada

pelan dari negara-negara lain misalnya di Pantai Timur, pelarian daripada Vietnam. Sebagaimana diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri, saya ingin mendapat penjetasan, apakah rancangan atau satu skim induk yang menyeluruh bukan sahaja meliputi pelarian Filipina, bahkan juga meliputi pelarian-pelarian lain untuk diselesaikan daripada menduduki di negara kita ini. Kemudian soalan yang kedua, saya lihat rata-rata Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan juga daripada Sarawak sentiasa dalam setiap sesi ini menimbulkan soalan mengenai pelarian Filipina. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah masalah pelarian Filipina di Sabah ini merupakan satu masalah gawat kepada perkara keamanan, kepada kestabilan sosial dan sebagainya, "seriuh". (*Ketawa*)

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan sebentar tadi iaitu dari segi pelarian Filipina, memang ada program khas oleh Kerajaan Pilipina untuk mengambil balik mereka yang berkenaan dan ianya diperbuat apabila Kerajaan Filipina bersedia. Bagi pelarian-pelarian yang lain khusus mengenai pelarian daripada Vietnam, maka saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat telah pun dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kita ada tiga jalan bagi menyelesaikan masalah pelarian Vietnam yang berkenaan. Pertama adalah untuk meminta Kerajaan-kerajaan daripada negara-negara ketiga bagi mengambil mereka dan ditempatkan selepas kita mengadakan tempat singgah yang pertama ataupun sementara. Yang kedua ialah untuk meminta Kerajaan Vietnam sendiri mengambil balik mereka yang berkenaan. Dan seterusnya kita juga meminta supaya Kerajaan-kerajaan lain yang tertentu mengadakan skim

khas untuk membolehkan mereka yang berkenaan yang tinggal lama di negara ini oleh sebab-sebab yang tertentu mengambil mereka iaitu dengan izin, the long stayers, kita minta negara-negara tertentu mengadakan skim khas terhadap mereka yang berkenaan.

PENCEMARAN LAUT

9. Tuan Abdul Mulok Awang Damit minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan pencemaran laut tidak akan berlaku dengan pembuangan sisa-sisa dari kilang kertas Sabah Forest Industries ke laut Teluk Brunei;
- (b) apakah kandungan kimia yang disalurkan ke laut; dan
- (c) adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk mengadakan satu sistem pengawasan yang berterusan untuk mengawasi pembuangan sisa-sisa dari kilang tersebut.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian:

- (a) Jabatan Alam Sekitar telah mengambil tindakan seperti berikut:
 - (i) kilang Kertas Sabah Forest Industries Sdn Bhd telah dikehendaki menjalankan penilaian kesan-kesan alam sekitar, iaitu EIA supaya faktor-faktor yang boleh menjejaskan kualiti alam sekeliling dikenalpastikan dan selanjutnya langkah-langkah pembetulan dirangka. Penilaian ini telah dijalankan dan pihak kilang

telah dikenakan langkah-langkah kawalan untuk menentukan tiada kesan-kesan serius akan berlaku kepada kualiti air di Teluk Brunei; dan

- (ii) rekabentuk kemudahan-kemudahan pengeluaran kilang serta sistem kawalan pencemaran yang dicadangkan telah disemak dan didapati menurut cadangan Penilaian Kesan-kesan Alam Sekitar yang telah dijalankan. Kilang ini telah dikehendaki memasang sistem pengolahan yang moden dan berkesan setaras dengan teknologi yang wujud;
- (b) effluen kilang yang telah diolah dan disalurkan ke dalam laut adalah mengikuti standard sungguhpun mengandungi sebatian klorin, sulphate, sulphide, pepejal terarapai.
- (c) (i) Ya. Jabatan Alam Sekitar mengawasi kilang ini dari masa ke semasa untuk menentukan pekilang mematuhi kehendak undang-undang. Pihak kilang dikehendaki bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar untuk menjalankan program pengawasan supaya kualiti pelepasannya mengikut standard-standard yang ditetapkan dan kualiti air di Teluk Brunei tidak terjejas.
- (ii) Sebagai langkahseterusnya, pihak kilang dikehendaki juga mengambil percontohan effluen yang dilepaskan pada tiap-tiap hari dan menyampaikan laporan bulanan kepada

Jabatan Alam Sekitar untuk disemak tahap pe-matuhannya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Keadaan yang sama juga berlaku di Singapura bukan sahaja di Sabah iaitu di Selat Tebrau, kita dapati di Selat Tebrau itu airnya banyak tercemar akibat daripada sisa-sisa pembuangan kilang-kilang daripada Singapura. Jadi, apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian dalam bentuk kerjasama, atau apa sahaja bagi memastikan bahawa pencemaran itu tidak berlaku. Dan apakah tindakan yang telah dilakukan terhadap pencemaran air di Selat Tebrau yang ternyata pada hari ini telah banyak mematikan kerang, udang dan sebagainya di pihak Malaysia.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan tambahan itu adalah sedikit keluar dari soalan asal.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya rasa begitu juga terkeluar. Terserah pada Ahli Yang Berhormat hendak menjawab atau tidak. Tidak jawab pun tidak apa!

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya cubalah beri sedikit penerangan. Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang adalah terlalu umum. Ahli Yang Berhormat boleh memberi maklumat yang lebih lanjut kepada saya dan oleh kerana ini melibatkan negara asing. Kementerian saya setiap tahun ada bermesyuarat dengan pihak Kementerian Alam Sekitar Singapura. Jikalau ini diperlukan, kita boleh menahk perhatian pihak Singapura.

INDUSTRI PENGELUARAN DAGING

10. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Pertanian menyatakan rancangan-rancangan atau program-program yang akan dan sedang diimplementasikan untuk memajukan industri penternakan lembu, kambing, ayam dan babi supaya pengeluaran daging binatang-binatang ini bukan sahaja dapat mencukupi permintaan pasaran tempatan tetapi juga boleh kami mengeksportkannya.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, industri pengeluaran daging negara sedang pesat dibangunkan dan pada masa ini ianya menyumbangkan hampir 30% dari jumlah nilai penghasilan makanan dalam negeri. Pengeluaran daging ayam dan "khinzir" sudah pun mencukupi tahap saradiri semenjak beberapa tahun yang lepas dan pasaran eksport sedang diperluaskan. Kuantum pengeluaran daging lembu dan kambing tempatan juga sedang meningkat, tetapi oleh kerana pengimportan yang tinggi, maka kadar saradiri telah tidak meningkat dengan sebegitu cepat. Walau bagaimanapun, usaha-usaha sedang diteruskan di semua bidang pengeluaran agar keperluan tempatan dapat dipenuhi secukupnya dan di mana-mana yang sesuai juga untuk dieksport.

Secara umumnya, di bawah adalah usaha-usaha yang dijalankan untuk menambah pengeluaran dan penghasilan daging dari sumber tempatan:

- (1) Memperkenalkan baka-baka baru yang dijangka boleh memperbaiki mutu dan penghasilan daging ternakan tempatan. Di antaranya ialah rancangan kacuk-biak, seperti pernian beradas dan program pengagihan baka jantan.
- (2) Bagi ternakan yang tidak mempunyai populasi pembiak betina yang banyak, induk-induk berbaka baik dari luar negeri diimport dan digunakan dalam pelbagai rancangan pembiakan dalam negeri, seperti rancangan pawah, rancangan bibit dan rancangan jualan induk. Sebahagian dari keperluan baka-baka ini juga dipenuhi dari ladang-ladang ternakan Kerajaan.
- (3) Teknik-teknik penternakan dari pemakanan diperbaiki mengikut inovasi-inovasi tertentu dengan menggunakan sumber-sumber tempatan, umpamanya:
 - (i) penubuhan fidlot-fidlot bertaraf ekonomik dan komersial dengan menggunakan bahan-bahan makanan tempatan;
 - (ii) penubuhan sistem integrasi penternakan dengan tanaman kekal, seperti biri-biri dalam kawasan getah, atau lembu dalam estet kelapa sawit, serta gabungan-gabungan dengan ternakan yang lain;
 - (iii) bagi kawasan tradisional, kegiatan juga diadakan dalam penubuhan kawasan pastura atau fodder serta pengeluaran bijiran khusus untuk makanan ternakan. Selain dari rumput dan bahan yang diperbuat dari rumput, jenis-jenis tumbuhan lain juga diselidiki dan digatakkkan kegunaannya; dan
 - (iv) bagi jenis ternakan yang telah mencapai tahap saradiri, teknik dan teknologi baru digunakan supaya daya penghasilan (productivity) dan kecekapan pengeluaran dapat diperbaiki lagi. Usaha

"specialist" ini dilaksanakan melalui penyampaian perkhidmatan pengembangan dan nasihat oleh pegawai-pegawai khas Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

- (4) Program-program penyepaduan secara vertikal (vertical integration) sedang dimulakan dalam industri ternakan ayam dan "khinzir", di mana semua sektor dan segmen yang terlibat dipadukan di bawah satu pengurusan, iaitu "di bawah satu bumbung" iaitu pembekalan makanan, penetasan, penternakan, pemerosesan dan pemasaran dan penternak mengusahakan pemeliharaan secara kontrak. Penternak diberi latihan khas oleh Kerajaan, sekiranya pihak pengurusan memerlukan dan pengusaha-pengusaha dilengkapi dengan pengalaman dan pendedahan khusus dalam sistem integrasi ini. Pada keseluruhannya, program ini boleh dianggap saiah satu tangkah persyarikatan Malaysia.
- (5) Program-program penyelidikan pengeluaran, kesihatan, kawalan penyakit ternakan, perkhidmatan pengembangan di bidang pemakanan, penternakan, pembiakan, pengurusan efluen ladang dan latihan di pelbagai tahap dan bidang sedang diadakan.
- (6) Insentif dan galakan juga disediakan oleh Kerajaan khusus untuk mempertingkatkan eksport hasil-hasil ternakan termasuk daging. Rebate, pengecualian cukai, kemudahan pinjaman dan kredit eksport adalah di antara yang ada dalam skim-skim galakan ini.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian dengan bermacam-macam program, dengan bermacam-macam insentif yang disediakan oleh pihak Kementerian. Soalan saya, saya yakin dan percaya bahawa Kementerian mempunyai matlamat lebih-lebih lagi dari sudut daging. Kita faham bahawa pengimportan daging adalah mempunyai nilai yang besar, jadi bilakah matlamat kita hendak mencapai "self-sufficient", dengan izin, untuk daging ini, bila? Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Itu sahaja? (*Ketawa*)

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, pasaran tempatan berkenaan daging lembu, ya?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Daging sahaja.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Bagi semua daging?

Tnbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Macam-macam! (*Ketawa*)

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Apa yang kita import sekarang ialah daging lembu dan daging kambing atau biri-biri dan daging lain adalah "self-sufficient".

Berkenaan daging lembu, kita sekarang mengimport 15,000 tan dan pasaran tempatan keseluruhannya ialah 30,000 tan atau 50%, tetapi kebanyakan yang kita import ialah daging kerbau dari negara India dan kosnya sangat rendah. Kos yang kita import daging kerbau India iaitu \$3 atau \$4 sekilo sahaja dibandingkan dengan daging tempatan iaitu \$8 atau \$9 sekilo. Keduanya, kalau kita tidak import daging kerbau dari India, India

tidak mahu import minyak kelapa sawit daripada negara kita. Itulah satu perjanjian yang kita ada di antara negara India dan kita.

Berkenaan daging kambing atau biri-biri kita sekarang ada rancangan hendak mengimport anak-anak biri-biri ini sebanyak 9 juta ekor untuk ternakan tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato* Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 25 adalah diberi di bawah ini).

FELDA/FELCRADISARAWAK— PERUNTUKAN

11. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapakah peruntukan kewangan kepada FELDA dan FELCRA di Sarawak, berapakah hektar tanah yang sedang dibangunkan dan berapa buah keluarga terlibat.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tidak ada peruntukan dalam program asal pembangunan FELDA di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kelima (RML: 1986-1990) oleh kerana pada masa itu FELDA belum lagi mempunyai apa-apa kawasan yang sesuai untuk dimajukan. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1986, FELDA telah diminta oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk memajukan kawasan di Sampadi, Bahagian I seluas 5,766 hektar, Untuk membolehkan pembangunan dilaksanakan, peruntukan sebanyak \$10,660,000.00 telah diberikan kepada FELDA

sehingga tahun 1990. Sehingga kini, FELDA telah pun memajukan kawasan tanaman seluas 660 hektar. Kawasan ini masih lagi dalam peringkat pembangunan dan belum lagi ditempatkan peneroka. Kemasukan peneroka dijangka akan bermula dalam tahun 1990.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, tanggungjawab mengenai FELCRA telah dipindahkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mulai 1 Julai, 1987.

PERBADANAN KEMAJUAN PELANCONGAN—PERUNTUKAN

12. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (i) sejumlah M\$100 juta telah diperuntukkan dari Kerajaan Persekutuan kepada Perbadanan Kemajuan Pelancongan, berapakah jumlah yang telah diperuntukkan kepada setiap negeri; dan
- (ii) sejauh manakah prestasi Malaysia di dalam sektor pelancongan berbanding dengan negara-negara Asean.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):

- (i) Peruntukan M\$100 juta dari Kerajaan Persekutuan adalah untuk membiayai dan meningkatkan aktiviti-aktiviti pemasaran dan promosi memperkenalkan Malaysia di luar negeri di samping memperingkatkan lagi penggalakan pelancongan tempatan. Usaha-usaha ini dijalankan di peringkat pusat di mana segala negeri-negeri akan mendapat manfaat dari kegiatan-kegiatan yang berasaskan kepada

memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik. Oleh itu tiada apa-apa peruntukan khusus yang akan diberikan secara langsung kepada negeri-negeri. Walau bagaimanapun tiap-tiap negeri akan mendapat Faedah dari langkah-langkah yang dijalankan memperkenalkan Malaysia secara keseluruhannya. Di samping itu pihak negeri yang akan mendapat faedah secara langsung apabila pelancong-pelancong melawat negeri-negeri berkenaan.

- (ii) Adalah sukar untuk mengadakan perbandingan prestasi sektor pelancongan Malaysia dengan negara-negara ASEAN ataupun negara asing. Perbandingan juga tidak dapat dibuat dengan secara tepat kerana tiap-tiap negara mempunyai "air accessibility" atau keupayaan kemudahan masuk melalui udara yang tidak serupa, tarikan-tarikan pelancongan yang berbeza-beza, dan juga mempunyai kemudahan-kemudahan yang berlainan. Di samping itu, destinasi-destinasi pelancongan di negara-negara jiran telah lama berkecimpung di bidang pelancongan dan telah pun terkenal serata dunia sebagai tumpuan pelancongan.

Sungguhpun kita baru sahaja berkecimpung di dalam industri pelancongan, prestasi kita didapati menggalakkan dan kita tidak ketinggalan di dalam bidang ini.

Dari segi ketibaan umpamanya, Malaysia telah mencapai pertambahan sebanyak 7.25% di antara tahun 1980-1985 di mana jumlah

pelancongan yang datang ke negara ini telah meningkat dari 2,067,020 pada tahun 1980 kepada 2,933,271 dalam tahun 1985. Dari segi pendapatan tukaran wang asing pula, pertambahan dua kali ganda telah dicatatkan dalam masa 5 tahun yang berkenaan: dalam tahun 1980 pendapatan negara dari pelancongan hanyalah \$618.9 juta dan pada tahun 1985 jumlah yang diperolehi ialah \$1,412.4 juta. Anggaran untuk tahun 1986 dan 1987 juga menunjukkan bahawa pertambahan di dalam bilangan ketibaan pelancong dan peningkatan pendapatan pertukaran wang asing akan dicapai.

BELIA DALAM BIDANG TEKNIKAL DAN YOKASIONAL

13. Tuan Mohammad Yusoff bin Haji Abdul Talib minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sehingga ini Kementerian ini telah menjalankan berbagai aktiviti dan kursus untuk para belia dan beliawanis, apakah hasil yang telah dicapai;
- (b) adakah kursus-kursus yang telah diadakan itu berjaya mengurangkan masalah pengangguran belia; dan
- (c) sejauh manakah penerapan nilai-nilai Islam dan unsur-unsur dakwah berjaya diserapkan ke dalam kursus-kursus yang diadakan sehingga boleh mengurangkan masalah keruntuhan moral di kalangan muda-mudi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar):

- (a) Aktiviti-aktiviti dan kursus-kursus yang disediakan oleh

Kementerian Belia dan Sukan adalah dirancang supaya ianya menuju ke arah untuk melahirkan golongan belia yang mahir dalam 3 bidang iaitu Kemahiran Vokasional, Kemahiran Berniaga dan Kemahiran Memimpin. Kemahiran-kemahiran tersebut dapat diperolehi oleh belia sama ada melalui Latihan Berinstitusi atau Tidak Berinstitusi. Hasil daripada aktiviti-aktiviti dan kursus tersebut, didapati ramai bilangan belia yang mahir dalam berbagai bidang teknikal dan vokasional dan mampu untuk bekerja sendiri.

Kemahiran dari segi kepimpinan pula telah nampak di kalangan golongan pelapis di mana belia-belia telah mampu untuk menggerakkan persatuan masing-masing.

- (b) Kursus-kursus yang diadakan itu memang secara langsung dapat mengatasi masalah pengangguran terutamanya kursus-kursus yang berbentuk kemahiran vokasional dan perniagaan. Belia-belia yang memperolehi kemahiran vokasional bukan sahaja boleh hekrja dengan pihak tertentu terutamanya sektor swasta yang memerlukan ramai pekerja mahir, malah juga apabila didedahkan dengan kursus-kursus keusahawanan, mereka telah mampu untuk menjalankan perniagaan sendiri.
- (c) Dalam melaksanakan program Penerapan Nilai-nilai Islam di kalangan belia, Kementerian Belia dan Sukan telah pun berjaya melaksanakan bidang kursus ke arah mewujudkan belia dan berakhlak mulia serta bermoral. Justeru itu program

yang berbentuk dakwah dan kepimpinan Islam telah diadakan.

Di samping itu Kementerian Belia dan Sukan telah memastikan bahawa setiap kursus/seminar yang dianjurkan oleh Kementerian ini memasukkan ceramah-ceramah agama serta mengadakan kuliah-kuliah Subuh, sebagai agenda tetap.

Di Pusat-pusat Latihan Belia, kurikulum agama yang mencakupi bidang-bidang Feqah, Tauhid, Syarak, Tafsir dengan penekanan utama ialah ke arah mewujudkan belia yang bertakwa, berakhlak serta beriman. Dengan penumpuan dan penekanan yang diberikan kepada bidang keagamaan ini, Insha Allah masalah keruntuhan moral dan akhlak di kalangan belia pada hari ini akan dapat dikurangkan.

PENGGUNAAN CERMIN GELAP

14. **Tuan Maidom bin Pansai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapakah Kerajaan begitu mengambil berat tentang penggunaan cermin gelap (tinted glass) oleh tuantuan punya kenderaan, sedangkan tujuannya adalah jelas sekali bahawa para pengguna kenderaan menggunakan cermin gelap itu hanya setakat untuk mengurangkan panas matahari sahaja dan tidak lebih dari itu. Kalau dikatakan bahawa penggunaan cermin gelap itu mendatangkan bahaya kerana ianya digunakan oleh para perompak atau lain-lain kegiatan jenayah. Tapi, sudah berapakah kes kejadian seperti itu yang didapati berpunca daripada penggunaan cermin gelap.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tujuan larangan menggunakan cermin gelap pada kereta-kereta adalah untuk mengurangkan kegiatan-kegiatan jenayah seperti rompakan, penculikan dan sebagainya kerana larangan tersebut kita telah berjaya mengurangkan kejadian jenayah yang menggunakan kereta bercermin gelap sehingga tidak dapat dipastikan siapakah yang melakukan kesalahan jenayah seumpama itu. Sungguhpun kejadian jenayah rompakan dan penculikan berterusan berlaku mereka tidak lagi mendapat perlindungan daripada dilihat oleh orang ramai semasa melarikan diri.

Memang benar bahawa penggunaan cermin gelap mengurangkan bahang panas matahari tetapi menggelapkan sehingga tidak nampak dan tidak kelihatan baik daripada luar mahupun dalam ianya akan memberikan perlindungan kepada orang-orang yang berniat jahat tanpa sekatan. Walau bagaimanapun peraturan yang ada sekarang membenarkan penggunaan cermin yang digelapkan asalkan 75% cahaya boleh kelihatan di dalamnya. Dengan cara ini orang ramai masih boleh melihat pemandu atau penumpang dalam sebuah kereta itu sementara pemandu dapat melihat dengan jelas apa-apa juga yang ada di hadapan dan di belakang kenderaannya bagi mengelakkan berlaku sebarang kemalangan. Selain daripada itu peraturan yang ada sekarang juga membenarkan pengecualian kepada orang-orang yang berpenyakit tidak boleh terkena pancaran cahaya matahari dan memerlukan suasana gelap setiap masa. Pengecualian ini adalah di bawah kuasa Menteri Pengangkutan sendiri bagi mengelakkan sebarang penyelewengan berlaku.

PETRONAS—MENGGANTIKAN PEGAWAI ASING

15. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan

sama ada terdapat rancangan untuk menggantikan pegawai-pegawai asing yang bertugas dengan PETRONAS, terutama dalam peringkat executive dan bidang penyelidikan dengan anak-anak tempatan, memandangkan banyak Graduan kita yang menganggur sekarang. Jika ya, bilakah perkara ini akan dilaksanakan dan jika tidak, mengapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah kakitangan PETRONAS seramai kira-kira 7,000 orang hanya 2% sahaja jawatan diisi oleh pegawai-pegawai asing. Daripada jumlah ini tiada seorang pun yang terlibat dalam bidang penyelidikan. Jawatan-jawatan tersebut pada asasnya adalah jawatan-jawatan yang teknikal di peringkat atasan yang memerlukan pengalaman dalam bidang petroleum melebihi 10 tahun. PETRONAS sememangnya mempunyai rancangan untuk mewarganekarakan jawatan-jawatan tersebut apabila pegawai-pegawai tempatan PETRONAS telah memperolehi pengalaman dan kepakaran secukupnya bagi mengambilalih jawatan-jawatan tersebut daripada pegawai-pegawai asing berkenaan.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat PETRONAS telah pun melancarkan satu skim untuk melatih graduan-graduan menganggur, khususnya pemegang-pemegang biasiswa PETRONAS dan Kerajaan. Rancangan ini boleh menampung apa-apa keperluan dalam PETRONAS bagi tenaga terlatih kelak.

BERAS STOKPAIL-KERUGIAN

16. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pertanian menyatakan sebab musabab kerugian sehingga sebanyak beberapa ratus ribu ringgit setiap tahun yang berlaku di LPN di Sungai Petani akibat kerosakan beras yang

disimpan di situ dan apakah tindakan telah diambil untuk mengatasi masalah ini serta sebutkan wang kerugian sebenarnya setiap tahun sejak tahun 1980 hingga 1986.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

Gudang Sungai Petani sebenarnya mula disewa oleh LPN pada 1hb Julai, 1985 untuk menyimpan beras stokpail. Ianya merupakan sebahagian daripada beras stokpail Kerajaan sebanyak 260,000 tan metrik disimpan di seluruh negara pada setiap masa untuk keselamatan bagi memenuhi keperluan untuk tempoh 3 bulan di Semenanjung Malaysia dan 6 bulan bagi Negeri Sabah dan Sarawak apabila berlakunya kecemasan. Walaupun beras stokpail ini sentiasa diperbaharui dengan melaksanakan sistem jualan "masuk awal jual dahulu" atau "First-in, First-out" (FIFO) tetapi dengan kedudukan stok yang tinggi di samping penjualan beras baru oleh kompleks-kompleks LPN menyebabkan pusingan pengeluaran beras dari gudang-gudang stokpail ini mengambil masa yang panjang. Terutama bagi beras yang bermutu rendah dan kurang diminati oleh pemborong-pemborong akan tersimpan sehingga melebihi satu tahun.

Kerajaan sedar bahawa untuk menyimpan beras stokpail yang tinggi, mencukupi untuk menghadapi masa kecemasan yang lebih panjang pada bila-bila masa, Kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan yang banyak termasuklah kerugian ke atas kejatuhan mutu beras stokpail yang tersimpan lama.

Dengan sebab itu untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi dan mengurangkan tanggungan Kerajaan kerana menyimpan beras stokpail yang tinggi maka mulai bulan Mac, 1986 Kerajaan telah membuat keputusan supaya simpanan beras stokpail Kerajaan dikurangkan. Dengan paras stokpail yang rendah

juga akan dapat mempercepatkan pusingan pengeluaran beras stokpail kurang daripada 6 bulan serta dalam keadaan baik.

Selepas keputusan Kerajaan menurunkan paras beras stokpail itu dibuat maka LPN telah menganalisa semula semua beras stokpail yang telah tersimpan lama dan jatuh mutu termasuklah beras di gudang Sungai Petani untuk dijual dengan harga yang lebih rendah berasaskan kepada keadaan mutunya dan pasaran semasa bagi mempercepatkan penjualannya. Dengan tindakan ini juga beras lama telah dapat dijual dengan segera dan sebanyak 25 buah gudang sewa di seluruh negara untuk menyimpan beras stokpail telah diserahkan balik yang mana LPN dapat menjimatkan sebanyak \$3.28 juta setahun ke atas belanja sewa gudang sahaja. Gudang yang diserahkan balik itu termasuklah beberapa gudang di Sungai Petani yang telah dikosongkan. Selain daripada itu banyak lagi gudang-gudang sewa yang akan ditamatkan penyewaannya oleh LPN sehingga akhir tahun ini.

**PELANCONGAN—MEMASUKKAN
AGENSI KERAJAAN**

17. Tuan Shahidan bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk memasukkan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti MAS, Jabatan Penerbangan Awam dan Lembaga Kraftangan Malaysia di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan kerana agensi-agensi tersebut berkaitan rapat secara langsung dengan kegiatan pelancongan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Kerajaan memang sedar bahawa Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS), Jabatan Penerbangan Awam dan Lembaga

Kraftangan Malaysia ada hubungan dengan perusahaan pelancongan tetapi dari segi rasionalnya peranan dan matlamat organisasi syarikat dan badan-badan tersebut adalah merangkumi bidang-bidang lain yang lebih luas. Oleh yang demikian, adalah wajar supaya kedudukan syarikat dan badan-badan tersebut terus kekal seperti sedia ada sekarang.

TANAH TERBIAR

18. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Pertanian menyatakan setakat ini berapa luaskah tanah terbiar telah dipulihkan dan apakah jenis tanaman yang banyak sekali dapat dimajukan. Berapa banyakkah subsidi dikeluarkan oleh Kerajaan untuk kemajuan pertanian.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kerai pada 1hb Disember, 1987 kerana soalnya didapati mempunyai persamaan. Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPNLB) dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (KKTKW) adalah bertanggungjawab untuk memulihkan tanah terbiar. Kementerian Pertanian bertanggungjawab untuk menyelaras projek-projek pemulihan sawah terbiar sementara KPNLB dan KKTKW bertanggungjawab untuk memulihkan tanah bukan sawah.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME) seluas 198,261 hektar tanah terbiar telah dapat dipulihkan di mana 30,681 hektar darinya adalah kawasan tanah sawah terbiar. Di Rancangan Malaysia Kelima (RML) Kerajaan bercadang untuk memulihkan seluas 124,000 hektar lagi tanah-tanah terbiar di seluruh negara. Dari jumlah keluasan tersebut Kementerian Pertanian telah

diberi tanggungjawab untuk memajukan kira-kira 14,000 hektar sawah terbiar yang akan melibatkan perbelanjaan sebanyak \$14 juta. Dari tahun 1986 sehingga bulan September, 1987 seluas 2,338 hektar sawah terbiar telah diputihkan dengan tanaman padi sebagai tanaman utama. Di samping padi, tanaman-tanaman lain yang diusahakan ialah jagung, kacang tanah, buah-buahan dan sayur-sayuran. Manakala negeri yang mempunyai banyak tanah terbiar ialah Negeri Kelantan.

Kerajaan telah pun menyusun semula strategi dan pendekatan bagi memesatkan lagi pembangunan tanah sawah terbiar. Beberapa langkah sebagaimana yang diperakukan di dalam strategi dan pendekatan baru itu sedang dan akan di laksanakan. Di antara langkah-langkah itu adalah seperti berikut:

- (i) menubuhkan sebuah Pasukan Petugas di peringkat Kebangsaan untuk merancang dan mengawasi program ini di seluruh negara. Pelbagai Jabatan dan Agensi yang terlibat adalah menganggotai Pasukan ini;
- (ii) melantik Lembaga Pertubuhan Peladang menjadi agensi utama bagi menyelaras dan mengesan pelaksanaan projek-projek di bawah program ini;
- (iii) menggalakkan Pertubuhan-pertubuhan Peladang Kawasan dan syarikat-syarikat swasta menyertai program ini;
- (iv) mempertingkatkan kemampuan pegawai-pegawai yang menguruskan projek-projek tersebut melalui penyertaan mereka di dalam kursus-kursus pengurusan.

Sehingga akhir tahun 1986, Kerajaan telah membelanjakan kira-kira \$1,743.2 billion untuk membiayai beberapa program subsidi di bawah

Kementerian Pertanian. Program-program subsidi itu ialah program subsidi harga padi, subsidi baja padi, subsidi harga susu dan subsidi jualan lembu. Sebahagian besar daripada jumlah subsidi ini ialah untuk program subsidi harga padi iaitu 71.8% dan untuk program subsidi baja padi ialah 27.2% daripada jumlah keseluruhan subsidi yang dikeluarkan.

ROGOL DIKENAKAN HUKUMAN MATI

19. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian akan menimbang pindaan undang-undang supaya hukuman mati akan dikenakan kepada penjenayah-penjenayah yang melakukan rogol dan "sodomy" dan pembunuhan mangsa-mangsa gadis di bawah umur 14 tahun; kalau tidak sila berikan sebab-sebab.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah pun saya jawab bersama-sama soalan Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 12-10-1987 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

PELAJAR MALAYSIA DI AUSTRALIA—BANTUAN PINJAMAN

20. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meringankan beban yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Malaysia yang disebabkan oleh kenaikan yuran pelajaran yang dicadangkan oleh Kerajaan Australia.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia telah bersetuju memperuntukkan sejumlah \$250,000 sebagai bantuan pinjaman kepada pelajar-pelajar Malaysia di Australia

yang terlibat dengan kenaikan yuran pengajian di Australia. Adalah diharapkan pinjaman ini dapat meringankan beban pelajar-pelajar berkenaan.

KES ROGOL

21. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengemukakan Rang Undang-undang di Parlimen untuk mengenakan hukuman yang lebih berkesan lagi terhadap perogol-perogol memandangkan meningkatnya jumlah kes-kes rogo! khasnya kes-kes terhadap kanak-kanak dan yang melibatkan kekerasan dan kekejaman.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah pun saya jawab bersama-sama soalan Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 12-10-1987 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

BANDUAN DALAM PENJARA

22. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah banduan yang terdapat di negara;
- (b) apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi kesesakan di penjara-penjara negara;
- (c) adakah Kerajaan bercadang mengurangkan nisbah satu pegawai penjara kepada 20 orang banduan memandangkan nisbah yang diakui selamat ialah satu pegawai penjara kepada tiga orang banduan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jumlah bilangan banduan yang berada di dalam penjara pada masa ini ialah seramai 19,707 orang dan pihak Kerajaan memang sedar wujudnya

keadaan kesesakan di beberapa buah penjara di negara ini seperti di Penjara Pudu (Kuala Lumpur), Pulau Pinang, Johor Bahru dan Seremban.

Pada masa ini terdapat tiga buah penjara baru yang sedang dalam pembinaan iaitu di Simpang Rengam, Penor dan Jelebu yang mana ia merupakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah kesesakan. Di samping itu Kerajaan juga mempunyai rancangan untuk membina penjara-penjara baru di tempat-tempat berikut:

- (i) Pokok Sena, Kedah;
- (ii) Tapah, Perak;
- (iii) Kuala Lipis, Pahang Darulmakmur;
- (iv) Kluang, Johor;
- (v) Kulim, Kedah.

Untuk maklum Yang Berhormat juga, nisbah pegawai penjara dengan bilangan banduan sekarang ini, secara purata ialah 1 pegawai: 5 banduan. Walau bagaimanapun usaha sedang dijalankan untuk menjadikan nisbah tersebut bertambah baik.

KELARIAN BANDUAN DI PENJARA

23. **Tuan P. Patto** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan sering berlakunya kes-kes melarikan diri dari penjara oleh banduan-banduan, adakah Kementerianya mempunyai sebarang rancangan untuk mengadakan sistem kawalan "TV litar tertutup" supaya dapat mengawal dengan lebih ketat lagi banduan-banduan dalam penjara; dan juga nyatakan jumlah bilangan banduan yang telah melarikan diri dari penjara, yang dapat ditangkap balik dan yang masih lepas bebas dalam setiap tahun sejak 1981.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pada masa ini pihak Kerajaan belum mempunyai rancangan untuk memasang sistem "TV litar tertutup" sebagai langkah untuk mengawal masalah kelarian banduan di penjara-penjara di negara ini.

Sejak tahun 1981, jumlah bilangan banduan yang telah melarikan diri dari penjara ialah seramai 157 orang di mana dari jumlah tersebut 120 orang telah ditangkap semula dan 37 orang masih bebas.

FELDA KOTA GELANGGI— TAWARAN PENEROKA

24. **Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) mengapakah peneroka-peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP) di Kota Gelanggi 4, Pahang, tidak dibenarkan menanam koko sebanyak 5 ekar, mendapat geran tanah dan mendapat hasil pulangan mereka dari usaha sendiri bukan dipersamakan tidak kira produktiviti masing-masing, seperti yang dijanjikan;
- (b) adakah peneroka-peneroka LKTP di Kota Gelanggi 4 dianggap sebagai tuan ladang atau buruh upahan FELDA; dan
- (c) bukankah benar bahawa sistem saham dan koperasi yang dipaksa ke atas peneroka-peneroka LKTP di FELDA Palong 9, Negeri Sembilan dan Kota Gelanggi 4 akan menyebabkan peneroka-peneroka tersebut menjadi hamba abdi LKTP tanpa kebebasan langsung dan terikat sesuka hati di bawah pengurusan LKTP.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:

(a) Apabila peneroka-peneroka FELDA Kota Gelanggi 4 ditempatkan di rancangan, kawasan ladang telah pun siap ditanam. Peneroka di rancangan ini telah diperuntukkan kawasan sawit setuas 7 ekar dan kawasan koko seluas 3 ekar seorang. Ini adalah bersesuaian dengan dasar FELDA pada masa tersebut untuk memberikan kawasan seluas tidak kurang daripada 10 ekar bagi tiap-tiap seorang peneroka. Baru-baru ini, peneroka telah membuat permohonan untuk mendapatkan tambahan kawasan koko daripada 3 ekar menjadi 5 ekar tiap-tiap seorang. Permohonan ini tidak dapat dipertimbangkan oleh kerana seperti yang telah dinyatakan, dasar FELDA ialah memberikan kawasan tidak melebihi daripada 10 ekar bagi tiap-tiap seorang peneroka. Jumlah luas kawasan yang diperuntukkan kepada peneroka telah diberitahu kepada tiap-tiap orang peneroka pada masa mereka mula masuk ke rancangan asal. Mereka juga telah menandatangani satu surat perjanjian dengan FELDA di mana telah juga dinyatakan jumlah luas kawasan yang akan mereka perolehi. Oleh yang demikian, permohonan peneroka untuk mendapatkan kawasan tambahan selain daripada kawasan yang telah diperuntukkan sebanyak 10 ekar itu tidaklah dapat diluluskan. FELDA tidak ada membuat perjanjian bahawa mereka akan mendapat kawasan yang lebih daripada 10 ekar.

(b) Semua peneroka yang ditempatkan di rancangan

FELDA adalah dianggap sebagai peneroka FELDA iaitu mereka yang ditempatkan di rancangan dan bekerja di kawasan ladang, mendapat hasil daripada usaha mereka dan akhirnya, bagi rancangan-rancangan di mana hakmilik akan diberikan, mereka adalah bakal peneroka yang akan menerima hakmilik apabila sahaja mereka telah selesai menjelas bayaran kembali kos pembangunan tanah ladang serta kos pembinaan rumah dan lain pinjaman wang kepada FELDA. FELDA tidak pernah menganggap bahawa peneroka-peneroka rancangan adalah menjadi sebagai "buruh upahan" kepada FELDA.

(c) Adalah tidak benar bahawa sistem saham dan koperasi itu dipaksa kepada peneroka-peneroka di FELDA Palong 9, Negeri Sembilan dan Kota Gelanggi 4, Pahang. Adalah juga tidak benar bahawa peneroka-peneroka sama ada di rancangan tersebut ataupun di lain rancangan FELDA adalah "menjadi seperti yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat menjadi hamba abdi LKTP tanpa kebebasan langsung dan terikat sesuka hati di bawah pengurusan LKTP." Bagi semua peneroka-peneroka yang ditempatkan di rancangan FELDA, mereka memang sudah mengetahui terlebih dahulu apakah sistem kerja, apakah tugas-tugas dan peranan yang perlu mereka lakukan, bagaimanakah mereka boleh memperolehi pendapatan daripada pekerjaan semasa di rancangan, dan apakah peranan dan perhubungan dengan pihak Pengurusan rancangan.

Apabila peneroka masuk ke rancangan, pengurusan FELDA

ada menganjurkan kursus suaikenal ataupun kursus orientasi di mana peneroka-peneroka diperkenalkan ataupun diberi penerangan tentang peraturan-peraturan dan cara-cara pengurusan rancangan. Mereka juga boleh mengemukakan persoalan ataupun pertanyaan kepada pihak pengurusan rancangan mengenai perkara-perkara yang mereka kurang faham.

Di tiap-tiap rancangan juga ditubuhkan Jawatan Kuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) iaitu satu jawatankuasa yang terdiri daripada ketua-ketua peneroka yang dipilih oleh peneroka sendiri bagi merancang, mengendalikan perkara-perkara yang diperlukan oleh masyarakat rancangan itu sendiri. Melalui Jawatan Kuasa Kemajuan Rancangan ini juga, pihak pengurusan rancangan mendapat saluran balik mengenai pandangan serta masalah-masalah yang dihadapi oleh peneroka.

Melalui Jawatankuasa Kemajuan Rancangan ini juga, pengurusan rancangan dapat mengembelingkan pemikiran dan tenaga peneroka-peneroka untuk bekerjasama bagi mengadakan kegiatan yang penting dan perlu untuk faedah masyarakat rancangan sendiri.

Selain daripada itu, pengurusan rancangan juga terpaksa mengadakan beberapa peraturan dan mewujudkan disiplin kerja terutama sekali mengenai hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan ladang dan kewangan. Perkara-perkara ini perlu diadakan dan juga dimestikan peneroka-peneroka mengikutinya dengan tujuan supaya pengurusan

ladang dapat dilaksanakan dengan sempurna. Hanya dengan adanya peraturan ini, barulah dapat dipastikan bahawa mutu penjagaan ladang dan seterusnya pengeluaran hasil dapat dijamin oleh kerana inilah yang akan menentukan jumlah pendapatan yang akan diperolehi oleh tiap-tiap peneroka. Tanpa peraturan ini, pengurusan rancangan akan menjadi kucar-kacir.

Pentadbiran rancangan tidak sama sekali mengawal ataupun melarang peneroka-peneroka yang[^] ingin menjalankan kegiatan-kegiatan yang ada kebaikan, untuk kepentingan sama ada orang perseorangan ataupun masyarakat rancangan keseluruhannya.

BUKU-BUKU TEKS SEKOLAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

25. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pendidikan menyatakan sebab-sebab mengapa Kerajaan menunggu sehingga begitu lama barulah seruan dibuat kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk meningkatkan lagi keluaran buku-buku cetaknya. Apakah polisi Dewan Bahasa dan Pustaka yang tersedia ada mengenai, keluaran buku-buku untuk kegunaan sekolah, universiti atau pengetahuan am. Apakah sebenarnya faktor-faktor yang menghalang keupayaan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mencetakkan buku-buku dengan banyaknya. Bagaimanakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengatasi setiap faktor ini. Mengenai penentuan royalti atau bayaran pampasan kepada pengarang-pengarang penentuan royalti atau bayaran pampasan kepada pengarang-pengarang tempatan, siapakah yang menentukan struktur pemberian wang ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. seruan yang dibuat baru-baru ini mengenai Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebenarnya ialah bagi penerbitan buku-buku pengajian tinggi yang kurang dalam pasaran. Mengenai penerbitan buku-buku teks sekotah, DBP hanya menerbitkan buku-buku yang telah ditentukan oleh pihak Biro Buku Teks, Kementerian Pendidikan. Sementara bagi buku-buku pengajian tinggi, dari segi pemilihan tajuk dan bidang-bidang yang perlu diterbitkan ini dibuat secara bersama dengan pihak universiti tempatan.

Di antara sebab kelewatan menerbitkan beberapa buku pengajian tinggi, ialah kelemahan mutu terjemah, kelemahan bahasa dan keseluruhan penulisan yang terdapat pada manuskrip-manuskrip yang dikirimkan kepada DBP dan juga kelemahan-kelemahan editor. Kelemahan ini terpaksa dibetulkan oleh DBP sebelum manuskrip itu dapat diterbitkan.

Antara langkah yang telah dan sedang diambil oleh DBP ialah:

- (i) meningkatkan kepakaran editor dalam kerja-kerja penyuntingan dan penterjemahan;
- (ii) membina kepakaran penulis dan penterjemahan yang bakal dan sedia ada dan membimbing mereka cara-cara teknik penulisan dan penterjemahan; dan
- (iii) meningkatkan pengetahuan dan kecekapan penggunaan bahasa yang baik di kalangan penulis dan penterjemah.

Dengan langkah-langkah yang telah diambil ini adalah diharapkan agar kelewatan DBP menerbitkan buku-buku terutamanya buku-buku pengajian tinggi dapat diatasi. Pihak Lembaga Pengelola dan Pengurusan

DBP juga telah diminta untuk mengkaji keseluruhan organisasi DBP dengan maksud memperkukuhkan jentera serta meningkatkan prestasi Dewan Bahasa dan Pustaka.

Berhubung dengan penentuan royalti yang dibayar oleh DBP, kadar ini adalah ditentukan oleh Lembaga Pengelola DBP, bergantung kepada jenis dan kategori buku yang diterbitkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1988" dan "Anggaran Pembangunan 1988" dalam Jawatankasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Keduabelas*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.45 (Jadual)—

Maksud P. 45 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung.

3.38ptg.

Timbalan Menteri Buruh (Dato Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung jawapan saya semalam.

Pada hari semalam saya telah menjelaskan perkara-perkara berikut, iaitu cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bagi mewujudkan Dasar Kebangsaan mengenai keselamatan dan kesejahteraan pekerja. Yang kedua, usaha-usaha untuk mencegah kemalangan di tempat kerja. Yang ketiga, penubuhan Institut Keselamatan dan Kesihatan Kerja.

Pada hari ini saya ingin menjelaskan pula perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan. Namun begitu, Tuan Pengerusi, saya tidak dapat menjelaskan satu-persatu kerana kesuntukan masa, hanya yang penting saya jelaskan sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menyatakan bahawa Akta Kilang dan Jentera itu tidak memadai bagi menjaga ataupun menjamin keselamatan dan kesejahteraan pekerja saya setuju. Oleh itu, Kementerian sebenarnya ada mempunyai cadangan untuk memperkenatkan satu akta baru yang dinamakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Proses penyediaannya sedang berjalan sekarang.

Yang keduanya, Ahli dari Bukit Bintang menyentuh berkenaan dengan majikan yang tidak mematuhi perintah Mahkamah Perusahaan. Ini saya anggap penting dibangkitkan. Sukacita dimaklumkan bahawa Mahkamah Perusahaan membicarakan aduan-aduan mengenai tidak mematuhi keputusan atau perjanjian bersama di bawah Seksyen 56 (1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan mengeluarkan perintah pematuhan di bawah Seksyen 56 (2) Akta tersebut. Adalah difahamkan bahawa terdapat hanya lebih kurang 15 hingga 20 perintah-perintah Mahkamah Perusahaan yang belum lagi dipatuhi berbanding dengan 3,286 keputusan yang diumumkan oleh Mahkamah Perusahaan sehingga

31hb Oktober, 1987. Ini menunjukkan bahawa peratusan tidak mematuhi hanyalah lebih kurang 0.45% hingga 0.6% sahaja. Berasaskan kepada peratusan ini, keadaan ini adalah tidak membimbangkan. Kementerian Buruh sedang mengkaji cara-cara bagi mengatasi masalah ini. Akta Perhubungan Perusahaan 1967 sedang disemak semula, antara lain bagi menentukan sama ada pindaan-pindaan perlu dibuat kepada Akta tersebut.

Pihak Kementerian sedar bahawa proses yang begitu lama diambil untuk memastikan pematuhan perintah di bawah Seksyen 56 (3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Oleh itu, untuk mengatasi masalah ini, pihak Kementerian Buruh sedang mengkaji seksyen-seksyen yang berkaitan untuk menimbangkan pindaan-pindaan yang perlu dilakukan supaya satu tindakan yang lebih berkesan dapat diambil untuk memastikan pematuhan terhadap perintah-perintah tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah mencadangkan supaya Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) diluaskan untuk meliputi semua perusahaan yang mempunyai kurang daripada lima orang pekerja. Ingin saya menerangkan bahawa Skim ini sekarang meliputi semua perusahaan yang mempunyai lima orang pekerja atau lebih dan yang mana gaji pekerja-pekerja itu adalah \$1,000 ke bawah. Pekerja-pekerja bagi perusahaan-perusahaan yang tidak memenuhi syarat-syarat ini, adalah diberi perlindungan di bawah Akta Pampasan Kerja 1952. Ini bermakna bahawa pekerja-pekerja seperti buruh kasar tanpa mengira gaji bulanan mereka, pekerja-pekerja bukan buruh kasar yang menerima gaji kurang daripada \$500 sebulan adalah dilindungi di bawah Akta Pampasan Kerja 1952.

Kementerian Buruh sedar dan memang bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa perlindungan keselamatan pekerja-pekerja adalah satu perkara yang seharusnya diberi perhatian yang serius. Oleh yang demikian, Kementerian Buruh sedang membuat kajian kemungkinan bagi memperluaskan perlindungan skim-skim PERKESO kepada semua golongan pekerja.

Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat supaya skim PERKESO diperluaskan untuk meliputi pekerja-pekerja sendiri, saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Buruh pernah menimbangkan cadangan seumpama yang disyorkan ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Buruh tidak dapat melaksanakan satu skim keselamatan sosial bagi mereka yang bekerja sendiri oleh kerana beberapa faktor. Salah satu daripada faktor itu ialah kesulitan yang akan dihadapi dalam kutipan caruman dari mereka dalam golongan ini yang akan menyertai skim-skim PERKESO. Di samping itu, dari kajian awal yang telah dijalankan adalah didapati bahawa Kerajaan perlu juga menyediakan subsidi bagi menampung perbelanjaan, faedah-faedah yang akan dibayar kepada pekerja-pekerja sendiri. Namun demikian, Kementerian Buruh akan terus meneliti cadangan ini dan sekiranya didapati sesuai, boleh dilaksanakan dalam jangka masa yang panjang.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah menimbulkan cadangan supaya Kerajaan menetapkan kadar gaji minima. Untuk makluman Yang Berhormat, gaji minima ada ditetapkan oleh Majlis Penetapan Gaji bagi empat kumpulan pekerja iaitu pembantu-pembantu kedai, pekerja wayang gambar, pemunggal-pemunggal kapal dan pengendali muatan di Pulau Pinang. Pada amnya pihak Kerajaan menggalakkan penentuan gaji melalui

perjanjian bersama atau rundingan individu di antara pekerja-pekerja dan majikan-majikan. Memandangkan bahawa sistem penetapan gaji di negara ini pada keseluruhannya adalah memuaskan, maka Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan gaji hidup minima bagi pekerja-pekerja.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani untuk mengadakan skim potongan gaji bagi membolehkan pekerja-pekerja di ladang-ladang memiliki rumah sendiri agar mereka mempunyai tempat kediaman selepas bersara.

Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan adalah peka terhadap keperluan pemilikan rumah yang termampu dibeli oleh semua pekerja di negara ini bukan sahaja pekerja-pekerja ladang. Oleh itu semenjak tahun 1973, Kerajaan telah menggalakkan skim pemilikan rumah pekerja di ladang-ladang dan di lombong-lombong. Di bawah skim ini, para majikan adalah digalakkan untuk menyediakan tanah secara percuma bagi membina rumah-rumah untuk dijual kepada pekerja-pekerja dengan harga kos rendah. Pihak majikan itu mengaturkan pinjaman daripada institusi kewangan dan mengaturkan potongan bulanan daripada gaji pekerja-pekerja bagi membayar balik pinjaman tersebut. Di samping itu pihak majikan biasanya memberi subsidi wang tunai sebanyak \$500 setiap pemohon yang menyertai skim memiliki rumah. Tambahan pula majikan juga memberikan elaun tunai sebanyak \$50 sebulan sebagai elaun perumahan yang boleh digunakan oleh pekerja sebagai sebahagian daripada bayaran balik pinjaman perumahan. Elaun \$50 yang diberi kepada pekerja sebagai sebahagian daripada bayaran balik pinjaman perumahan.

Tuan Pengerusi, sehingga sekarang sebanyak 9 buah skim pemilikan

rumah pekerja telah dilaksanakan melibatkan 1,605 unit rumah. 9 buah skim seperti ini adalah di dalam proses perlaksanaan yang akan melibatkan 9,849 unit rumah. Diakui bahawa sambutan majikan adalah tidak sepertimana yang diharapkan. Saya ingin menggesa kepada majikan supaya menimbangkan secara serius untuk mewujudkan skim seumpama ini di ladang-ladang mereka kerana ini merupakan satu sumbangan positif mereka terhadap kebajikan pekerja masing-masing yang telah berkhidmat dengan taat-setia.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kemudahan asas di ladang-ladang, Kementerian sentiasa melalui Jabatan Buruh menguatkuasakan Akta Piawaian Perumahan Pekerja-pekerja yang menentukan pihak ladang ini menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti rumah yang sesuai, bekalan air minum yang bersih dan lain-lain kemudahan api, elektrik, air dan sebagainya dan sehingga setakat ini kita berpuas hati walaupun ada kelemahan. Perbekalan kemudahan-kemudahan asas seperti air dan elektrik adalah tanggungjawab majikan. Kementerian Buruh adalah berpuas hati pada umumnya kebanyakan majikan-majikan ini sedang memikul tanggungjawab ini yang merupakan satu sumbangan yang agak besar dan ini patutlah juga diberi pujian. Pada amnya Kerajaan berpuas hati dengan kemajuan yang telah dicapai dan kalau terdapat kekurangan kita akan memastikan ladang-ladang ini akan mematuhi untuk memberikan kemudahan-kemudahan kepada pekerja-pekerja mereka.

Tuan Pengerusi, itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan katau ada perkara-perkara yang saya tidak dapat menjawab, telah diberi perhatian, telah dicatat dan akan seterusnya

diambil tindakan jika bersesuaian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$52,371,500 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Buruh jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$52,371,500 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Dato* Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$45,683,500 yang disebutkan dalam Maksud P.45 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$45,683,500 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Maksud B.35, B.36, B.37, B.38, BJ9, B.40, B.41, B.42 dan B.43 (Jadual)—

Maksud P.35, P.36, P.37, P.39, P.40, P.41 dan P.42 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B.35 hingga B.43 dan Maksud P.35, 36, 37, 39, 40, 41 dan 42 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

3.52 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, izinkan saya memulakan ucapan saya dengan merujuk kepada muka surat 169, Butiran 020000, Aktiviti Keselamatan.

Saya hendak berucap mengenai Ketenteraman Awam dan Keselamatan.

Tuan Pengerusi, apabila Parlimen mula bermesyuarat pada 12hb Oktober lalu untuk sidang Belanjawan, Ahli-ahli Parlimen telah melihat sesuatu yang amat menarik dan penuh dengan petanda significancenya iaitu kakilima jalan yang menuju masuk ke Parlimen diberi cat yang baru iaitu cat putih dan biru iaitu warna Polis Di-Raja Malaysia. Lima belas hari kemudian pihak polis dalam satu penangkapan besar-besaran telah menangkap ahli-ahli politik, ahli-ahli akademik, pendidik-pendidik Cina, pekerja-pekerja gereja, pemimpin-pemimpin, kumpulan bertindak sosial serta individu-individu di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang bersifat begitu menekankan.

Pada perkiraan terakhir seramai 106 orang telah ditahan, walaupun 11 daripada mereka telah dibebaskan pada hari Jumaat lalu. Tiga buah suratkhobar iaitu *The Star*, *Watan dan Sin Chew Jit Poh* telah dibatalkan permit penerbitan mereka. 12 orang Ahli dari Dewan yang mulia ini iaitu 10 orang dari DAP seorang daripadanya telah dibebaskan, seorang dari UMNO dan seorang lagi Ahli dari Gerakan telah menjadi mangsa Akta ISA ini yang membolehkan seseorang ditahan tanpa perbicaraan.

Penangkapan secara besar-besaran itu menandakan hari hitam bagi negara Malaysia dan merupakan satu pukulan hebat terhadap demokrasi berparlimen di negara ini.

Pada 28hb Oktober yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalatn Negeri telah mendakwa di Dewan yang mulia ini bahawa penahanan tersebut adalah perlu untuk membendung ketegangan kaum yang telah sampai ke tahap yang merbahaya. Yang Amat Berhormat telah mendakwa bahawa tindakan

ahli-ahli politik dari DAP dan PAS, suratkhobar-suratkhabar dan individu-individu telah mewujudkan ketegangan kaum dan agama yang amat serius di negara ini. Beliau juga mendakwa bahawa parti DAP dan PAS, khususnya telah menyalahgunakan liberalisma Kerajaan dengan mengapi-apikan isu perkauman dan agama dan dengan demikian mewujudkan ketegangan.

Biarlah saya memberitahu Yang Amat Berhormat bahawa DAP tidak pernah dan tidak akan mencetuskan ketegangan kaum di negara ini

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, itu menyentuh dasar.

Tuan Lee Lam Thye: Ini saya berbahas mengenai aspek keselamatan.

Tuan Pengerusi (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud): Contoh bolehlah, misal kata keselamatan awam, tak perlu sebut UMNO atau DAP.

Tuan Lee Lam Thye: Itu saya sentuh sebagai satu contoh sahaja.

Tuan Pengerusi (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud): Be specific, dengan izin.

Tuan Lee Lam Thye: Baik, terima kasih.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menegaskan di sini bahawa rakyat Malaysia ingin hidup dalam aman dan damai. Mereka mahukan Kerajaan menghormati harapan dan cita-cita sah mereka. Mereka mahukan Kerajaan menepati jaminan-jaminan yang termaktub dalam Perlembagaan.

Saya ingin menggesa Kerajaan, khususnya kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional agar mereka lebih peka terhadap keperluan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Terdapat keperluan untuk

membincang, memahami serta menghargai harapan-harapan, cita-cita dan kebimbangan-kebimbangan semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Pemimpin-pemimpin Barisan hendaklah berfikir dan bertindak sebagai rakyat Malaysia dahulu dan janganlah memilih jalan mudah dengan memikirkan sebagai orang Melayu, Cina, India, Iban atau Kadazan dahulu.

Tuan Pengerusi, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menggulung perbahasan ke atas Belanjawan tahun 1988, beliau telah berkata bahawa keselamatan dalam negeri baru-baru ini adalah runcing dan Kerajaan mesti membendungnya supaya tidak berlaku rusuhan dalam negeri ini. Beliau juga mendakwa bahawa ancaman terhadap keselamatan dalam negeri tidak terhad kepada pihak komunis, tetapi juga boleh datang dari pelbagai punca dan beliau juga mengatakan bahawa perbalahan kaum adalah merupakan ancaman kepada keselamatan negeri.

Yang Berhormat Timbalan Menteri walau bagaimanapun telah gagal menyatakan siapakah yang mewujudkan perbalahan-perbalahan ini terutama sekali perbalahan kaum. Tidak lain dari Kerajaan Barisan Nasional yang mewujudkan perbalahan dengan tidak mengindahkan kesensitivity hak, harapan, keinginan dan cita-cita rakyat berbilang bangsa.

Bukan sahaja Kerajaan telah terus mencipta isu demi isu dan kami dalam DAP adalah patriots dan nationalists yang mempertahankan serta melindungi hak Perlembagaan rakyat Malaysia, malah Kerajaan menggalakan pemimpin-pemimpinnya untuk menaikkan serta mengapi-apikan perasaan dan sentimen perkauman dengan memberi gambaran seolah-olah bangsa Melayu, Bahasa Malaysia dan hak-hak

istimewa orang-orang Melayu sedang diserang, walhal ini tidaklah hakikatnya.

Ucapan-ucapan berunsur provokatif juga dilafazkan di perhimpunan Pemuda UMNO dan di mesyuarat UMNO yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra. Pemimpin-pemimpin ini yang telah membuat ucapan-ucapan bersifat begitu perkauman menghasut dan provokatif masih bebas pada hal mereka ini harus didakwa di bawah Akta Hasutan kerana ucapan-ucapan mereka itu jelas dan nyata bertujuan menaikkan perasaan bersakit-sakit hati dan ketidakharmonian antara kaum.

Rasa tegang telah meningkat dan peristiwa penembakan di Jalan Chow Kit pada bulan Oktober lalu merupakan, dengan izin, barometer akan keadaan ketegangan itu. Namun demikian, Kerajaan masih terus membenarkan pemimpin-pemimpin yang berkenaan membuat ucapan-ucapan yang lebih merbahaya dan mengapi-apikan.

Parti DAP sebagai sebuah parti yang patriotic dan bertanggungjawab, yang menyedari penuh akan keadaan ketegangan ini disebabkan rasa tanggungjawab dan cinta kami terhadap negara, telah menyeru menerusi Yang Berhormat Ketua Pembangkang, merangkap Setiausaha Agung, supaya moratorium selama setahun dikenakan di mana isu-isu mengenai kurn. bahasa, pelajaran dan budaya tidak dibangkitkan.

Kami juga telah mencadangkan supaya sebuah Majlis Perundingan Negara ditubuhkan untuk membincang dan menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan perkauman yang boleh menjejaskan keselamatan dalam negeri, tetapi Kerajaan menolak bulat-bulat cadangan-cadangan kami itu dan sebaliknya melancarkan satu operasi penangkapan secara besar-besaran dan setakat ini telah menahan seramai 106 orang di bawah ISA.

Kami menuntut supaya setiap 106 orang yang ditahan di bawah ISA ini dibebaskan dengan serta-merta tanpa syarat. Sekiranya tindakan-tindakan mereka itu telah menyalahi undang-undang di tanahair kita maka mereka hendaklah didakwa dalam sebuah mahkamah dan bukan ditahan tanpa percibaraan.

Dalam hubungan ini kami menganggap pembebasan 11 orang tahanan baru-baru ini sebagai langkah ke arah yang betul dan kami menggesa pihak polis membebaskan lain-lain tahanan dengan segera, khususnya Ketua Pembangkang yang menjadi simbol demokrasi berparlimen di negara kita.

Mengenai tajuk yang sama Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada keluaran terbaru Majalah *ASIaweek* di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri mendakwa bahawa kumpulan-kumpulan tindakan sosial seperti Aliran, Persatuan Graduan Selangor dan lain-lain pertubuhan telah menjadi pertubuhan Front DAP atau Front Organization, dengan izin. Biarlah saya memberitahu Yang Amat Berhormat bahawa walaupun terdapat persamaan dalam pendirian yang diambil oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut dan DAP, namun pertubuhan-pertubuhan ini tidak pernah menjadi pertubuhan-pertubuhan Front DAP. Untuk menyatakan bahawa Dr Chandra Muzaffar dan Aliran adalah Front DAP adalah merupakan satu penghinaan terhadap kebijaksanaan Dr Chandra Muzaffar. Sutan Perak, Bapa Malaysia Tunku Abdul Rahman, Bekas Ketua Hakim Negara Tun Suffian dan orang-orang kenamaan lain telah menyertai seminar-seminar dan forum-forum yang dianjurkan oleh Aliran,

Apakah semua mereka ini mengikut implikasi telah dipergunakan oleh

Aliran bagi kepentingan perjuangan DAP? Dalam temuduga yang sama dalam *ASIaweek* Yang Amat Berhormat telah mengatakan bahawa saya quote, dengan izin;

"Tension mounted and by the time October came along because of this triggering off by the issue of school teachers we were ready to have another May 13".

Tuan Pengerusi, sekiranya inilah keadaan yang wujud ketika itu mengapa Kerajaan tidak membendung isu tersebut dengan menyelesaikannya dan bukan memhiarkan isu tersebut berterusan dan membara. Parti DAP ingin menegaskan bahawa tangkapan yang dilakukan baru-baru ini di bawah ISA adalah satu muslihat politik serta satu percubaan untuk mencekik dan menekankan bantahan atau defend dalam negara kita. Ia juga adalah satu percubaan untuk melumpuhkan parti DAP dengan menahan secara besar-besaran pemimpin-pemimpin parti DAP, pemimpin-pemimpin DAP dan lain-lain orang yang ditahan telah menjadi apa yang saya sifatkan dalam bahawa Inggeris, "The sacrificial victims on the altar of UMNO's power struggle", dengan izin. Biarlah saya katakan di sini bahawa pemimpin-pemimpin DAP ditahan itu adalah nationalists dan patriots yang mana commitment, dedikasi dan kesetiaan mereka terhadap demokrasi dan rakyat tidak ada tolok bandingnya.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Sekiranya Kerajaan berfikir bahawa dengan melumpuhkan DAP, Kerajaan akan dapat menghapuskan segala perbantahan atau detend yang sah maka Kerajaanlah yang harus disalahkan sekiranya rakyat mengalih kepada pihak-pihak yang memperjuangkan keganasan dan perjuangan di luar Perlembagaan atau extra constitutional struggle. Saya ingin

Tuan Pengerusi: Banyak lagikah Yang Berhormat? Yang Berhormat telah bercakap lebih daripada sepuluh minit.

Tuan Lee Lam Thye: Saya akan menggulung.

Tuan Pengerusi: Tolong gulungkan.

Tuan Lee Lam Thye: Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan isu berkenaan dengan bagaimana orang-orang yang ditahan di bawah ISA dilayan. Saya ditahamkan ada beberapa daripada tahanan ini termasuk Ketua Pembangkang digari dan mata mereka ditutup dengan kain apabila mereka dibawa keluar daripada lock-up. Orang-orang yang ditahan di bawah ISA khususnya Ahli-ahli Parlimen bukanlah penjenayah untuk digari dan mereka tidak patut diberi layanan seperti ini. Malah mata penjenayah-penjenayah pun tidak ditutup dengan kain. Saya ingin menggesa pihak polis agar mereka haruslah menggunakan budi bicara semasa menggunakan gari.

Pada akhirnya saya ingin menyentuh mengenai kertas putih yang telah juga diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa satu kertas putih akan dikeluarkan mengenai penahanan semua orang-orang yang terlibat.

Saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk menggesa Kementerian yang berkenaan supaya membentangkan kertas putih ini ke dalam Dewan yang mulia supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat peluang untuk membincangkannya dan untuk membahaskannya dan saya haraplah bahawa kertas putih ini tidak akan jadi apa yang saya sifatkan sebagai white wash paper, white wash atau untuk justily penangkapan besar-besaran itu. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Gopeng.

4.07 ptg.

Dr Ting Chew Peh (Gopeng): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 040000, Kewarganegaraan. Maksud Bekalan B.39 di muka surat 179.

Saya ingin menyentuh masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat ataupun penduduk tanpa status kerakyatan ataupun stateless persons, dengan izin. Meskipun pihak Kerajaan tidak mengumumkan bilangan orang tanpa status kerakyatan, namun dianggarkan jumlah mereka di sekitar 300,000 orang. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dapat betulkan jika angka itu tidak tepat. Dan kebanyakan dari mereka ini boleh dikatakan dilahirkan di negara ini, ramai sudah menunggu begitu lama dalam permohonan kerakyatan mereka, sebenarnya bertahun-tahun tetapi masih belum berjaya dalam permohonan mereka.

Saya ingin berikan satu contoh di sini. Pada tahun 1986 hingga 1987, pihak MCA sendiri menerima sebanyak 1,350 kes berhubung dengan masalah permohonan kerakyatan Malaysia. Dan di antara jumlah kes yang disebutkan itu yang masih belum berjaya itu, 246 kes sudah menunggu selama enam hingga sepuluh tahun. 356 kes sudah menunggu selama 11 hingga 15 tahun dan 216 kes sudah menunggu selama 16 hingga 20 tahun.

Dan saya kemukakan angka ini untuk menunjukkan masalah berkaitan dengan kewarganegaraan itu masih serius. Disebabkan mereka ini bukan warganegara, mereka menghadapi berbagai masalah-masalah dalam bidang politik, bidang

ekonomi dan sosial. Oleh sebab itu saya ingin membuat beberapa cadangan:

- (i) Pertimbangan ke atas permohonan mereka untuk menjadi warganegara dipercepatkan;
- (ii) Peraturan dan proses permohonan untuk menjadi warganegara dipermudahkan sedikit; dan
- (iii) Mengkaji secara terperinci masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan ini iaitu golongan tanpa status kerakyatan ini. Dan membantu mengatasi masalah-masalah mereka.

Saya berharap semua ini dapat dilakukan atas sebab-sebab peri kemanusiaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga merujuk kepada muka surat 169, Maksud Bekalan B.35, Butiran 020000 dengan keselamatan dan juga di bawah tajuk Kawalan Penerbitan.

Saya ingin menyentuh tindakan Kerajaan membatalkan kebenaran penerbitan bagi 3 akhbar tempatan baru-baru ini iaitu *Watan*, *Sin Chew Jit Poh* dan *The Star* atas sebab-sebab keselamatan negara dan ketenteraman sosial.

Saya cukup memahami malah menghargai hasrat pemimpin-pemimpin negara untuk menjaga keselamatan negara tetapi pada masa yang sama saya juga bersimpati dengan beratus-ratus pekerja yang tidak berdosa yang akhirnya akan menganggur sekiranya akhbar-akhbar yang berkenaan itu tidak dibenarkan untuk diterbitkan semula.

Atas sebab-sebab perikemanusiaan saya meyeru supaya pihak Kementerian Dalam Negeri menimbangkan semula tindakan pembatalan kebenaran penerbitan ketiga-tiga akhbar itu. Ini ialah untuk

memastikan orang-orang yang tidak berdosa itu boleh bekerja semula. Jika pihak Kementerian berpendapat ada yang tidak bertanggungjawab dan mengancam keselamatan dalam negara eloklah membawa mereka ke mahkamah.

Bagi saya kurang wajar semua pekerja itu dihukum kerana perbuatan segelintir orang yang tidak bertanggungjawab itu.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang berkaitan dengan akhbar ataupun peranan akhbar. Seperti kita sedia maklum di samping menyampaikan ataupun menyibar maklumat dalam bentuk berita ataupun rencana, akhbar dan majalah memainkan satu lagi peranan yang penting dalam masyarakat berbilang kaum iaitu menggalakkan pertukaran budaya, menggalakkan interaksi budaya dan seterusnya persefahaman kaum dengan membuat liputan-liputan yang seimbang tentang pergolakan serta juga kegiatan kebudayaan semua kaum. Dengan kata-kata lain, akhbar dan majalah boleh membantu memupuk perpaduan kaum.

Sebagai satu contoh, melalui rencana-rencana mengenai agama, aktiviti budaya, pantang-larang, adat resam kaum Melayu yang disiarkan dalam akhbar-akhbar Bahasa Malaysia, kaum bukan Melayu boleh memahami masyarakat Melayu dengan lebih mendalam lagi. Demikian juga sekiranya akhbar-akhbar Bahasa Malaysia menyiarkan berita-berita ataupun rencana mengenai masyarakat dan kebudayaan Cina, sudah pasti pembaca-pembaca Melayu berpeluang memahami orang-orang Cina dengan lebih mendalam lagi. Tetapi malangnya, pada masa sekarang akhbar Bahasa Malaysia tidak banyak meliputi hal-hal mengenai masyarakat dan kebudayaan Cina.

Saya bukan hendak menyalahkan akhbar-akhbar Bahasa Malaysia ataupun menuduh mereka kerana kekurangan itu, barangkali ada sebab-sebab tertentu yang tidak dapat kita ketahui. Walau bagaimanapun, untuk memperbetulkan kekurangan akhbar-akhbar Bahasa Malaysia yang ada sekarang, saya ingin mengesyorkan pihak Kerajaan berusaha untuk meluluskan lebih banyak lagi permohonan untuk menerbitkan akhbar-akhbar dan majalah Bahasa Malaysia, terutama sekali akhbar dan majalah yang akan menumpukan perhatian yang saksama kepada pergolakan dan aktiviti semua kaum di negara ini. Dan dalam hubungan ini, saya menyeru pihak Kerajaan menggalakkan penyertaan kaum bukan Melayu dalam industri persuratkhabaran Bahasa Malaysia. Ini bukan sahaja satu cara yang berkesan untuk memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia di kalangan warga keturunan bukan Melayu, tetapi ini juga satu langkah berkesan bagi saya untuk menggalakkan interaksi budaya dan seterusnya memupuk persefahaman kaum.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Setar.

4.14 ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap berkenaan Maksud Bekalan B.36, Butiran 02000-Lojestik Marin dan Unit Udara Polis Diraja Malaysia seperti di muka surat 173 Anggaran Perbelanjaan, 1988.

Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya pihak Marin dan Unit Udara Polis Diraja Malaysia telah pun menunjukkan kemampuan mereka dalam bidang masing-masing. Prestasi mereka dari segi rondaan di perairan

dan ruang-ruang udara negara boleh dikatakan memuaskan, terutama dalam gerakan-gerakan memberi perlindungan kepada bot-bot nelayan kita daripada lanun-lanun di laut. Namun begitu, saya ingin juga membuat komen berkenaan dengan pengawasan perairan kita di Selat Tebrau Johor yang sering dicabuli oleh anggota pasukan tentera negara jiran.

Akhir-akhir ini kita sentiasa mendengar laporan akhbar berkenaan dengan penglihatan anggota-anggota tentera laut Singapura yang menyeberangi Selat Tebrau dan mendarat di sebelah pantai Johor. Kononnya anggota-anggota tentera ini menjalani latihan dan telah tersilap menyeberangi perairan Malaysia dan mendarat di pantai Johor jika dikesan oleh pihak berkuasa Malaysia. Kadang-kadang pula pesawat tentera jiran ini juga memberi alasan kesilapan radar apabila memasuki ruang angkasa Malaysia tanpa kebenaran.

Yang menjadi soal di sini bukanlah alasan-alasan kesilapan tetapi pencerobohan secara langsung oleh pihak anggota tentera negara jiran ke dalam perairan dan ruang angkasa Malaysia yang mungkin dengan sasaran-sasaran tertentu dan boleh menjejaskan keselamatan negara ini. Oleh itu, saya sangatlah mengharapkan bahawa pihak Marin dan Unit Udara Polis Di Raja mengambil langkah-langkah yang lebih tegas terhadap kawalan perairan dan ruang udara Malaysia, terutamanya di Selat Tebrau, Johor bagi mencegah pencabulannya daripada anggota-anggota tentera laut atau udara negara jiran. Mungkin tindakan keras harus diambil sekiranya pencabulan ke atas perairan dan ruang udara diteruskan oleh mereka.

Tuan Pengerusi, beralih kepada Maksud Bekalan B.37, Butiran

020000-Kawalan/Keselamatan dan Penguatkuasa Jabatan Imigresen di muka surat 176.

Saya sangat hairan kenapa passport-pasport antarabangsa Malaysia menjadi dokumen perjalanan yang paling diminati oleh sendiket-sendiket jenayah di luar negeri. Saya tidak tahu sama ada passport-pasport kita itu mudah ditiru atau dipalsukan oleh kerana tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti passport-pasport negara-negara asing ataupun kawalan keselamatan ke atas passport-pasport kosong di Jabatan Imigresen atau di tempat cetak agak terlalu longgar hingga boleh dicuri oleh sendiket-sendiket jenayah. Walau bagaimanapun, hal ini telah menyebabkan pemegang-pemegang passport antarabangsa Malaysia sentiasa disyaki oleh pihak-pihak imigresen negara-negara luar. Kadang-kadang keadaan ini boleh merumitkan pemegang passport itu sendiri, sebab diperiksa terlalu rapi jika dibandingkan dengan pemegang-pemegang passport asing. Oleh yang demikian, saya cadangkan supaya kawalan yang lebih ketat harus dibuat oleh Jabatan Imigresen terhadap passport-pasport antarabangsa Malaysia supaya tidak terjatuh kepada tangan sendiket-sendiket jenayah antarabangsa dan juga tidak menjadi masalah kepada warganegara-warganegara kita yang berjalan ke luar negeri.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh Butiran 040000 di bawah Program Visa, Pas dan Urusetia di muka surat 176.

Dalam hal ini, kita sedia makluti bahawa beberapa negara asing telah pun mengenakan visa kepada pemegang-pemegang passport Malaysia akibat dari terdapatnya kegiatan sendiket-sendiket jenayah menjual paspot-paspot palsu Malaysia kepada rakyat negara asing. Antara negara yang telah mengenakan syarat visa

terhadap warganegara Malaysia ialah Peranchis. Walaupun rasional yang diberi oleh Kerajaan Peranchis berkenaan dengan keperluan syarat visa itu agak logik, saya merasa bahawa pihak Malaysia harus mengenakan syarat visa terhadap warganegara-warganegara Peranchis memasuki negara ini sama ada sebagai pelancong atau apa-apa urusan. Apa yang saya fahamkan sekarang ialah Kerajaan Peranchis mengenakan syarat-syarat visa kepada pelawat-pelawat Malaysia ke negaranya, tetapi kita pula tidak mengenakan syarat yang sama terhadap warganegara-warganegara Peranchis yang melawat Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh berkenaan Maksud Bekalan P.41 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Butiran 00100 Pembangunan Ekonomi, Butiran 00200 Perkhidmatan Sosial, Butiran 00300 Rancangan Pengumpulan Semula, di muka surat 185.

Saya ingin tahu sejauh manakah kejayaan telah dicapai dalam proses membangunkan masyarakat Orang Asli sama ada dalam bidang ekonomi ataupun perkhidmatan sosial.

Saya sedia maklum bahawa pihak JOA telah banyak berusaha untuk mengasimilasikan masyarakat Orang Asli di masyarakat moden, terutama di beberapa tempat di negeri Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Selangor. Namun begitu, maklumat berkenaan dengan sikap dan reaksi Orang-orang Asli itu sendiri terhadap proses asimilasi dan pembangunan ekonomi agak kurang. Mungkin tahap pencapaian sekarang ini telah menyakinkan Orang-orang Asli tentang hasrat Kerajaan untuk mengubah cara hidup mereka; mungkin pula usaha ini tidak begitu sesuai.

Apa yang saya fahamkan ialah ada setengah-setengah kumpulan Orang

Asli merasakan bahawa hidup secara moden tidak begitu sesuai bagi mereka.

Umpamanya, di Fort Iskandar dekat Temerloh, Pahang terdapat banyak Orang Asli, Suku Semalai dari perkampungan tersebut telah meninggalkan rumah-rumah yang disediakan oleh Kerajaan dan pulang ke tempat-tempat asal mereka, jauh di dalam hutan. Jadinya dalam keadaan sebegini sudah tentu menunjukkan bahawa ada beberapa perkara kehidupan moden yang tidak sesuai dengan Orang Asli, lebih-lebih lagi memandangkan bahawa di Fort Iskandar itu pihak Kerajaan telah pun memberi lot-lot tanah kepada mereka untuk bercucuk tanam dan lain-lain kemudahan untuk menggalakkan orang Semalai menetap di situ. Jika dilihat di kawasan lain pula, terutama di sekitar Cameron Highlands dan Gerik, di Perak didapati bahawa suku-suku Orang Asli di situ adalah lebih mundur daripada di Fort Iskandar. Yang maju nampaknya hanyalah segolongan daripada anggota-anggota Pasukan Senoi Praaq iaitu Polis Hutan di Bidor dan keluarga-keluarga mereka. Ini adalah mereka mendapat gaji tetap sebagai anggota Polis Hutan tetapi yang lainnya agak menyedihkan. Oleh itu, saya sangatlah berharap supaya pihak Kerajaan, khususnya JOA dapat memainkan peranan yang lebih aktif bagi mempercepatkan proses asimilasi dan pembangunan Orang-orang Asli.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

4.24 ptg.

Dato' Haji Mohanunad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah): Tuan Pengerusi, di dalam

membahaskan peruntukan Kementerian Dalam Negeri, ini saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Maksud Pembangunan P.42, muka surat 188 iaitu Burtiran 00100 Tambahan Bagi Pejabat-pejabat Percetakan Semenanjung di bawah Jabatan Percetakan Negara. Di bawah peruntukan ini anggaran peruntukan yang telah diminta ialah sebanyak \$999,990 dan saya difahamkan peruntukan ini adalah bagi mewujudkan Bahagian Percetakan Parlimen di Jabatan Percetakan Negara. Kuala Lumpur seperti yang terdapat di dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan juga Jabatan Percetakan Negara ini mungkin diswastakan satu hari kelak. akan tetapi Bahagian Percetakan Parlimen tetap tinggal sebagai agensi Kerajaan. Oleh yang demikian, tidaklah wajar jika Bahagian ini berada di dalam bangunan ataupun kawasan Jabatan Percetakan Negara yang ada sekarang yang mana jika diswastakan akan diambilh oleh pihak swasta. Unit Percetakan Parlimen ini adalah penting dan akan mengendalikan kerja-kerja yang dianggap terkawal dan sulit, khusus untuk Dewan yang mulia ini.

Saya suka Jab mengesyorkan agar Bahagian Percetakan Parlimen ini di tempatkan di Bangunan Parliaraen sendiri, jika ada ruang kosong boleh diberikan, ataupun pihak Jabatan Percetakan Negara diberi aatu tapak dalam kawasan Parlimen untuk mendirikan bangunannya. Dengan wujudnya Unit Pereotakan di Parlimen, kita akan maju setapak lagi mengikut jejak negara-negara maju yang mempunyai organisasi percetakannya sendiri yang dapat memberi segala kemudahan kepada Parlimen.

Tuan Pengerusi, dimuka surat 188 jugadt bawah Butiran 0020001 itu Mesin dan Kelengkapan. Saya rasa

dengan adanya peruntukan-peruntukan ini di bawah Mesin dan Kelengkapan berjumlah sebanyak \$2,069,990 saya percaya Bahagian Percetakan Parlimen juga akan dapat dilengkapi dengan mesin dan alat yang moden dan berkomputer untuk memberikan perkhidmatan percetakan yang bermutu dan tebih cepat. Oleh yang demikian, sekali lagi saya mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri agar menempatkan Bahagian Percetakan Parlimen dalam kawasan Parlimen dan saya percaya pihak Parlimen bersedia untuk menerima cadangan saya ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.28 *ptg.*

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan peruntukan Kementerian Dalam Negeri ini, saya suka merujuk kepada P.36, Butiran 040000 Perisikan Keselamatan, muka surat 173.

Perkara yang saya ingin bangkitkan mula-mula sekali ialah peruntukan Cawangan Khas yang tidak disebutkan anggaran bagi tahun 1988, tetapi bagi tahun 1987 sejumlah \$77.2 juta. Saya tidak faham ilmu statistik tetapi yang paling menarik hati saya ialah bilangan tangkapan tahun 1988 seramai 22,183 orang, sila lihat Prestasi Aktiviti Cawangan Khas, muka surat 271 Buku Program dan Prestasi Belanjawan 1988. Maafkan saya, Tuan Pengerusi, kalau saya tidak betul dan sila jelaskan kalau saya bodoh dalam masalah ini.

Bagaimana Polis Cawangan Khas boleh diduga bahawa dalam tahun 1988 ini terdapat sebanyak 22,183 tangkapan. Angka tangkapan itu selalu meningkat, tahun 1986 seramai 14,683, tahun 1987 seramai 19,838 tangkapan, macam angka kertas kerja

orang hendak membuat pinjaman dari bank yang menyebut kemajuannya sentiasa meningkat. Kalaulah logik peningkatan angka tangkapan dan ramainya angka tangkapan bahawa pengganas komunis, anasir-anasir subversif, perisikan, pengintipan, antinasiona dan ancaman luar begitu besar, maka adakah ini menandakan Kerajaan yang ada ini pandai memerintah dan pihak yang paling layak memerintah.

Bilangan orang-orang yang ditapis pula untuk tahun 1988 nanti seramai 659,200 lebih setengah juta orang yang diperhatikan sahaja oleh Polis Cawangan Khas. Nampaknya ramai benar rakyat yang menjadi masalah kepada Kerajaan selain daripada penjenayah, penyalahgunaan dadah dan lain-lain lagi.

Saya naik takut, Tuan Pengerusi, untuk membincangkan belanjawan Cawangan Khas ini, takut saya menjadi seorang dari yang menjadi masalah. Biarlah saya tak usah komen lebih panjang.

Tuan Pengerusi, mari kita pergi pula kepada muka surat 169, di bawah Maksud Bekalan B.35 Butiran 020000 Keselamatan yang belanjawannya dianggarkan \$4.5 juta iaitu \$10 juta lebih dari anggaran tahun 1987. Di bawah program ini terdapat aktiviti Ketenteraman Awam dan Keselamatan.

Saya ragu untuk menyokong peruntukan yang dikehendaki kerana saya tidak mahu bersubahat dengan kemungkinan salah guna kuasa dan salah guna budibicara oleh pihak yang bertanggungjawab dalam Kementerian ini.

Saya mengalu-alukan langkah Menteri Dalam Negeri membebaskan 11 orang tahanan ISA tanpa syarat seminggu lalu. Kegembiraan ini tidaklah menghapuskan gundah golongan umum terhadap penggunaan ISA terhadap 106 orang mulai 27hb

Oktober lalu. 95 orang lagi termasuk 14 orang PAS hendaklah dibebaskan tanpa syarat atau dibawa mereka ke mahkamah terbuka supaya mereka dapat membela diri dan larangan ke atas perjumpaan umum di dalam dan luar bangunan hendaklah ditarik balik.

Menteri-menteri yang belum kena ISA bolehlah dia kata macam-macam dan puji ISA, tetapi bila dia kena sekali, macam sahabat saya Ahli Yang Berhormat wakil Kok Lanas, baru dia tahu dan pada tahun sudah Ahli Yang Berhormat itu telah menyuarakan bahawa ISA telah disalahgunakan dan saya ulangi kenyataannya bahawa dia telah menjadi mangsa salahguna ISA itu. Saya sendiri juga pernah menjadi mangsa ISA di Batu Gajah pada zaman Tun Dr Ismail atas isu fitnah kafir-mengkafir.

Saya bersetuju dan sependapat dengan wakil Kok Lanas bahawa saya juga menjadi mangsa salahguna undang-undang ini. Kesimpulannya ISA ini mempunyai kelemahan. Ia boleh disalahgunakan oleh orang yang menguasainya.

Saya yakin kalau Tan Sri Ghazati Shafie dan Yang Berhormat Dato' Musa Hitam masing-masing pernah menjadi Menteri Dalam Negeri akan merasa betapa tidak adilnya Akta ini kalau mereka merasai pengalaman itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jangan tersenyum. Kalau wakil dari Pasir Mas boleh kena, saudara-saudara juga boleh kena kerana semangat pendirian saudara sekalian lebih kurang sama sahaja dengan dia.

Saya tidak gemar, Tuan Pengerusi, dengan politik Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, tetapi beliau sendiri cemas dengan penangkapan sejak 27hb Oktober lalu. Laporan di luar negeri ada menyebutkan pandangan berat Tunku Abdul Rahman atas perkara itu. Walaupun beliau yang menaja Akta itu dan pernah

menggunakannya dahulu, tetapi bila sesudah menjadi orang bebas, yang tak berkuasa dia pun cemas sama.

Saya mencadangkan kepada Dewan supaya Akta ini dikaji semula dan kalau perlu dimansuhkan. Tetapi mengkaji dan memindanya adalah satu suara yang lunak dan munasabah. Peruntukan ini jangan diluluskan, kalau Akta itu tidak dikaji semula.

Tuan Pengerusi, ada tanda-tanda ISA ini zalim. Saya akan buktikan perkara ini. Kerajaan tidak setuju dengan perkataan itu dan pihak keselamatan tidak senang menerimanya. Biarlah saya jelaskan sekarang:

- (i) Kerajaan tidak berani membawa orang-orang yang ditahan ke mahkamah;
- (ii) dari dahulu dan sekarang, tempat pengadilan ialah di mahkamah, bukan di penjara atau di khemah tahanan;
- (iii) orang yang berhak menentukan sesuatu kes itu salah atau tidak ialah Hakim, sesudah dia mendengar hujah-hujah dari semua pihak;
- (iv) ia memamatkan semangat demokrasi dan melanggar semangat itu sedangkan demokrasi disetujui oleh dunia sekarang sebagai suatu yang adil;
- (v) keputusan Hakim menjatuhkan hukuman mati bagi penjenayah dadah mulai mendapat perhatian di luar negeri, sedangkan tindakan ISA ini menjadikan dunia bisung dan riuh-rendah, sedangkan orang tahanan itu belum pun mati dan kadang-kadang ada yang dibebaskan tanpa syarat sebab tak ada kes;
- (vi) punca angkara ketegangan kadang-kadang tak kena apa-apa, sedangkan orang yang

kena tindakan ialah orang lain. Contoh terbaik, Tuan Pengerusi, punca ketegangan kaum antara bulan September-Oktober lalu ialah wujudnya perkauman dan ia tambah menebal adatah bukti kegagalan Kerajaan Barisan Nasional untuk mewujudkan perpaduan dan muhibbah di kalangan rakyat, sekalipun Rukunegara dan Majlis Perpaduan telah diciptakan, perkauman yang kian menebai inilah yang mengancam keselamatan sejak tahun 1960, ketika ISA diaktakan. Sudah banyak benar orang yang telah dilSakan. Antaranya atas sebab perkauman, tetapi nampaknya perpaduan tidak juga wujud dan keselamatan tetap terancam. Kenapa? Ini adalah contoh betapa ISA tidak mampu menyelesaikan penyakit kronik negara. Yang dapat mengatasinya, cuma konsep perpaduan dan keselamatan melalui Islam dengan berpandukan kepada Al-Quran dan As-sunnah di mana Nabi Besar Muhammad s.a.w. dikenali sebagai tokoh perpaduan, tokoh keadilan, tokoh ekonomi dan tokoh kestabilan politik dunia. Sejarah tidak pernah membohongi manusia.

Penahanan yang berterusan, antaranya terhadap beberapa orang lagi ahli PAS pada 12hb November lalu telah menampakkan betapa apa yang dikatakan ketegangan kaum atau negara dalam suasana tegang adatah suatu alasan yang dirancang dan tidak lagi menjadi asas alasan yang menyeluruh dan utama. Seolah-olah suasana tegang dan penangkapan awal mulai 27hb Oktober itu dirancang begitu rupa dan begitu licin bagi membolehkan Kerajaan bertindak

menghancurkan gerakan Islam atau orang-orang Islam yang hendak menjadikan Islam sebagai pernghayatannya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Tuan Hashim bin Safin: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Tanah Merah dan Yang Berhormat dari Marang bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Masa tidak mengizinkan, kalau Tuan Pengerusi berjanji hendak beri masa, tak apa.

Tuan Pengerusi: Saya tak beri.

Tuan Hashim bin Safin: On a point of order.

Tuan Pengerusi: Point of order. Sila duduk!

Tuan Hashim bin Safin: Point of order 55 (2). Tuan Pengerusi, mengikut interpretasi saya, saya rasa apa yang disentuh itu terlampau umum, sedangkan kita harus pergi kepada butiran iaitu program-program mengikut objektif yang telah ditetapkan. Ini saya bantah di bawah Peraturan 55 (2):

"Sesebuah Jawatankuasa yang telah diserahkan kepadanya satu Rang Undang-undang selepas bacaan kali kedua tidak boleh membahaskan dasar Rang Undang-undang tersebut tetapi hanya butiran-butirannya sahaja"

tetapi ucapannya terlampau umum sangat dan membuang masa. Walau bagaimanapun, terserah kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Bolehkah cepatkan sedikit? Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Cepat boleh. Terima kasih. Seolah-olah suasana tegang dan penangkapan awal mulai 27hb Oktober itu dirancang begitu rupa dan begitu licin bagi membolehkan Kerajaan bertindak menghancurkan gerakan Islam atau orang-orang Islam yang hendak menjadikan Islam sebagai penghayatannya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang bangun atas apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Point of order.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tak beri jalan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: On a point of order kena beri.

Tuan Pengerusi: Ya, point of order, kena beri jalan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Point of order dia buat sahaja itu. (*Ketawa*)

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Buat macam mana, ada dalam Peraturan ini, Perkara 55 (2):

"Sesebuah Jawatankuasa yang telah diserahkan kepadanya satu Rang Undang-undang selepas bacaan kali kedua tidak boleh membahaskan dasar Rang Undang-undang tersebut tetapi hanya butiran-butirannya sahaja."

Apa yang kita nampak dia bahas tadi tak lain ceritanya adalah soal dasar, soal dasar patut cerita lama dahulu. Kalau ini hendak bangkitkan soal dasar, patut kena berhenti. Buang teks itu, itu teks orang.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ini bukan dasar, Tuan Pengerusi. Saya tujukan kepada butiran. Pihak yang menjadikan

kenaikan pangkat beberapa orang guru sekolah China

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, nanti sekejap. Saya belum beri keputusan. Ada perbezaan di antara 55 (2) dengan 66 (12), dia sedikit. Apabila kita bahas dalam Jawatankuasa budget maka dasar di atas peruntukan-peruntukan yang disediakan itu dibenarkan. Kalau sekiranya bukan budget atau supplementary tidak dibenarkan. Ada perbezaan ketiga-tiga cara ini dalam Peraturan Mesyuarat kita. Sila teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sama seperti pihak yang menjadikan kenaikan pangkat beberapa orang guru Sekolah Cina sebagai

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun. Hendak apa?

Tuan Zubir bin Embong: Minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tak payah.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri.

Tuan Zubir bin Embong: Giliran dia, dia tidak beri, giliran kita, kita beri. (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Atas perjumpaan di Stadium TPCA penganjur perhimpunan Ihb November di Stadium Merdeka yang dibatalkan itu, semua orang hidup bebas tetapi 15 orang PAS yang tidak terlibat dalam perkauman ditangkap dan ditahan.

(7) Islam menggunakan kuasa dan undang-undang untuk menegakkan keadilan. Kerajaan menggunakan kuasa dan Akta

untuk menindas pihak yang lemah demi mengekalkan kuasa.

- (8) Semua pihak dalam UMNO terlibat dalam perhimpunan di Stadium TPCA dan sama-sama hendak menjayakan perhimpunan 1hb November tetapi yang kena ISA, tiga orang Team B sahaja.

Peruntukan \$48.5 juta ini jangan diluluskan selagi tidak jelas bahawa penahanan ke atas 106 orang yang kini tinggal 95 orang itu betul-betul kerana ketegangan kaum ataupun negara dalam keadaan tegang. Apa yang dikatakan ketegangan kaum atau suasana yang ditegangkan itu bukan angkara PAS dan bukan angkara orang-orang Islam yang hendak menjadikan Islam sebagai pegangannya tetapi ianya adalah angkara pertentangan golongan perkauman di antara parti-parti perkauman dalam Bahsan Nasional di satu pihak dan DAP di satu pihak lagi. Ia disertai pula oleh orang-orang perkauman yang tidak berparti

TMB P<nfrnui: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Bolehlah gulung.

Tuan Haji Nik Abdailah bin Haji Arshad: Satu minit sahaja lagi. Bolehlah.

. . . . yang berlaku di mana juga di dunia Islam. Akhirnya, saya hendak mengingatkan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa kita jangan terlalu mudah terpengaruh dengan janji-janji para pemimpin, memadamkan anggota-anggota Dewan ini dalam tahun 1960 mendengar jaminan Perdana Menteri masa itu iaitu Tunku Abdul Rahman yang mengatakan bahawa ISA adalah ditujukan kepada komunis sahaja. Dan ia tidak akan disalahgunakan. Ahli-ahli di Dewan ini ketika itu telah menerimanya tanpa memikirkan kehendak undang-undang yang diluluskan itu tidak mengenal sesiapa, baik komunis dan bukan komunis sehingga Ahli Dewan ini yang tidak

komunis seperti Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas turut tersangkut!

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya meminta supaya Kerajaan membebaskan baki orang tahanan semua sekali dan kalau tidak mesti bawa mereka ke mahkamah terbuka supaya dapat dibicara. Dan Akta ISA ini saya berharap benar-benar supaya dikaji semula. Sebab saya bimbang, Tuan Pengerusi, sebagai orang Islam saya nasihat pada diri saya, nasihat kepada orang yang berkenaan terutama sekali Timbalan Menteri Dalam Negeri, dia orang muda, orang beriman, Tuan Pengerusi, (*Ketawa*) kalau boleh dia cari

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat jangan menyentuh perkara macam itu. Kalau tujuan macam itu maknanya kata orang apa? Orang itu berimankah atau macatn mana? Tidak bolehlah macam itu. Saya tidak benarkan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ini diri saya.

Tuan Pengerusi: Ya, kalau itu kepada diri sendiri, simpan dalam hati jangan kata dalam Parlimen macam ini. Tidak elok.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Akhir sekali, Tuan Pengerusi, itulah saya mencadangkan supaya Akta ISA ini dikaji semula dan semua orang tahanan dibebaskan dengan serta-merta. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.45 ptg.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya ingin turut membahs di peringkat Jawatankuasa khususnya Kementerian Dalam Negeri dan suka menarik perhatian kepada muka surat 179, Butiran 030000, Program Kad Pengenalan.

Tuan Pengerusi, saya tertarik kepada satu maklumat yang terpampang di satu akhbar mengenai pemusnahan sejumlah tertentu kad pengenalan di mana kad pengenalan ini telah dibuat sejumlah 93,379 kad-kad pengenalan yang perlu dipungut tetapi setakat kenyataan itu belum terpungut, misalnya:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Kad Pengenalan</i>
Johor	17,633
Selangor	12,156
Perak	10,283
Kelantan	8,672

Dan kenyataan itu mengatakan kad-kad ini perlu dipungut dalam tempoh dua tahun dan kalau tidak dipungut mungkin akan dimusnahkan,

Pertamanya, saya ingin mengetahui apakah yang menyebabkan terjadi sedemikian rupa. Mungkinkah ada satu atau beberapa sindiket yang berusaha membuat kad-kad pengenalan dengan mencari keuntungan ataupun mendapat bayaran-bayaran tertentu daripada pihak-pihak yang ingin mendapatkan kad-kad pengenalan sehingga akhirnya mereka sendiri tidak tahu apakah kad pengenalan mereka sudah siap ataupun tidak. Walaupun mereka tidak disampaikan kad itu kerana mereka tidak menjelaskan bayaran-bayaran tertentu kepada sindiket-sindiket ini. Kerana saya tahu pernah satu ketika ada pihak-pihak atau sindiket-sindiket tertentu yang cuba mengambil kesempatan menanggung di air keruh kepada mereka yang ingin mendapat kad pengenalan ini dengan membuat bayaran secara tidak rasmi atau secara haram kepada mereka yang cuba mengusahakan untuk mendapatkan kad pengenalan melalui Jabatan Pendaftaran Negara.

Keduanya, Tuan Pengerusi, kemungkinan mereka ini memang berhasrat ataupun benar-benar

menghendaki untuk memiliki kad pengenalan terdiri daripada orang kampung yang di pendalaman, yang susah di segi perhubungan, maklumat dan sebagainya yang tidak tahu kad pengenalan mereka ini sudah siap. Jadi kalaulah andaian itu terjadi, saya suka mencadangkan barangkali setelah kad-kad pengenalan itu sudah siap tentunya hak itu patut diberi kepada rakyat yang di luar-luar bandar tadi dan perkara ini dapat kita selaraskan melalui hubungan Wakil Rakyat, Penghulu-penghulu, Ketua-ketua Kampung, Imam-imam ataupun pemimpin-pemimpin masyarakat di kawasan-kawasan tertentu. Tentunya di dalam kad pengenalan itu tercatat alamat mereka dan dapat kita membuat senarai mengikut apa yang saya cadangkan tadi melalui Wakil Rakyat ataupun Penghulu di kawasan tertentu mengikut alamat masing-masing dan maklumkan supaya kad pengenalan itu dipungut. Kalaulah kita musnahkan tanpa membuat kajian teliti ianya merugikan dari segi tenaga kerja, wang ringgit, masa yang telah digunakan. Yang lebih penting kita menolak hak ataupun dengan izin, deprived hak rakyat yang sepatutnya memiliki kad pengenalan selaku warganegara.

Yang ketiganya, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Pendaftaran Negara. Saya suka mengambil kesempatan selaku Wakil Rakyat kawasan Tanah Merah mengenai Pejabat Pendaftaran Negara di Tanah Merah di mana pejabat ini menumpang di satu bangunan lama kepunyaan Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim yang sudah agak uzur, dhaif, kotor dan kawasannya terbiar dan terpisah daripada perhubungan kerana pejabat itu merupakan Pejabat Jajahan Tanah Merah ataupun Pejabat Daerah Tanah Merah yang telah pun berpindah ke bangunan baru.

Jadi, apa yang saya perhatikan, keadaan ini tetap melahirkan suatu suasana yang kurang menarik, yang boleh memberi satu suasana perkhidmatan yang baik kerana kalau kita pergi ke Pejabat Pendaftaran Negara di Tanah Merah itu, keadaannya agak muram dan tidak menarik perhatian dan barangkali tidak sesuai dengan keadaan sebagai sebuah pejabat. Barangkali perkara ini boleh diberi perhatian untuk memperbaiki keadaan-keadaan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian seterusnya mengenai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli muka surat 184 Maksud bekalan 020000 seterusnya turun sehingga kepada 080000 iaitu Pelajaran, Perubatan dan Kesihatan, Ekonomi dan Binaan dan seterusnya Latihan. Di masa yang sama muka surat 185 Maksud Pembangunan Butiran 00100 dan 00300. Saya ingin menarik perhatian yang sama semacam saya berucap tahun lepas mengenai penempatan dan pengumpulan semula Orang Asli di kawasan saya di Sungai Rual, Jeli, Tanah Merah, Kelantan. Penempatan semula di Sungai Rual ini ada perkara yang perlu diberi perhatian.

Pertamanya, saya ingin menarik perhatian khususnya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang selalu memberi perhatian kepada kebajikan Orang Asli khususnya di kawasan saya sendiri iaitu mengenai jalan masuk keluar, di mana jalan ini telah kita berjanji dengan Orang-orang Asli ini dan penempatan semula Orang Asli di Sungai Rual sekarang ini agak cerdik. Nama-nama mereka pun sudah memakai nama-nama moden, tidak lagi nama pokok. Pendedahan dan pendidikan mereka agak lebih baik. Mereka terima kasih kepada Kerajaan dan mereka sudah pandai menuntut. Mereka mengatakan semasa saya pergi kempen pilihanraya tahun lepas 1986, mereka mengatakan

pada pilihanraya yang lepas, Ahli Dewan Negeri kawasan itu telah berjanji hendak membuat jalan. Sekarang, mereka kata, macam mana. Kita kata, insya Allah mudah-mudahan kita akan buat. Tetapi sehingga dua tahun masih pembinaan jalan keluar masuk itu belum dapat dilaksanakan. Tetapi saya tengok peruntukan memang ada, barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberi perhatian untuk pembinaan jalan itu.

Keduanya, dari segi rumah-rumah yang dibuat secara gotong-royong di mana keadaan rumah ini belum siap dan saya mengharapkan perhatian dibuat untuk menyiapkan rumah ini kerana mereka mengatakan, mereka perlu kepada rumah yang disediakan oleh Kerajaan dan mereka perah mengatakan satu ketika gotong-royong dibuat tetapi ada pihak yang bergotong-royong buat rumah dan pihak lain yang bergotong-royong membuat kerja-kerja lain.

Ketiganya, di dalam hal ini saya suka menarik perhatian dari segi ekonomi, pembangunan ekonomi kepada masyarakat Orang Asli itu sendiri dari segi apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar tadi, dari segi asimilasi dan satu lagi istilah perlu kita terapkan ataupun menggiinakan "akulturasi" di kalangan Orang-orang Asli ini untuk mempercepatkan mereka supaya lebih mudah untuk menerima keadaan di atas motif atau usaha kita untuk memperbaiki keadaan Orang Asli ini. Memanglah sebahagian tertentu Orang Asli itu merasakan mereka terpaksa balik ke hutan semula.

Saya teringat semasa saya pergi satu ketika masa kempen pilihanraya bila kita mengatakan tuan-tuan perlu menyokong Kerajaan Barisan Nasional untuk membaiki dan jangan menyokong PAS di Kelantan, ada yang mengatakan lebih baik menang

PAS kerana kalau menang PAS, kita boleh masuk ke dalam hutan balik. Memang PAS suka menggunakan perkara ini. Jadi, dari segi fenempatan ini dirancangan, kita dapati di bawah Program FELCRA yang ada kerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah membuat rancangan FELCRA dan saya cadangkan, kalau boleh, kita gabungkan bersama dengan masyarakat tempatan orang Melayu sendiri di dalam rancangan tanah diberi kepada Orang Asli. Adalah lebih baik barangkali peluang dicampuradukkan dengan orang Melayu, mereka lebih cepat proses asimilasi dan "akulturasi" ini lebih cepat dan mereka lebih mudah terdedah dan mengalami di masa yang sama.

Tuan Pengerusi, mengenai kegiatan sosial Orang-orang Asli ini saya rasa patut kita fikirkan supaya kegiatan sosial itu lebih membawa mereka kepada pendcdahan moden dari segi kegiatan-kegiatan. Sebagai contoh, kegiatan sukan. Saya tertarik kepada satu kenyataan akhbar yang menyatakan bahawa antara kegiatan sukan tahunan Orang Asli ini ialah pertandingan menyempit jarak jauh dan jarak dekat.

Sepatutnya memang kemahiran menyempit ini telah ada pada Orang Asli tetapi kalau kita gunakan kegiatan tahunan kepada kegiatan sukan yang lebih moden yang boleh melupakan mereka kepada soal itu dan boleh menarik pemikiran mereka kepada pertandingan-pertandingan moden, pertandingan menembak M16, pistol dan sebagainya, saya rasa lebih baik untuk membawa mereka melupa soal-soal ini. Walau bagaimanapun, barangkali ada pendapat menyatakan perlu kita, dengan izin, preserve pertandingan menyempit dan sebagainya, tetapi perkara itu memang boleh kita pertahankan. Sebab ada orang kata

ada di kalangan pegawai-pegawai Orang Asli itu lebih asli dari Orang Asli. Ini sama-sama kita fikirkanlah.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menarik perhatian kepada muka surat 178 mengenai Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, Butiran 020000 iaitu Program Pendaftaran dan Pengawasan.

Saya dapat melihat dan dapat merasai bahawa banyak di seluruh negara barangkali cawangan-cawangan daripada badan-badan politik dan yang saya tahu sangat ialah misalnya badan politik UMNO ataupun cawangan-cawangan belia kerana saya juga terlibat dengan kegiatan Gerakan Belia 4B Malaysia di mana terdapat cawangan-cawangan yang bermasalah dari segi pendaftaran. Ada cawangan-cawangan yang terbatal dengan sendirinya walaupun cawangan itu giat, cergas di sisi kegiatan bermesyuarat tahunan, cuba menghantar segala dokumen yang dikehendaki oleh Jabatan Pendaftaran, tetapi cawangan itu oleh sebab-sebab tertentu terbatal. Ada juga cawangan-cawangan yang sudah tidak cergas, tidak ada pengerusinya, pengerusi Gerakan Belia 4B di cawangan, ahli-ahli jawatankuasa tidak menjalankan kegiatan tetapi cawangan itu masih ada di dalam pendaftaran.

Perkara ini saya sedar, kerana saya pernah berbincang dengan pegawai-pegawai yang terlibat dengan pendaftaran pertubuhan ini. Antara masalahnya kerana penghantaran dokumen-dokumen dikehendaki. Di dalam penghantaran, tentu berlaku keciciran, kelewatan dan sebagainya dan perkara ini berbangkit dan merumitkan keadaan di cawangan itu sendiri.

Cadangan saya, Tuan Pengerusi, kalau boleh supaya satu cara difikirkan untuk mengadakan

pendaftaran secara selonggok. Misal kata UMNO Tanah Merah memiliki 114 cawangan dan 114 cawangan ini diberi tempoh tertentu atau boleh dibuat temujanji tertentu dengan Pejabat Pendaftaran di Kuala Terengganu untuk turun dan mendapat semua dokumen itu daripada cawangan-cawangan itu menghantar sendiri mengikut masa-masa tertentu.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Hashim bin Safin: Kalau begitu, Tuan Pengerusi, saya rasa cukuplah, kalau sentuh sedikit-sedikit pun rasa tidak habis. Terima kasih, semoga mendapat perhatian dan saya menyokong Belanjawan yang dibentangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Marang.

5.57ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Pengerusi, terima kasih. Pertamanya saya ingin menyentuh tentang Jabatan Pendaftaran Negara, muka surat 119.

Hari ini kita dapati bahawa Pejabat Pendaftaran Negara adalah diletak di Petaling Jaya, dekat Hotel Hilton, Petaling Jaya. Memanglah dari segi tempat itu standard dan bagus, tetapi apabila kita sebut sebagai pendaftaran, sudah barang tentulah ia melibatkan banyak pihak tertentu, orang kampung hendak tengok kad pengenalan dia, kewarganegaraan dia, kad mati hidup dan sebagainya. Ini menimbulkan masalah yang sukar. Petaling Jaya tahu-tahu sahajalah. M.P. sendiri pun kadang-kadang sesat. Sebulan berlatih cari jalan itu tidak jumpa dan tidak faham lagi hendak kata dari bandar mungkin bandar, tetapi betapa menggambarkan sukar dan susah untuk ke tempat itu.

Kerana tempat ini merupakan satu tempat yang sentiasa dihadiri oleh orang awam, saya kira sudah sampai masa dan ketikanya pejabat ini dipindah ke Kuala Lumpur. Kalau boleh biar dekat-dekat stesen keretapi ataupun stesen bas supaya lebih hampir dengan orang ramai, lebih senang dan juga tidak ambil masa yang banyak.

Saya menerima sungutan yang terlalu banyak. Begitu juga M.P.-M.P. yang lain dan pihak yang lain bahawa ia menimbulkan banyak kesukaran. Jadi pindahlah ke Kuala Lumpur walaupun agak memakan masa sedikit ataupun membelanja sedikit tetapi perkembangan hari ini meminta supaya pejabat ini dipindahkan segera.

Perkara yang kedua mengenai dengan Keselamatan pada halaman 169.

Mengenai dengan tahanan, inginlah saya mengesyorkan supaya orang-orang yang ditahan di bawah Akta ISA ini tidak perlulah kita gah tangan. Mereka bukan penjenayah, mereka juga bukan perompak, mereka juga bukan pencuri, cuma mereka salah mungkin tidak bersesuaian dari segi ideologi, jadi apalah gunanya. Saya dengar cerita dahulu Yang Berhonnat Anwar Ibrahim pun pernah kena gari, hendak tengok toknya pun kena gari. Jadi tidak patutlah orang-orang politik ini kena gari, mana tahu Yang Berhormat yang ada di sini pula kena gari. Jadi kita patut kaji balik supaya masalah maruah, status serta kedudukan ini dapat diperincikan balik, dikaji balik sesuai dengan pemikiran serta tahap kehidupan mereka. Mereka ini bukan penjenayah dan juga bukanlah pesalah yang besar-besar.

Perkara yang seterusnya mengenai dengan Lain-lain Gerakan, Butiran 050000 Pasukan Polis Hutan.

Mengenai dengan Pasukan Polis Hutan ini, kita melihat bahawa tugas dan tanggungjawab Pasukan Polis Hutan ialah untuk menjaga keamanan, sama jugalah dengan pihak Polis dan Tentera. Bezanya mereka ini duduk dalam hutan, menjaga dan mencari musuh-musuh dalam hutan, seterusnya mengamankan negara. Tetapi Polis Hutan hari ini bukan mereka duduk dalam hutan sebenarnya, mereka duduk dalam bandar-bandar. Macam di Terengganu mereka tidak duduk dalam hutan tetapi mereka duduk di Gong Badak, satu bandar yang baik dan besar. Saya tidak kisah tentang mereka duduk itu, tetapi kita nampak Pasukan Polis Hutan ini tidak mempunyai satu peranan yang jelas. Dahulu mungkin untuk cari komunis ataupun untuk clearkan kawasan hutan itu supaya menjadi aman dan senang kita mengeksploitasi hutan dan seumpamanya.

Jadi hari ini apalah salah kiranya peranan Pasukan Polis Hutan itu dapat dinilai semula, misal kata kita ada banyak batalion saya cuba dapatkan perangkaan tetapi tidak dapat saya kira ada 20 batalion lebih; satu batalion 750. Kalau boleh nilai semula misal kata kita memberikan satu tanggungjawab yang baru bagi membantu Pasukan Polis, Pasukan Pencegah Penyeludupan, Pasukan Keselamatan Kawasan (UKK). Satu batalion ini ada 750; 750 ini bukanlah semua boleh bertugas, ada yang sakit, ada yang letih, ada yang tua dan sebagainya. Jadi kita pilih dalam 100 orang satu batalion, kalau ada 20 batalion, kita ada 2,000 Polis Hutan yang terbaik di mana 2,000 orang ini kita boleh serapkan untuk bekerjasama membantu Polis mencegah jenayah, buat tangkapan dan seumpamanya ataupun yang 2,000 ini kita serap serta suruh mereka bekerja dengan Unit Pencegah Penyeludupan di sempadan-sempadan ataupun lain-lain pihak.

Kalaulah ada Polis Hutan dengan uniformnya, dengan senapangnya, dengan rifelnya, saya rasa orang lebih gerun, orang lebih takut. Kalau selama ini mungkin Polis yang berkawal itu hanya 2 orang, mungkin menjadi 3, kalau 4 mungkin menjadi 5. Jadi rasa takut, rasa bimbang, rasa penghormatan itu akan bertambah. Bukanlah saya katakan Polis itu orang tidak hormat, orang hormat, Polis pun bagus pada hari ini, salah satu yang terbaik dalam dunia. Tetapi apabila tambahkan lagi kekuatan dia menggambarkan kepada kita bahawa Pasukan ini lebih hebat dan lebih besar. Jadi kalau mereka duduk sahaja hendak tunggu komunis dalam hutan, komunis pun makin kurang. Jadi apa salahnya mereka itu diberi dan dinilai peranan semula.

Hari ini pun kalau kita bercakap tentang penyeludupan, masya Allah, memang banyak. Di Golok sahaja penyeludupan hari ini, kalau kita pergi pukul 5.00 pagi, pukul 6.00 pagi-Yang Berhormat Othman Abdul dia tahulah, ada lebih kurang 100-200 lori yang berada di Golok dan juga di kawasan sungai yang ada itu. Itu di Golok, belum lagi di Bukit Kayu Hitam ataupun di sempadan besar dan sebagainya. Hari ini

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Simunjan bangun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Untuk penjelasan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Pendek sahaja?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Pendek sahaja. Yang Berhormat ini Wakil Rakyat daripada Kerajaan, jadi tidakkah menjadi tanggungjawab Yang Berhormat bersama-sama

dengan Kementerian Dalam Negeri ini menjaga penyeludup-penyeludup ini? Jadi kalau sudah tahu macam itu, macam mana? (*Ketawa*)

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Macam mana saya hendak jaga saya seorang sahaja (*Ketawa*), takkanlah saya hendak jaga sepanjang Sungai Golok. Soalan pun bukan-bukan itu!

Jadi kita minta Polis Hutan ini diserapkan ke dalam Unit Penyeludupan tadi. Dengan cara itu kita akan dapat menyekat penyeludupan. Hari ini soal penyeludupan itu memang satu soal yang tidak habis-habis dibincangkan, merugikan banyak pihak. Apabila ayam, itik, kambing, lembu, babi, ikan, sayur dimasukkan secara berleluasa, pendapatan negara terjejas, pendapatan penduduk terjejas dan sebagainya. Bila kita tanya fasal apa, tidak ada kakitangan, tidak cukup kakitangan. Jadi apabila kita sudah tahu tentang soal ini maka perlulah Pasukan Polis Hutan itu diubah semula, diserapkan untuk jaga sungai, sempadan dan seumpamanya. Itu kedua.

Ketiganya, begitu juga kita boteh serapkan Pasukan Polis Hutan ini untuk mengawal pendatang haram. Pendatang haram hari ini dikawal oleh Pasukan Kawalan Petugas VII—"VII" itu jadi tujuh ataupun riangkasnya Vietnamese Illegal Immigrants. Jadi Pasukan Petugas VII ini ia bukanlah ada mempunyai senjata yang baik, yang lengkap dan sebagainya. Kadang-kadang ada banyak kuih, sebab itu Vietnam suka datang.

Jadi kalau mereka datang dengan sambutan senjata dan sebagainya, dengan kawalan askar yang lebih baik, saya rasa orang Vietnam pun tidak berapa berani. Ini berkehendakkan penilaian semula supaya Polis-polis itu dibuat untuk menjaga tepi-tepi pantai.

Tetapi bila saya bercakap begini mesti ada orang ketawa atau orang kata macam mana ini, sekarang kita suruh jaga hutan, takkanlah hendak suruh jaga pantai. Kalau begitu mudah sahaja, tukar perkataan Pasukan Polis Hutan itu jadi Pasukan Polis Hutan dan Pantai ataupun Pasukan Polis Hutan, Pantai dan Sempadan ataupun ubah apa sahajalah, asalkan mereka boleh kawal sempadan, boleh juga kawal hutan, boleh juga kawal laut.

Saya bukan dengki kepada Pasukan Polis Hutan ini tetapi dengan post-mortem, dengan ubah semula cara, mungkin mereka akan menjadi lebih bersedia, lebih lasak, lebih bersemangat dan lebih terdedah kepada latihan-latihan baru untuk meningkatkan keadaan mereka. Ertinya kita tidak mahu Pasukan Polis Hutan ini dalam keadaan yang agak statik, dalam keadaan yang biasa sahaja.

Kita mesti ingat bahawa penubuhan Pasukan Polis Hutan yang telah diideakan oleh King Ghaz dahulu adalah bertujuan menjaga hutan itu sendiri, keselamatannya, komunisnya tetapi kalau benda itu sudah tidak ada, kita perlulah baiki balik, pecah balik, ubah balik, kerana angka yang ada ini bukan angka yang sedikit-saya minta angka ini tetapi tidak dapat, tetapi saya kira lebih daripada 20 batalion yang ada dalam Malaysia ini sendiri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi: Minta gulung, jangan mulakan yang baru. (*Ketawa*)

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Jadi saya memuji pihak Kementerian Dalam Negeri kerana usaha-usaha yang telah dibuat selama ini tetapi saya melihat juga masalah-masalah yang saya bangkitkan tadi adalah bertujuan sebagai kritik-kritik vane

membina dan saya mengharapkan perkara pokok yang dapat kita ubahsuai dengan keupayaan Timbalan Menteri ataupun Menteri kita supaya keadaan yang statik itu turut berubah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

5.08ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Pengerusi, saya mohon merujuk kepada muka surat 176, Maksud Bekalan B.37 Jabatan Imigresen dan muka surat 179 Maksud Bekalan B.39 Jabatan Pendaftaran Negara.

Saya bangun untuk puji memuji kedua-dua Jabatan Kerajaan ini.

Tuan Pengerusi, pada suatu ketika orang ramai dan juga Wakil Rakyat hebat mengadu mengenai perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran. Surat-suratkhbar seperti *Malay Mail* dan *Star* pun melaporkan dengan seluas-luasnya. Katanya pejabat sempit, queue terlalu panjang, kelulusan lambat sangat dan sebagainya.

Akhir-akhir ini kurang dengar pengaduan. Situasi telah berubah dan menjadi bertambah baik. Langkah-langkah yang tertentu sudah diambil untuk memberi layanan yang lebih baik kepada orang ramai.

Setahu saya Ibu Pejabat Jabatan Imigresen sudah pindah dua kali dari tempat asalnya yang sempit dan tidak berhawa dingin ke satu bangunan besar berhawa dingin di Lembah Pantai dan baru-baru ini ke Pusat Bandar Damansara, satu kompleks pejabat yang moden. Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran pun sudah mendapat ruangan pejabat tambahan di bangunan lama itu. Dengan adanya

ruangan pejabat yang mencukupi, kedua-dua jabatan itu boleh menyediakan lebih kaunter perkhidmatan serta tempat duduk bagi kesenangan orang ramai. Lagi pula orang awam dilayan oleh lebih kakitangan Kerajaan. Masa menunggu dapat diminimalkan, Prosedur-prosedur pejabat dikemaskan dengan tujuan memendekkan masa memproses permohonan.

Tuan Pengerusi, sebagai manusia, kita patut adil. Kalau kakitangan Kerajaan tidak melayan orang ramai dengan memuaskan, kita tegur, tetapi apabila mereka menerima teguran kita dan memperbaiki kedudukannya, kita tidak patut diam, kita patut puji memuji. Oleh yang demikian, saya ingin mengambil peluang ini memberi kepujian setinggi-tingginya kepada Ketua-ketua Pengarah serta kakitangan Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran. Saya bukan sahaja menyokong peruntukan yang dipohonkan. Kalau kedudukan kewangan mengizinkan, saya berharap Kerajaan akan memberi lebih peruntukan tahun depan, insya Allah.

Sekarang saya mohon merujuk kepada Maksud Bekalan B.38-Pendaftaran Pertubuhan-pertubuhan.

Di sini saya ingin juga menyeru kepada Kerajaan supaya menyediakan peruntukan tambahan bagi Jabatan Pendaftaran Pertubuhan-pertubuhan.

Seperti kita sedia maklum, tanggungjawab Jabatan ini sudah diperluaskan. Bukan sahaja pertubuhan-pertubuhan sivik memohon pendaftaran, tetapi pertubuhan-pertubuhan politik pun wajib berbuat demikian. Bilangan parti-parti politik sudah bertambah kalau berbanding dengan masa dahulu. Kebanyakannya, terutama sekali yang menjadi parti-parti komponen dalam Barisan Nasional membuka bahagian dan cawangan di beberapa negeri yang tertentu.

UMNO misalnya mengadakan bahagian dan cawangan di semua kawasan pilihanraya di Semenanjung Malaysia. Di samping itu bilangan anggota parti pun kian meningkat. Hari ini UMNO merupakan parti yang paling besar dengan lebih satu juta anggota. Memandangkan bahawa tanggungjawab Pendaftar Pertubuhan-pertubuhan sudah bertambah berat, saya berharap Kementerian yang berkenaan akan menimbangkan peruntukan tambahan untuk membolehkan Jabatan ini menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih herkesan.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusi Jawatankuasa*)

Selain dari mendatar dan mengawasi pertubuhan-pertubuhan yang terdaftar di seluruh negara kita, Jabatan ini patut juga bermampu untuk memberi nasihat dan pertolongan terutama sekali kepada pertubuhan-pertubuhan yang menghadapi banyak kerumitan dan masalah.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Simunjan.

5.15 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit sahaja, mungkin panjang tetapi sedikit. Saya ingin merujuk kepada Maksud Bekaian B.41 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Penyelidikan dan Perancangan, muka surat 184.

Sebagaimana kita sedia maklum, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ialah Jabatan yang telah diwujudkan begitu lama di Semenanjung Malaysia untuk mengendalikan pentadbiran mengenai hal ehwal Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Apa yang ingin saya sentuh di sini ialah baru-baru ini telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk memasukkan juga hal ehwal orang-orang Penan di bawah jajaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli atau mungkin yang setaraf dengannya. Komen saya ialah, adakah rancangan seumpama ini bersesuaian untuk meninggikan taraf hidup orang-orang Penan di negeri Sarawak?

Saya mencadangkan supaya kajian yang terperinci perlu kita buat untuk menentukan sama ada cadangan atau rancangan ini sesuai atau tidak. Dari segi sosio ekonomi Orang Asli dan orang Penan adakah mereka itu sama? Dari segi sifat-sifat mereka, kerjakerja mereka, perwatakan mereka dan sebagainya, adakah mereka ini sama? Dari segi keperluan dan sebagainya, adakah mereka ini sama? Saya rasa ini perlu kita kaji sebelum apa-apa perancangan dibuat oleh kita. Sama ada perancangan ini boleh menyakinkan kita bahawa tahap sosio-ekonomi masa depan orang-orang Penan di negeri Sarawak akan terjamin atau tidak. Ini cadangan saya. Kita perlu mengkaji dengan teliti akan cadangan itu. Akan penyesuaian yang hendak kita buat antara orang-orang Asli di Semenanjung dengan orang-orang Penan dan lain-lain di negeri Sarawak, takut nanti kita tidak boleh mencapai penyesuaian yang berkesan hinggakan matlamat yang kita tuju tidak akan dapat kita capai.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya ingin sentuh ialah Maksud Bekatan B.40 Jabatan Penjara, Kepala 020000 Kekurangan Banduan-banduan dan sebagainya, muka surat 182.

Saya nampak bahawa di masa-masa lepas terdapat pengumuman-pengumuman dari pihak Kementerian Dalam Negeri bahawa tempat-tempat banduan di negara kita ini begitu sesak, tidak cukup tempat hinggakan susah hendak menjaga. Ini ialah

perkara yang begitu serius yang harus kita kaji dengan teliti akan cara-cara bagaimana kita dapat menyelesaikan masalah kesesakan di penjara-penjara ini. Kita tidak mahu lagi berlaku perkara-perkara seperti yang berlaku di Penjara Kuantan dan di Penjara Pudu bila mana orang awam ditangkap oleh banduan-banduan dan sebagainya, ataupun mereka ini oleh kerana sesak sangat mungkin membolehkan mereka mencari jalan untuk keluar daripada penjara.

Saya lihat di Kuching, penjaranya boleh tahan, tetapi kawasan untuk menahan orang-orang komunis dahulu yang sekarang sudah dibebaskan masih banyak kawasan yang boleh digunakan, saya rasa mungkin satu penyesuaian boleh dilakukan. Banduan-banduan daripada tempat-tempat yang sesak itu mungkin boleh dihantar ke tempat yang saya maksudkan, iaitu di Kuching supaya mungkin tempat yang tidak digunakan itu dapat digunakan.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang hendak saya sentuh ialah Maksud Bekalan 39, Jabatan Pendaftaran Negara, Butiran 030000 Kad Pengenalan, muka surat 179.

Bagi negeri-negeri yang masih mundur seperti Sabah dan Sarawak yang penduduk-penduduknya begitu terpencil, saya rasa kad pengenalan ini ialah satu masalah yang berterusan, yang walaupun pihak Kementerian ataupun Jabatan Pendaftaran Negara telah berusaha untuk memperbaikinya, namun keadaannya masih rumit.

Pegawai-pegawai daripada Jabatan Pendaftaran Negara ini ada juga melawat kawasan-kawasan kampung luar bandar untuk mencari orang-orang yang tidak dapat mendaftar untuk mendapatkan kad pengenalan tetapi kadangkala tidak semua mereka boleh berbuat demikian oleh kerana

masalah pengangkutan, hubungan, tidak ada vote, dengan izin, v-o-t-e untuk mereka.

Saya dahulu semasa melawat kawasan pilihanraya bawa pegawai-pegawai ini pergi. "Kita pergi jumpa orang", saya kata. "Yang Berhormat, minta maaf, tak ada vote ini, nanti tak dapat elaun". Ini masalahnya. Mereka ini pergi perlu elaun kerana pegawai Kerajaan ini kalau pergi ke luar mesti ada peruntukan elaun. Jadi, saya rasa perkara ini kalau kita hendak menentukan supaya pelaksanaan dasar, menentukan supaya orang-orang di Malaysia ini termasuk di Sabah dan Sarawak mendapat kad pengenalan dengan cepat, maka saya rasa ini harus kita libat dengan teliti supaya pendaftaran kad pengenalan bagi seluruh penduduk luar bandar negeri Sarawak, Sabah dan sebagainya dapat dijalankan dengan berkesan dan langkah-langkah berkesan harus kita ambil. Itu yang pertama.

Yang keduanya, kadang-kadang kelambatan, ketidaklicinan perjalanan telah menyebabkan budak-budak sekolah. Semasa saya di Kementerian dahulu timbul masalah hubungan di antara Kementerian Dalam Negeri dengan Kementerian Pelajaran masa itu—sekarang Kementerian Pendidikan. Kadang-kadang budak yang dalam keadaan kelim-kabut tak ada kad pengenalan, macam mana hendak menduduki peperiksaan. Akhirnya keputusan dibuat iaitu mereka boleh gunakan yang sementara. Jadi, sejauh mana dan selama mana mereka ini boleh berbuat demikian.

Saya rasa untuk menentukan supaya pendaftaran ini dapat dijalankan dengan lancar dan licin, saya rasa perancangan yang sesuai dan berkesan perlu dibuat oleh Jabatan Pendaftaran Negara supaya yang sepatutnya mendapat kad pengenalan akan dapat kad pengenalan.

Tuan Pengerusi, begitu jugalah dengan pendaftaran kelahiran, kematian, anak-anak angkat dan sebagainya, Butiran 020000.

Kadang-kadang maklumlah kawasan luar bandar ini yang begitu jauh terpencil, mereka tidak mempunyai kemudahan untuk mendaftarkan kelahiran dan melaporkan kematian. Ini menjejaskan akan logistik kita untuk membuat perancangan.

Sepatutnya mungkin penduduk negeri Sarawak sekarang 2 juta orang tetapi laporan mengatakan bahawa hanya 1.6 juta orang. Jadi, yang kita tidak ketahui ialah mereka yang tidak melapor. Yang sudah mati pun begitu ramai tetapi tidak dilaporkan hinggalah pendaftaran pengundi-pengundi pilihanraya pun saya tengok ramai yang sudah meninggal tetapi masih ada nama mereka di dalam daftar itu. Ayah saya pun masih jadi pengundi tetapi sudah meninggal tahun 1974. Ini perlu kita selidiki, buat cara-cara bagaimana kita boleh menentukan supaya laporan yang tepat, yang up-to-date, dengan izin, dapat kita lakukan.

Butiran 040000 Kewarganegaraan juga saya ingin menyentuh.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Gopeng menyentuh mengatakan bahawa kita ini ramai sangat yang memohon untuk menjadi warganegara Malaysia menunggu begitu lama.

Saya rasa yang menunggu ini mungkin kesulitan tetapi kita yang bertanggungjawab untuk mendaftar kewarganegaraan itu juga mesti berjaga-jaga kerana ini memberi kesan. Kalau kita daftar kewarganegaraan itu dengan sewenang-wenangnya mungkin silap, ini, dengan izin, will create precedents dan nanti masalah-masalah lain timbul di masa akan datang. Jadi, saya menyanjung tinggi akan langkah yang diambil oleh pihak Kementerian

Dalam Negeri atas langkah yang teratur dan yang baik ini. Walaupun ada orang kata lambat, tetapi saya rasa ini langkah yang baik, kerana kita berjaga-jaga, sebab bukan senang untuk mengambil orang yang kita fikir tak sepatutnya menjadi warganegara diambil jadi warganegara dengan sewenang-wenangnya kerana negara kita, kita mesti jaga. Hak rakyat di negara ini juga mesti kita jaga, takut nanti hak mereka itu terjejas akibat daripada kita mengambil orang lain yang tidak berhak menjadi warganegara negara ini.

Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan 36, Polis Di-Raja Malaysia, muka surat 172 di bawah Butiran 010000, Program Latihan. Saya ini kadang-kadang terpaksa bercakap untuk orang Sarawak dan Sabah, sebab saya wakil dari Simunjan, Sarawak.

Ada rungutan mengatakan bahawa pengambilan pelatih-pelatih dalam Pasukan Polis belum lagi seimbang. Jadi, saya minta kalau 100 dari Semenanjung, minta mungkin 20 dari Sarawak, 20 dari Sabah. Kadang-kadang ada yang mengatakan bahawa 100 dari Semenanjung, satu dari Sarawak, satu dari Sabah mungkin. Itu perlu penyelidikan dari Kementerian. Kalau mereka sudah buat betul, seimbang, Alhamdulillah; kaiau belum kita mintalah supaya perseimbangan dalam pengambilan pelatih-pelatih ini dapat dilakukan supaya rungutan-rungutan seumpama yang telah saya sebutkan tadi tidak akan berulang lagi.

Tuan Pengerusi, menyentuh Program 030000 Pencegahan Jenayah. Jenayah ini berlaku bukan semata-mata kerana orang yang hendak melakukan ini yang melakukannya. Jenayah berlaku dengan berkesan saya rasa adalah disebabkan ada orang dalam kumpulan itu sendiri yang sepatutnya mencegah jenayah juga melakukan jenayah ataupun terlibat bersabit dalam melakukan jenayah.

Orang dalam yang saya maksudkan. Jadi, saya rasa ini perlu kita ambil kira.

Anti dadah, misal kata. Mungkin ada juga yang dalam Pasukan Polis sendiri yang berminat dengan dadah, mana kita tahu. Ini menyebabkan keberkesanan aktiviti penyalahgunaan dadah, penyetudupan dadah oleh orang kerana ada yang berminat dalam pasukan yang sepatutnya mencegah penyalahgunaan dan penyeludupan dadah melakukan perkara seumpama ini.

Begitu juga dalam pasukan lain seperti askar misal kata, yang diseludup daripada negeri-negeri jiran dan sebagainya. Jadi, ini mungkin ada bersabit dengan keberkesanan berlakunya aktiviti yang tidak kita sukai seperti jenayah, penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Kita mesti bersihkan pasukan itu sendiri yang sepatutnya membanteras penyalahgunaan dadah, misal kata supaya perjalanan pelaksanaan undang-undang itu akan dapat kita laksanakan.

Itu sahaja, saya tak mahulah hendak menyentuh perkara-perkara yang lebih sensitif di hari ini. Saya percaya bahawa apa yang saya sarankan akan membawa kebaikan kepada seluruh negara. Kalau hendak attack Datuk Taib sahaja pun tak baik jugalah, attack sedikit-sedikit bolehlah, attack banyak-banyak sangat nanti berkelahi sepanjang masa pun tak guna.

Tuan Pengerusi, itu sahaja daripada saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

5.30 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat

174, Maksud Pembangunan P.36, Butiran 00200 Balai-balai dan Pondok Polis.

Apa yang saya nampak anggaran bagi tahun 1988 ini meningkat daripada anggaran bagi tahun 1987.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada keadaan bertambahnya kampung-kampung baru dan kawasan-kawasan perumahan di seluruh negara kita ini maka sudah tentu keselamatan penduduk di kawasan-kawasan itu perlu diatasi dan perlu diberi jaminan supaya keadaan kampung-kampung mereka dan kawasan-kawasan mereka dapat diselamatkan daripada penjenayah-penjenayah ataupun pencuri-pencuri dan sebagainya.

Nampaknya bahawa di negara kita ini banyak lagi kawasan-kawasan yang kita kenalpasti pondok-pondok polis patut ditambahkan. Contohnya di kawasan saya, kawasan Rantau Panjang apa yang telah saya kenalpasti patut ditambahkan pondok polis di dua kawasan atau dua tempat. Memandangkan kawasan-kawasan ini pada sebelumnya ialah kawasan yang tidak ada penduduk manakala perkampungan dibuka dan jalan raya-jalan raya pun dapat diadakan maka penduduknya bertambah daripada masa ke semasa. Oleh sebab itu keselamatan mereka perlu diawasi.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 176, Maksud Bekalan B.37, Butiran 040000 Visa, Pas dan Urusetia.

Apa yang saya ingin kemukakan ialah mengenai Border Pass (Pas Sempadan).

Saya dapat maklumat daripada penduduk terutama sekali kawasan Rantau Panjang yang melaporkan kepada saya bahawa Border Pass ini memakan masa tiga hari. Setelah mereka yang mahu pergi ke sebelah Thailand mengisi borang, tiga hari daripada diisi borang itu barulah

Border Pass diluluskan. Ini juga menjadi masalah terutama sekali kepada pelawat-pelawat daripada negara-negara jiran yang hendak ke Thailand, manakala mereka sampai ke Rantau Panjang, mereka terpaksa menunggu masa tiga hari, barulah mereka dapat masuk ke Thailand. Maka untuk meringkaskan masa mereka meninggalkan dan mereka terus menggunakan pengkalan-pengkalan haram, ini juga menjadi masalah terutama sekali kemungkinan masalah kepada diri mereka sendiri. Kalau mereka pergi dengan cara haram dan balik dengan cara haram kemungkinan mereka dapat ditangkap di pengkalan-pengkalan haram disebabkan Border Pass yang mereka hendak gunakan itu terpaksa memakan masa selama tiga hari.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Pembangunan P.37, muka surat 176, Butiran 00100 iaitu Pejabat-pejabat dan Rumah Kediaman bagi Imigresen.

Sebagai makluman Rantau Panjang adalah di tepi sempadan Malaysia dengan Thailand maka pegawai Imigresen di Rantau Panjang memang bertambah ramainya dari masa ke semasa. Apa yang saya nampak dan perkara ini telah menjadi masalah kepada pegawai-pegawai Imigresen di Rantau Panjang iaitu pejabat-pejabat bagi pegawai-pegawai Imigresen tidak begitu sangat sesuai lagi dan juga rumah-rumah kediaman mereka pun boleh dikatakan tidak begitu memuaskan sehingga ramai pegawai-pegawai Imigresen terpaksa menyewa rumah di luar-luar daripada kawasannya.

Yang saya hendak menitikberatkan di sini adalah kompleks Imigresen di Rantau Panjang tidak begitu lagi sesuai bangunannya. Walaupun kita tidak berkehendakkan kepada bangunan yang sesuai, kita berkehendakkan kepada prestasi tugas-tugas mereka tetapi

sebagaimana maklum manakala keadaan mereka tidak begitu selcsa, pejabatnya sempit, alat-alat peralatannya bertambah banyak, pegawai-pegawainya banyak. Ini kemungkinan boleh menjejaskan urusan mereka dan tugas mereka dan masa ke semasa.

Oleh hal yang demikian, saya nampak bahawa anggaran 1988 mi bertambah daripada tahun yang sudah maka sewajarnya peruntukan untuk kompleks Imigresen di Rantau Panjang perlulah dapat dipertimbangkan oleh Menteri yang berkenaan. Dengan ini kemungkinan besar masalah-masalah Imigresen di Rantau Panjang dapat diatasi dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada muka surat 182, Maksud Bekalan B.40, Butiran 1)20000 Kurungan Banduan-banduan.

Apa yang kita dengar di akhbar-akhbar dan maklumat-maklumat yang kita dapat bahawa pernah berlaku banduan-banduan kita ini terlepas daripada tahanan dan terlepas daripada kawalan. Im kemungkinan disebabkan kawalan tidak begitu rapi ataupun keadaan yang tidak begitu dapat dikawal dengan baik maka timbullah masalah iaitu banduan-banduan yang keluar daripada kawalan dan tahanan yang menyebabkan pegawai-pegawai polis terpaksa mengadakan sekatan jalanraya untuk menangkap kembuh banduan-banduan yang tersebut.

Oleh hal yang demikian, oleh kerana nampaknya anggaran 1988 bertambah daripada tahun sudah maka wajar benarlah supaya kurungan mereka dikawal dengan baik supaya prestasi kedudukan kawalan mereka dapat dijamin dengan baik supaya tidak timbul lagi masalah banduan yang keluar daripada tahanan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.41, Butiran 020000 Pelajaran di bawah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Kita nampak Alhamdulillah pihak Kerajaan kita telah banyak mengeluarkan peruntukan dan telah banyak mengadakan berbagai-bagai pembangunan untuk kemudahan atau mengubah sikap Orang-orang Asli ini. Kita dapat lihat bahawa keadaan mereka telah berubah, ada mereka yang telah lulus pelajaran yang tinggi dan kemungkinan ada di antara mereka telah menjadi pegawai Kerajaan dan sebagainya. Apa yang ingin saya sentuh di sini supaya pengajaran Islam, walaupun kita tidak memaksa mereka supaya memeluk agama Islam tetapi saya rasa sesuai dengan penerapan nilai-nilai Islam, pengajaran Islam patut diberi, didedahkan kepada mereka. Manakala mereka dapat menerima pendidikan yang baik, kemungkinan mereka ingin atau bersetuju untuk memeluk agama Islam supaya kita dapat mengubah keadaan mereka yang tidak begitu baik kepada yang lebih baik, moga-moga dapatlah kita memberi pertolongan yang lebih baik kepada mereka itu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila gulungkan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong anggaran perbelanjaan bagi Kementerian Dalam Negeri bagi tahun 1988. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Lagi dua Ahli sahaja—Ahli dari Lembah Pantai diikuti oleh Ahli dari Seputeh, selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

5.41 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin juga mengambil bahagian berhubung dengan Kementerian Dalam Negeri bagi membahaskan Belanjawan tahun ini iaitu muka surat 174, P.36, Butiran (Projek) 00200 Balai-balai dan Pondok-pondok Polis peruntukan \$28.7 juta dibandingkan dengan tahun dahulu \$20 juta sahaja.

Tuan Pengerusi, menyebut berkenaan dengan Balai-Balai Polis ini, sebagaimana Yang Berhormat yang lain tadi ada menyentuh dalam soal ini berhubung dengan kemajuan dan bertambahnya penduduk-penduduk dalam negara kita ini, di kampung dan juga di pekan. Di sini saya hendak menyarankan sedikit berhubung dengan kedudukan Balai-balai Polis yang ada sekarang ini. Saya rasa boleh dikatakan banyak Balai-balai Polis di datam negara kita ini telah uzur, keadaannya dengan dinding papan yang disapu cat, kadangkala saya lihat kalau ditolak dindingnya itu akan pecah, pada hal polis ini adalah menjaga keamanan di negara ini.

Dalam keadaan ini kita telah pun dengar banyak berlaku masalah-masalah jenayah yang telah ditangkap dapat lari dan keadaan polis kena tembak oleh penjenayah-penjenayah. Saya rasa dengan keadaan Pondok-pondok Polis yang ada pada masa ini patut diperbaiki dengan peruntukan yang ada ini sedikit demi sedikit. Di samping itu juga kita melihat keadaan keluarga mereka, berek-berek polis di kawasan-kawasan itu kita lihat tidak boleh dipakai lagi dengan keadaan pembangunan negara kita yang ada pada masa ini. Oleh itu, saya raerayu pada hari ini supaya pihak Kementerian Dalam Negeri dapat menyelidik soal ini bagi menjaga keselamatan polis-polis dan juga Balai-balai Polis yang ada sekarang ini.

Sekarang saya beralih kepada muka surat 175, B.36 berhubung dengan Butiran 03100 Pagar Keselamatan Sempadan.

Dalam soal jawab tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri telah pun menerangkan serba ringkas berhubung dengan pagar keselamatan datam negara kita ini, terutamanya di sempadan Siam dan Malaysia yang mana telah pun diterangkan dengan pagar yang tegap. Di sini saya hendak mengambil kesempatan berhubung bagaimana keadaan keselamatan kita iaitu negara jiran kita Singapura. Izinkan saya menyentuh sedikit.

Semalam kalau tidak silap saya terbaca dalam surat khabar iaitu ada Ahli Dewan Undangan Negeri Johor telah pun membangkitkan perkara ini iaitu berhubung dengan kesetamatan. Kerana sekarang ini melihatkan keadaan sungguhpun jiran kita ini baik tetapi kita mesti berwaspada. Ada disebutkan rombongan kononnya untuk menyelidik ataupun untuk melawat Gunung Ledang tetapi mereka ini kata sesat jalan-jalan, selepas itu barulah mengatakan hilang dan dapat dicari balik.

Anggapan Ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri itu termasuk diakal saya sendiri, kemungkinan mereka itu ada tujuan sebaliknya. Oleh itu, saya tidak perlulah hendak menerangkan dengan keselamatan ini supaya Kementerian sendiri dapat menyelidik dalam soal ini, kerana kita tidak mahu perkara-perkara seumpama ini berlaku dan kita mesti siapkan payung sebelum hujan.

Dalam soal itu juga disebut berhubung dengan sempadan antara Singapura dan Malaysia.

Kita sendiri lihat, kalau kita naik kapal terbang, kita lihat peta Singapura itu tidak macam peta yang asal, oleh kerana pulau itu telah

pun ditimbus untuk dibesarkan Pulau Singapura itu. Oleh itu, di sini saya menyarankan supaya pihak Kerajaan kita juga saya takut timbus punya timbus esok tanah kepunyaan kita sendri ditimbus untuk dijadikan hak Singapura sendiri. Dalam keadaan ini kita curiga dengan keadaan yang ada sekarang ini yang dibuat oleh Kerajaan negara jiran kita yang mana jikalau sekiranya ditambah dan sebagainya, oleh kerana negeri jiran itu yang dahulunya duduk di dalam negara kita Malaysia supaya dapat berunding agar sempadan ini ataupun tanah yang ditambah ini tidak akan masuk ke dalam kawasan Malaysia sendiri.

Tuan Pengerusi, dalam soal kewarganegaraan, muka surat 179, P.39, Butiran 04000.

Di sini saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri ataupun sedar ataupun dapat dikesan, saya dapat banyak maklumat daripada kawan-kawan iaitu banyak penduduk-penduduk sempadan Thailand/Malaysia ada orang Malaysia sendiri yang menjadi warganegara dua buah negeri iaitu warganegara Malaysia dan warganegara Thailand dan sebaliknya pula orang Thailand juga ada yang menjadi warganegara Malaysia ini sendiri.

Di sini juga sepatutnya kita berwaspada dalam soal ini kerana jenayah-jenayah sekarang ini berlaku, kita takut orang-orang seumpama ini membuat jenayah di dalatn negara ini lepas itu dia lari di sana. Kita tidak dapat tangkap dan orang sana pun tidak boleh tangkap kerana mereka warganegara sama ada warganegara di sini dan warganegara di sebelah sana. Oleh itu, dalam masalah ini kita mengharapkan pihak Kerajaan dapat mengawasi masalah-masalah seumpama ini. Kita tidak mahu menjadikan masalah ini rumit di masa yang akan datang.

Tentang soal pas ataupun visa yang hendak masuk ke sempadan, saya pun ticlak tahu bagaimana keadaan sekarang, saya sekarang rasa sudah lama dalam setahun dua dahulu saya telah pergi ke Rantau Panjang terus ke Golok, apabila kita hendak masuk ke sana kita terpaksa membayar, kalau tidak silap saya \$2 tanpa resit. Tetapi orang-orang di sebelah sana masuk ke dalam negara kita. Kita tidak dikenakan bayaran apa-apa, mereka bebas begitu.

Saya rasa kalau mereka juga mengambil duit daripada rakyat negara kita ini, apa salahnya kita juga mengambil wang daripada mereka yang masuk ke dalam negara kita. Tetapi tidak tahulah saya dalam soal ini apa jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi pada pandangan saya tidak adil, kita masuk kena bayar tetapi orang-orangnya masuk dalam negara kita ini bebas begitu sahaja.

Dalam soal yang lain berhubung dengan muka surat 183, P.40, Butiran 00200—Bangunan Penjara.

Akhir-akhir ini kita dengar begitu banyak banduan yang lepas lari dan di kalangan itu juga ada tangkapan dan juga penahanan yang dibuat oleh banduan-banduan di dalam penjara ini. Penjara-penjara yang ada pada hari ini juga saya lihat tidak sesuai lagi, keadaannya lama dalam negeri-negeri kita ini tetapi di Pudu ini saya rasa boleh tahan lagi kerana separuh banduan telah pun dipindahkan ke Kajang. Tetapi di negeri-negeri yang lain bangunan penjara masih uzur dan dengan keadaan ini juga kita ragu banduan ini akan dapat lari selepas tneraka ini dimasukkan, kerana dengan keadaan keuzuran penjara-penjara yang ada pada hari ini.

Di samping itu juga, dalam masa penjara-penjara ini saya ingin mencarakan, saya dapat tahu juga

sungguhpun Butiran ada dalam ini, saya lupa, berhubung dengan pegawai-pegawai sama ada orang yang membawa makanan masuk dalam sana sepatutnya juga dapat dikawal. Apa yang saya dapat tahu daripada penagih-penagih dadah yang telah masuk dan keluar, mereka mengatakan lebih senang mendapat dadah di dalam penjara daripada luar penjara. Oleh itu, saya mengharapkan perkara ini dapat penyelidikan yang lebih kerana mereka itu benar-benar mengatakan hendak masuk sekalipun boleh lagi, senang dapat benda-benda itu. Kita tidak tahu cara apakah benda-benda ini boleh masuk, kita tidak mahu harapkan pagar, pagar makan padi. Saya tidak menuduh pegawai-pegawai tetapi kita harus berwaspada sama ada orang yang membawa roti ataupun membawa baju dobi ataupun membawa sayur-sayuran, mereka ini sepatutnya diselidiki bakul-bakul ataupun benda-benda sama ada kemungkinan masuk dalam kobis dan ada orang di dalam juga yang main kayu tiga.

Itulah harapan saya bagi membincangkan berhubung dengan Belanjawan bagi Kementerian Dalam Negeri. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran); Yang akhir, Yang Berhormat dari Seputeh.

5.52 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020000, muka surat 169.

Tuan Pengerusi, oleh kerana surat khabar merupakan media massa yang utama di kalangan rakyat yang memberi peluang kepada mereka untuk bersuara, memandangkan radio dan televisyen negara ini hanya menyampaikan informasi Kerajaan dan pendapat-pendapat orang ramai yang

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, minta maaf, muka surat berapa?

Tuan Liew Ah Kim: Muka surat 169 di bawah Program Kawalan Penerbitan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Pengerusi, oleh kerana surat khabar merupakan media massa yang utama di kalangan rakyat yang memberi peluang kepada mereka untuk bersuara, memandangkan radio dan televisyen negara ini hanya menyampaikan informasi Kerajaan dan pendapat-pendapat orang ramai yang telah ditapis, maka pembatalan permit penerbitan ke atas 3 buah akhbar tempatan boleh ditafsirkan sebagai pengharaman kebebasan bersuara. Setakat ini Menteri Dalam Negeri tidak memberitahu rakyat sekalian sebab-sebab dan laporan manakah yang telah menyentuh syarat-syarat ke 6.

Syarat ke 6 berbunyi:

"Bahawa akhbar itu hendaklah tidak menerbitkan apa-apa bahan fotograf, artikel atau perkara lain yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan berhubungan dengan negara atau Kerajaan asing atau yang mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara."

Syarat yang ke 7 berbunyi:

"Akhbar itu hendaklah tidak dengan apa-apa cara salah nyata faktor-faktor berhubungan dengan kejadian-kejadian ketenteraman awam dan keselamatan yang berlaku di Malaysia."

Ini adalah kedua-dua syarat yang tercatat dalam permit penerbitan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Berikutan dengan pembatalan permit tersebut, beribu rakyat telah terlibat kerana kehilangan rezeki. Kementerian Dalam Negeri tidak menunjukkan sikap bertolak ansur dan berperikemanusiaan sedangkan Kerajaan sering menjamin akan menyelesaikan masalah pengangguran negara kita. Jika rakyat kehilangan tempat untuk melepaskan kegeraman dan perasaan tidak puas hati, maka apakah bezanya sebuah negara berdemokrasi dengan regim kediktatoran, tambahan pula syarat-syarat permit penerbitan tidak menyebut bahawa Menteri Dalam Negeri berkuasa menarik balik permit tersebut dalam tempoh satu hari tanpa memberi peluang penjelasan kepada pihak pemegang permit. Dengan ini saya menyeru Kementerian Dalam Negeri menarik balik pembatalan berkenaan dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga merujuk kepada Butiran 040000, P.37 Jabatan Imigresen, muka surat 176 tentang perkara Visa, Pas dan Urusetia di bawah Jabatan Imigresen. Di sini saya ingin mengesyorkan Jabatan Imigresen supaya menimbang dan mencari jalan untuk melonggarkan sedikit syarat-syarat visa untuk melawat ke Republik Rakyat China bagi peniaga-peniaga tempatan yang mana tujuan pemergian mereka ke sana ialah untuk maksud perniagaan. Saya bangkitkan ini kerana pada masa sekarang syarat-syarat pengeluaran visa sangat ketat dan polisi ini menjadi halangan kepada mereka untuk ke sana. Jika dibandingkan dengan negara-negara lain, visa ke Negeri China adalah ketat sekali. Kalau Kerajaan ikhlas dan berhasrat untuk meningkatkan perhubungan perdagangan antara peniaga-peniaga tempatan dengan

peniaga-peniaga di Negeri China, maka jalan yang mudah ialah melonggarkan dasar-dasar pemergian mereka ke sana dan dengan ini perhubungan perdagangan dapat ditingkatkan.

Tuan Pengerusi, walaupun saya memahami dasar-dasar ketat ini dikenakan bagi kepentingan politik dan keselamatan negara, tetapi dengan kelonggaran syarat-syarat ini tidak bererti kepentingan negara akan terjejas kerana ketulenan permohonan dan maksud pemergian masih dengan mudah diketahui oleh Kerajaan. Apa yang saya maksudkan ialah proses yang dilalui oleh pemohon-pemohon daripada kalangan perniagaan haruslah disingkatkan lagi. Oleh itu saya mencadangkan supaya peraturan ini dikaji semula dan mejadikannya lebih mudah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

6.00 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Daio' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi bangun untuk memberi cadangan-cadangan dan teguran-teguran kepada Kementerian Dalam Negeri.

Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak membangkitkan apa-apa perkara, mungkin juga mereka merasa puas hati dengan prestasi Kementerian.

Setelah saya meneliti, Tuan Pengerusi, bahawa banyak perkara-perkara yang telah dibangkitkan adalah bertindih-tindih, overlapping, dengan izin, dengan sebab itu saya

tidak inginlah untuk menjawab tiap-tiap seorang kerana mungkin nanti jawapan saya pula kelak akan overlapping.

Ingin saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian dalam Negeri pada tahun 1988 akan diperuntukkan sebanyak \$1,668,703,300 sahaja. Daripada jumlah itu sebanyak \$1,333,240,500 atau 79.8% adalah bagi maksud Perbelanjaan Mengurus; dan sebanyak \$335,462,800 atau 20.2% adalah untuk maksud Perbelanjaan Pembangunan.

Bagi peruntukan berjumlah \$1,333,240,500 yang telah saya sebutkan tadi untuk Perbelanjaan Mengurus adalah merupakan tambahan sebanyak \$102.5 juta atau 8.3% lebih daripada yang diluluskan bagi tahun 1987.

Untuk maksud Perbelanjaan Pembangunan, Kementerian Dalam Negeri telah diperuntukkan sebanyak \$335.46 juta, atau kelebihan \$40.2 juta atau pertambahan 13.5%. Peruntukan secara langsung ini adalah untuk projek-projek pembangunan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan-jabatan di bawahnya.

Tuan Pengerusi, sebelum saya terlupa, eloklah saya menjawab sedikit sebanyak apa yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat wakil dari Seputeh. Saya pun tidak faham mengapa wakil Seputeh itu menganggap bahawa penerbitan dalam negara ini telah mati, kebebasan persuratkhabaran dalam negara ini sudah mati dengan melihat bahawa daripada 3,200 penerbitan dalam negara ini, tiga penerbitan sahaja kita haramkan, maka penerbitan suratkhbar sudah mati. Di manakah keadilan—daripada 3,200 itu 3 kita haramkan, maka matikah persuratkhabaran dalam negara ini?

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat, ada Ahli yang bangun.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sila.

Tuan Sim Kwang Yang: Walaupun tiga suratkhobar diberhentikan penerbitannya, tetapi semua wartawan-wartawan telah melihat apa yang berlaku kepada mereka yang menegur Kerajaan. Kalau mereka menulis cerita-cerita dengan terus terang, mereka mungkin pula akan ditutup pintu rezekinya dengan pelaburan berjumlah berjuta-juta ringgit pun sudah hilang. Ini kerana satu, dengan izin, regime of terror dan sudah meliputi seluruh negara kita supaya wartawan-wartawan tidak mahu melaporkan apa yang sensitif lagi, supaya Kerajaan tidak marah dengan mereka ini. Dengan ini demokrasi memang sudah mati, kebebasan untuk berucap sudah mati. Itu sahaja.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih saya ucapkan, Tuan Pengerusi. Saya masih lagi, dengan izin, sober, masih lagi tenang, masih lagi berwaspada dalam menjalankan tugas-tugas saya. Mungkin kalau saya berlagak macam wakil dari Kuching, keadaan lebih lagi panas. Jadi saya tak bercakap tentang apa sebab suratkhobar itu diharamkan, tetapi saya hanya hendak mengatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adakah patut dikatakan daripada penerbitan 3,200 dalam negara ini, tiga yang kita haramkan, persuratkhbaran sudah mati. Saya kata itu sahaja, tetapi apa sebab ianya diharamkan, itu soal lain. Tetapi adakah adil perkara ini kita katakan sedemikian?

Begitu juga visa ke negeri China. Dalam masa 10 tahun ini, kebenaran yang telah dibuat, peningkatan rakyat

negara ini pergi ke negeri China berlipat ganda tetapi kebaikan yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada rakyat tak nampak, tidak ada disebut langsung. Hanya kesusahan, kepahitan, perkara yang tidak diberi sahaja dijerit-jeritkan. Adakah ini dinamakan keadilan? Kita akan cuba seberapa daya untuk menolong tetapi lihatlah pemberian dan pertolongan yang telah kita pertingkatkan dari masa ke semasa.

Tuan Liew Ah Kim: (*Bangun*)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sila.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Pengerusi, sebagai seorang Wakil Rakyat untuk kawasan Seputeh, saya sentiasa mendengar dan menerima aduan-aduan daripada penduduk-penduduk atau peniaga-peniaga yang tinggal di kawasan saya yang mengatakan mereka menghadapi kesusahan sekali untuk mendapatkan visa untuk melawat negeri China. Itulah soalan saya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih saya ucapkan, tetapi sebagai Wakil Rakyat juga dia mestilah faham tentang kebaikan yang telah diberikan oleh Kerajaan dan tolonglah beritahu rakyat. Barulah menjadi Wakil Rakyat yang baik.

Tuan Pengerusi, saya minta maaf kepada banyak sahabat saya yang telah membangkitkan banyak perkara tetapi saya tertarik hati dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat wakil rakyat Bukit Bintang dan juga Pengkalan Chepa.

Daripada ucapan-ucapan mereka itu seolah-olah kezaliman, hari hitam demokrasi sudah mati dan hancur di negara ini tetapi saya lihat pihak yang memerintah bercakap dengan tenang tetapi pihak sebelah sana bercakap dengan bersemangat, berapi-api.

Katau sekiranya demokrasi sudah hancur, takkan boleh berani berapi-api, cukup panas berucap selama perkara Akta ini dijalankan. Kalau demokrasi sudah mati, tidak ada siapa yang boleh bercakap.

Jadi, inginlah saya jelaskan di sini, Tuan Pengerusi, Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah satu undang-undang yang wujud secara sah di bawah Perlembagaan dan ianya diperbuat di bawah kuasa Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan. Akta Keselamatan Dalam Negeri wujud untuk memelihara keselamatan negara. Akta ini wujud bagi kepentingan keselamatan dan bukan bagi kepentingan politik mana-mana pihak. Hanya mereka yang bertindak dengan cara yang memudaratkan keselamatan, pemeliharaan perkhidmatan-perkhidmatan perlu atau kehidupan ekonomi negara boleh ditahan di bawah Akta ini.

Tujuan tahanan ialah untuk mencegah mereka daripada terus bertindak demikian. Tahanan diberhentikan dan mereka dibebaskan apabila mereka didapati tidak lagi memudaratkan keselamatan. Saya tegaskan sekali lagi di sini tiada pertimbangan politik dalam perkara ini dan yang dipertimbangkan ialah keselamatan negara sahaja.

Saya juga ingin menegaskan Akta Keselamatan Dalam Negeri bukanlah bertujuan untuk mengatasi ancaman komunis sahaja tetapi sebarang ancaman kepada keselamatan, pemeliharaan perkhidmatan-perkhidmatan perlu atau kehidupan ekonomi negara. Sejak Akta ini diperkuatkuasakan bukan sahaja penganas dan ancaman komunis yang telah dikenakan perintah tahanan tetapi juga anasir-anasir lain yang Menteri berpuas hati yakni telah bertindak mengancam keselamatan negara. Tidak benar dakwaan atau anggapan bahawa seseorang yang ditahan di bawah Akta ini boleh

ditahan selama apa juga tempoh sesuka hati dan sewenang pihak berkuasa dan bahawa orang yang ditahan itu tidak diberi sebarang peluang untuk membela diri atau membentangkan kesnya.

Safeguard, dengan izin, yang terkandung dalam Akta ini mengenai perkara ini adalah seperti berikut:

"Tahanan tidak boleh dilakukan bagi tempoh yang melebihi dua tahun. Sekiranya seseorang itu hendak ditahan lebih lama kerana didapati perlu untuk terus mencegah diri daripada bertindak secara memudaratkan keselamatan, maka kes orang itu adalah dipertimbangkan dengan teliti sebelum perintah tahanannya dilanjutkan. Setiap orang yang ditahan perlu diberitahu tentang alasan bagi tahanannya dan butir-butir tuduhan kepadanya selaras dengan jaminan yang diberi oleh Perlembagaan dan juga kehendak peruntukan dalam Akta itu sendiri".

Setiap orang tahanan adalah berhak untuk membuat representasi terhadap perintah tahanan terhadapnya dan representasinya didengar oleh Lembaga Penasihat dalam tempoh tidak lewat dari tiga bulan dari tarikh ianya ditahan. Lembaga Penasihat ini ditubuhkan menurut kehendak Perlembagaan dan Ahli-ahli Lembaga Penasihat ini adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Pengerusi Lembaga juga hendaklah seorang Hakim atau bekas Hakim atau seorang yang layak menjadi Hakim.

Lembaga Penasihat selanjutnya akan mempersembahkan laporan dan syornya kepada Yang di-Pertuan Agong yang mana akan menimbangkan syor tersebut dan mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan perlu kepada Menteri. Keputusan Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara ini adalah muktamad.

Di samping mendengar representasi daripada orang yang ditahan dalam tempoh tidak lewat dari tiga bulan dari tarikh ianya ditahan, Lembaga Penasihat juga diwajibkan mengkaji semula atau review, dengan izin, tiap-tiap perintah tahanan tidak kurang dari sekali setiap enam bulan dan mengemukakan laporan bertulis dan apa-apa syor yang difikirkan wajar mengenai setiap kajian semula kepada Menteri.

Bercakap tentang gari yang telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Marang dan juga dari Bukit Bintang; gari digunakan dalam tangkapan bagi mereka yang ditahan oleh Polis baru-baru ini di bawah ISA atau Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah sebab kes-kes di bawah Akta ini dianggap sebagai kes-kes besar, dengan izin, major cases. Dan menurut Peraturan-peraturan Tetap Polis Di-Raja Malaysia, tangkapan mereka yang disyaki dalam kes-kes tersebut hendaklah dilakukan dengan menggunakan gari.

Tuan Lee Lam Thye: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, wakil dari Bukit Bintang minta penjelasan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Boleh.

Tuan Lee Lam Thye: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan yang berkenaan atas dua perkara. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri ini adalah satu undang-undang menurut Perlembagaan yang sah. Saya tidak menafikan perkara ini. Tetapi saya suka bertanya Yang Berhormat itu, sama ada beliau sedar bahawa Ahli-ahli Parlimen khususnya Ketua Pembangkang yang telah ditahan di bawah ISA ini merupakan satu tindakan yang boleh disifatkan

bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri telah disalahgunakan. Oleh kerana sekiranya pihak Kerajaan dapat membuktikan apa-apa perkara yang telah dilakukan oleh Ketua Pembangkang bahawa beliau telah menyalahi undang-undang, mengapa beliau tidak dihadapkan ke mahkamah supaya beliau dapat satu peluang untuk membela diri.

Yang kedua, ialah mengenai masalah gari tadi telah disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sungguhpun saya sedar bahawa di bawah Akta Polis, Polis ada kuasa menggunakan gari, tetapi tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa gari itu adalah digunakan ke atas Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih oleh rakyat yang mendapat sokongan dan penghormatan rakyat dan sama ada Yang Berhormat itu sedar bahawa sekiranya gari itu digunakan ke atas mereka, tidakkah ini merupakan satu tindakan yang keterialuan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih. Kalau sekiranya Yang Berhormat dari Bukit Bintang sudah tahu bahawa Akta ini memang sudah diluluskan oleh Parlimen yang mulia ini dan tahu tentang isi kandungannya, saya fikir perkara seperti ini tidaklah kita bangkitkan. Kerana Polis berhak untuk menahan sesiapa di bawah Akta ini setama dua bulan. Dalam masa itu kajian dibuat. Dan dalam masa dua bulan itu, Akta memperuntukkan tidak payah dibawa ke mahkamah dalam tempoh penyiasatan itu. Kita tunggu sahaja penyiasatan itu. Jikalau sekiranya benar, maka akan terbukti benar, apabila perkara itu salah maka terbukti salah.

Dan dalam hal gari ini hanya Sultan-sultan sahaja yang terkecuali di bawah undang-undang. Yang lain, seperti kita ini baik Yang Amat Berhormatkah, Yang Berhormatkah adalah sama. Apabila kita dituduh di

bawah undang-undang itu, kalau terpaksa digari terpaksa kita terima hakikat bahawa kita digari. Bukan maknanya kita dipilih oleh rakyat masa pilihanraya kita tidak buat salah; menang kita. Tetapi mana rakyat tahu bahawa suatu masa kita buat salah, kita akan digari. Terimalah hakikat itu. Kalau kita sama-sama membuat undang-undang itu di dalam Parlimen ini mengapa kita hendak bangkitkan. Kita hadapilah. Yang benar akan benar, yang salah akan salah. Dan saya tidak nampak sepertimana Yang Berhormat kata bahawa akan gelap dan hitamlah dunia ini.

Bagi saya, Akta ini digunakan ialah untuk mengekalkan demokrasi. Kerana negara ini bukanlah, dengan izin, the law of the jungle. Semua orang boleh buat apa sahaja. Tidak ada Akta yang boleh menyekat orang. Hendak tembakkah, hendak telanjang bolengkah, ada undang-undang negara ini untuk menentukan. Satu-satunya ialah ISA digunakan demi untuk menunjukkan kepada rakyat, kepada negara, kepada orang luar bahawa di negara ini ada orang berkuasa, ada undang-undang yang boleh menyelamatkan negara ini daripada keruntuhan, bukannya the law of the jungle, dengan izin.

Dan perkara ini bukan satu perkara luar biasa. Telah dijalankan sejak kita mencapai kemerdekaan. Kalau katakan Kerajaan hari ini zalim, dulu tidak timbul perkataan zalim ini.

Minta maaf, saya ingin memberi statistik:

Zaman Perdana Menteri kita yang pertama—1,675 tangkapan; di bawah ISA. Perdana Menteri yang kedua—1,125 tangkapan; Perdana Menteri yang ketiga—2,048 tangkapan; Perdana Menteri yang keempat—346 tangkapan. Zalim? Mengapa dulu tidak timbul perkataan "sudah hitam negara ini". 346, hitam? Di manakah keadilan dan penilaian yang kita buat?

Jadi, saya harap atas perkara ini kita bertenanglah. Sebagai Wakil-wakil Rakyat yang bertanggungjawab yang menghormati tentang undang-undang yang sama-sama dibentuk dalam Dewan ini tidak sekali-kali penganiayaan hendak dibuat di atas pihak-pihak tertentu.

Tuan Lee Lam Thye: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Bintang minta penjelasan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Boleh.

Tuan Lee Lam Thye: Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Dewan ini berkaitan dengan penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri telah menyatakan bahawa Kertas Putih akan dibuat. Saya ingin menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu sama ada Kementerian yang berkenaan bercadang untuk membentangkan Kertas Putih tersebut dalam Dewan yang mulia ini agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat tentu dapat dan ada peluang untuk membahaskannya memandangkan ini satu perkara yang melibatkan satu isu yang begitu penting untuk negara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, masalah Kertas Putih ini, pihak Kementerian akan mengkaji sedalam-dalamnya dan mengambil ingatan atas cadangan yang telah dibuat oleh Wakil Rakyat dari Bukit Bintang.

Bercakap tentang apa yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Gopeng tentang bukan warganegara (stateless persons) ini memang tidak ada satu perangkaan yang disimpan tentang stateless persons. Sesiapa sahaja yang difikirkan layak menjadi warganegara

mereka boleh memohon. Dan bila bercakap bahawa ramai yang 16 tahun, 12 tahun permohonan tidak diluluskan. Saya juga ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Gopeng bahawa tidak ada lagi permohonan-permohonan lama yang belum diluluskan. Kebanyakan sudah diluluskan. Saya telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa bilangan yang tidak lulus adalah begitu kecil sekali. Kalau saya tidak silap sehingga sekarang yang lulus sampai hampir-hampir 3 juta tetapi yang tidak lulus tidak sampai pun 5,000 hingga 10,000. Tetapi yang 5,000 ke 10,000 inilah yang menjadi bising manakala 2.9 juta itu tidak pernah dapat ucapan terima kasih.

Jadi, kalau ada pun yang tinggal, Yang Berhormat, mungkinlah permohonan-permohonan baru. Ini mengikut statistik yang ada. Jadi kita tidak bolehlah hendak melonggarkan permohonan ini walau dari siapa sekalipun kerana kita memikirkan bahawa pemberian taraf kewarganegaraan ini adalah yang paling tinggi sekali bagi seseorang manusia. Kalau tidak ada taraf warganegara bagi orang itu maka dia seumpama terapung-apung di tengah laut atau di tengah udara. Tidak guna mempunyai bintang penuh di badan, tetapi kalau taraf warganegara tidak ada. Jadi, bagi saya, taraf kewarganegaraan adalah taraf yang paling tinggi bagi seorang manusia, maka penelitian yang teliti harus kita tekankan kepada tiap-tiap permohonan. Tidak adalah perkara relax, minta maaf, dapat kita buat.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar menyentuh tentang pemalsuan pasport. Pasport Malaysia ini adalah pasport yang paling diminati oleh sindiket-sindiket asing. Oleh kerana selama ini pasport Malaysia mempunyai integriti yang baik di kebanyakan negara-negara asing, bukan kerana tidak ada sekuriti sivil, kita mesti mengkaji bahawa rakyat

negara kita ini berbilang kaum. Jadi, kalau orang keluar masuk dalam negara ini susah kita kenali, dia orang asing atau tidak. Bagi negara Jepun, mungkin kalau saya masuk atau Wakil dari Kota Setar masuk, mungkin ada erap-erap, macam orang Jepun. Tetapi bagi Wakil dari Tasek Cenderuh pergi ataupun Tuan Pengerusi sendiri pergi, kita tahu bukan rakyat Jepun (*Ketawa*). Jadi, kita kena tahu keunikan rakyat negara kita ini menyebabkan senang pasport antarabangsa kita dipergunakan oleh orang-orang lain. Jadi, kita akan mengambil tindakan tentang hal ini. Tangkapan telah pun kita buat, kita telah pun hantarkan pihak-pihak yang bersalah di kurungan dan perkara ini akan kita tentukan dari masa ke semasa.

Tentang masalah-masalah visa Peranchis, adalah benar Peranchis mengenakan semula visa kepada rakyat Malaysia. Akan tetapi, Malaysia tidak bertindak balas mengenai visa rakyat Peranchis kerana negara ini setakat ini tidak berpendapat adanya faedah untuk mengenakan visa dari lawatan rakyat negara tersebut ke negara ini. Kita merasakan tidak perlu. Malahan lawatan mereka boleh menggalakkan lagi industri pelancongan ke negara ini.

Masalah Orang Asli banyak sangat dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, Tanah Merah dan sebagainya. Perkara ini akan diambil ingatan, terutama yang bersangkutan-paut dengan pelajaran agama, yang memang kita rasakan bahawa tidak berkembang dengan luas, tetapi apa diharapkan Kementerian Dalam Negeri dapat pertolongan daripada Jabatan-jabatan Agama Negeri dan juga Jabatan-jabatan Agama Daerah, agar penekanan ajaran agama Islam kepada Orang-orang Asli ini dapat dipertingkatkan sepertimana yang telah dibuat oleh missi-missi agama

lain. Kerana dalam kawasan pillhanraya saya sendiri mempunyai Kawasan Orang Asli yang luas dan tindakan atau gerak-kerja yang dilakukan oleh Pejabat-pejabat Agama tidak sekemas mana dibandingkan dengan misi-misi agama lain. Masalah tempat, jalan dan juga rumah di kawasan Tanah Merah ini akan diambil berat oleh pihak JOA sendiri.

Tuan Pengerusi, ini masalah yang dibangkitkan oleh Wakil dari Kuala Kedah iaitu masalah Jabatan Percetakan Negara memang mempunyai rancangan untuk membesarkan unit percetakan Parlimen yang ada sekarang di JPN dan Ibu Pejabat dengan peruntukan wang yang disediakan dalam tahun 1988. Di atas cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah, Kementerian akan menimbang sama ada wajar atau tidak diwujudkan di kawasan Parlimen.

Tuan Pengerusi, oleh kerana terlalu banyak perkara-perkara yang telah dibangkitkan, saya terpaksa mengkaji yang mana penting dan yang mana tidak penting.

Tentang penjara yang telah dibangkitkan, bukan sahaja oleh Wakil dari Lembah Pantai, yang sudah tidak ada di sini, tetapi ada beberapa lagi Wakil, inginlah saya nyatakan bahawa setelah kita tubuhkan Jawatankuasa mengkaji masalah kesesakan di penjara, kita dapati bahawa keadaan kesesakan di penjara ini bukanlah seburuk mana yang kita fikirkan. Kalau diagihkan benar-benar, penjara yang ada termasuk tiga buah penjara yang sedang dibina dalam tahun 2000, kita dapati tempat-tempat yang ada adalah melebihi banduan yang dijangkakan masuk penjara pada tahun itu. Tetapi pengagihan ini tidak dijalankan dengan begitu rapi menyebabkan ada penjara yang sesak, ada penjara yang terlalu selesa. Jadi, pengagihan ini

akan kita jalankan dari masa ke semasa dan adalah tidak wujud lagi masalah kesesakan.

Bercakap bahawa penjara-penjara negara kita ini terlalu uzur, setelah saya melawati penjara-penjara di seluruh negara, saya dapati bahawa penjara-penjara yang lama ini lebih kuat, lebih kukuh. Besi jerjak tingkap penjara yang didirikan pada tahun 1925 adalah lebih sukar dipotong daripada besi penjara tingkap yang ada pada hari ini kerana besi yang ada pada masa yang lepas itu adalah besi-besi yang benar-benar kuat. Jadi, untuk mengatakan bahawa penjara kita yang didirikan begitu lama itu uzur, saya merasa tidak masih kuat. Penjara Alor Setar, Penjara Taiping, Penjara Pudu dan sebagainya masih kuat, hanya kita terpaksa tentukan apa yang patut digantikan sedikit-sebanyak supaya kita sesuaikan dengan keadaan masa yang ada hari ini.

Tentang Polis Hutan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang, memanglah kita menggunakan segala-galanya, kita tidak akan membazirkan tenaga mereka. Sungguhpun sekali-sekala kita melawat mereka nampak sihat walafiat di kem-kem yang di bandar-bandar, yang sebenarnya, mereka baru balik daripada bertugas dalam hutan. Masa mereka bertugas dalam hutan kita tidak tahu, tetapi masa mereka berehat sahaja yang kita nampak. Kebanyakan mereka yang sebenarnya bertungkus-lumus ke hutan, ke pantai di Sabah dan Sarawak, di tengah pulau, menjaga jalan dan sebagainya. Memang kita pergunakan apa sahaja untuk kepentingan dan keselamatan negara. Kita tidak sekali-kali hanya meletakkan mereka di dalam hutan sahaja. Bagaimanapun, kalau ada cadangan-cadangan yang bernas oleh Yang Berhormat tentang apa yang patut lagi kita pergunakan, kita akan mengambil ingatan tentang hal ini.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Ya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Tadl, saya mencadangkan supaya anggota Polis Hutan ini diserapkan untuk membantu Polis, membantu Unit Penyeludupan, membantu Pasukan Petugas Tujuh. Jadi, macam mana cadangan ini, adakah akan dikaji semula kerana memandangkan keperluan anggota itu bagi menggambarkan bahawa unit-unit tadi atau pasukan tadi akan bertambah kuat dan juga kita dapat jadikan juga anggota Polis Hutan ini supaya dapat memainkan peranan yang lebih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Terima kasih. Sepertimana yang saya katakan tadi bahawa Polis Hutan ini dipergunakan oleh pihak Polis dalam bermacam-macam kerja, walaupun dalam cawangan jenayah, cawangan keselamatan yang lain memang kita pergunakan. Dan mereka sentiasa dalam keadaan yang bersiap sedia. Kalau mereka tidak ada di kem, mereka dihantar ke hutan, mereka dihantar ke pulau dan sebagainya. Dan kalau tidak ke hutan dan ke pulau, kita gunakan untuk jenayah dan cawangan-cawangan lain yang ada dalam Polis. Memanglah kita pergunakan mereka, dan jikalau sekiranya untuk menolong Pasukan Petugas Tujuh juga kita boleh pertimbangkan masalah tersebut.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, berapa lama lagi?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Oleh kerana

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Banyak lamakah?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Tuan Pengerusi, banyak sangat yang bercakap, tetapi bercakap semuanya bertindih, jadi saya cuba hendak cari mana yang tidak bertindih

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Kita beri Yang Berhormat masa untuk cari.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Saya cari-cari yang tidak bertindih ini

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Masa sudah cukup sekarang, Yang Berhormat boleh sambung esok.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Esok? Tuan Pengerusi, saya ucapkan, terima kasih.

Majlis Mesyuarat berstdang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan **hingga** pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.